

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

r

HARISELAS A: 14 JUN 2011

L _____

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

SOALAN NO: 3

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	: Tuan Wong Ho Leng [Sibu]
TARIKH	: 14 Jun 2011 (Selasa)
SOALAN	: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengapa subsidi diesel bagi 9 jenis pengangkutan barang dan bot nelayan laut dalam kelas C2 telah dimansuhkan. Bagaimana Kerajaan memastikan inflasi tidak akan berlaku selepas pemotongan subsidi tersebut.
JAWAPAN	: Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang DiPertua,

Pemberian subsidi bahan api kepada 9 pengangkutan barang dan nelayan laut dalam C2 bertujuan menampung sebahagian daripada kos operasi pengangkutan dan menangkap ikan, pengusaha lori dan vesel perikanan.

Dalam penstrukturkan semula subsidi diesel, Kerajaan telah mengambil kira kepentingan kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan bantuan iaitu pengangkutan awan dan nelayan pantai. Justeru, nelayan pantai yang beroperasi di Zon A, B dan C masih lagi menikmati diesel dan petrol dengan harga *super subsidy* iaitu RM1.25 seliter. Manakala pengangkutan awam masih menerima *super subsidy* iaitu RM1.48.

Nelayan Zon C2 dan pengangkutan barang merupakan pengusaha / syarikat yang mencebur dan bergiat dalam industri pengangkutan dan perikanan laut dalam secara komersial serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Namun begitu, pengusaha vesel Zon C2 dan pengangkutan barang masih diberi subsidi oleh

Kerajaan. Kerajaan hanya mengurangkan kadar subsidi bahan api yang diberikan sebanyak RM0.55 seliter iaitu daripada RM1.25 seliter kepada RM1.80 seliter untuk nelayan C2 dan RM0.32 sen dari RM1.48 seliter kepada RM1.80 berbanding dengan harga industri yang mengikut harga pasaran RM2.80 seliter.

Untuk vesel zon C2, Kerajaan telah menaikkan kadar Insentif Hasil Tangkapan Ikan daripada RM0.10 sekilogram kepada RM0.20 sekilogram. Pemberian insentif ini diharap akan mendorong pengusaha vesel Zon C2 meningkatkan hasil tangkapan dan menambah bekalan ikan dalam negara.

Selain daripada itu, pengusaha dan pekerja vesel warga tempatan yang bekerja di atas vesel Zon C2 masih diberikan Elaun Sara Hidup sebanyak RM200 sebulan.

Bagi membendung kenaikan harga barang-barang makanan terutamanya di pasar dan restoran berikutan pengurangan subsidi baru-baru ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah seperti:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan;
- (ii) Menetapkan harga runcit terhadap beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan diantara pihak industri dan
 - Kementerian. Sebarang perubahan harga barang ini perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian;
- (iii) Menetapkan harga barang secara undang-undang sama ada di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011;
- (iv) Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara sama ada secara berskala, secara mengejut atau berdasarkan

aduan pengguna oleh pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga;

- (v) Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan serta restoran bagi menentukan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikan harga berikut dengan pengurangan subsidi baru-baru ini;
- (vi) Mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barang berkenaan;
- (vii) Mengadakan sesi dialog dan perbicangan dengan persatuan industri-industri berkaitan serta persatuan-persatuan peniaga bagi menerangkan isu kenaikan harga barang dan meminta supaya industri tidak menaikkan harga produk akhir mereka secara drastik;
- (viii) Meminta pihak pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran kerana jika pengeluaran meningkat berbanding permintaan, harga barang akan rendah;
- (ix) Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan;
- (x) Melaksanakan Skim kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Kaamatan dan Hari Gawai;
- (xi) Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (*value for money*);
- (xii) Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga yang bertujuan

memastikan harga barang keperluan di pasaran diturunkan dan barang tersebut dijual pada harga berpatutan dan;

- (xiii) Mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikkan harga barang secara melampau dan sewenang-wenangnya di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010. Undang-undang ini membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ke atas peniaga yang mengambil keuntungan secara berlebihan bagi melindungi kepentingan pengguna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sebab kedudukan Malaysia dalam Press Freedom Index menurun mendadak dari tangga 131 ke 141 daripada 178 buah negara. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki imej negara di arena antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kajian ‘*Press Freedom Index*’ adalah berasaskan kepada nilai-nilai

SOALAN NO: 10

kebebasan akhbar yang wujud dan ianya adalah amat berbeza jika dibandingkan nilai kebebasan media antara satu negara dengan yang lain. Nilai kebebasan media di Malaysia adalah bersesuaian dengan

peraturan serta perundangan yang diamalkan di negara ini dan sosiobudaya rakyatnya.

Persepsi pihak-pihak luaran berbeda-beda dari semasa ke semasa. Indeks yang Yang Berhormat sebutkan itu adalah dalam pemerhatian Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian ini.

Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing. Pengguna internet melebihi 17 juta orang di negara ini dan pengguna *Facebook* adalah yang paling ramai di negara ini mengikut nisbah pengguna dan bilangan penduduk. Ini semua mencerminkan tahap kebebasan bersuara di negara ini

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)

TARIKH 14.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) statistik terkini obesiti dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah mengikut peratusan; dan
- (b) adakah aktiviti Kembara Riang Ria Pemakanan di Sekolah Rendah anjuran bersama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan untuk menangani masalah obesiti akan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan apa juga aspek berkaitan dengan pembangunan modal insan negara, termasuklah dari aspek kesihatan. KPM juga sedar bahawa kesihatan adalah salah satu faktor penting dalam memastikan murid dapat belajar dengan cemerlang. Walau bagaimanapun, sehingga kini KPM belum menjalankan sebarang kajian spesifik tentang obesiti dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Namun, menu rut laporan kajian “**A national study on the prevalence of obesity among 16,127 Malaysians**” yang dijalankan secara bersama oleh pakar-pakar daripada universiti-universiti tempatan dan agensi kerajaan

menunjukkan bahawa kadar obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas adalah 11.7 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjaga taraf makanan yang disediakan di sekolah, KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggariskan panduan pemakanan sihat di kantin sekolah yang terkandung dalam Buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah. Buku panduan ini diedarkan kepada semua sekolah untuk digunakan. Dalam perkembangan terkini, KPM bersama KKM sedang melihat dan menilai semula garis panduan berkaitan aspek pemakanan sihat di semua kantin sekolah.

- (b) Program Kembara Riang Ria Pemakanan di sekolah merupakan salah satu program menangani masalah obesiti di sekolah-sekolah. Bagi peringkat permulaan, program ini yang merupakan satu program usaha sama antara KPM dan KKM yang dijalankan di peringkat sekolah rendah. Keberkesanan program ini akan dinilai dan KPM amat berharap bahawa ia akan diteruskan ke peringkat sekolah menengah.

Rjm 15

- vii) menggunakan tanah terbiar bagi penanaman padi.

Dalam aspek kawalan harga dan mutu beras, harga yang dikawal oleh Kerajaan adalah beras tempatan sahaja manakala harga beras import tidak dikawal oleh Kerajaan. Mutu beras pula dipantau dari aspek tahap peratus hancur supaya beras yang dijual di pasaran menepati Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN KAMALANATHAN *AIL*
PANCHANATHAN**

[HULU SELANGOR]

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

14 JUN 2011 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah cadangan untuk menyatukan bil pembetungan (IWK) dan bil air negeri-negeri akan dilaksanakan sebagai salah satu formula dilihat paling berkesan untuk mengatasi isu kutipan bil pembetungan yang selalu tertunggak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Masalah utama yang sering dihadapi oleh pihak Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dalam mengutip bil perkhidmatan pembetungan adalah sikap pengguna itu sendiri yang enggan menjelaskan bil tersebut sungguhpun perkhidmatan telah diberikan.

7	PERAK	15	0
8	PULAU PINANG	1	1
9	SELANGOR	12	0
10	TERENGGANU	7	0
11	PERLIS	1	0
12	WILAYAH PERSEKUTUAN	3	0
13	SABAH	23	1
14	SARAWAK	26	0
			<i>ffSif'i t-Ji</i>

Semua kepentingan penduduk tanpa mengira gender, kaum dan peringkat umur diambil kira oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam sistem penyampaian perkhidmatannya. Selain itu, Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri juga boleh memainkan peranan dalam menyuarakan isu dan masalah yang berkaitan dengan penduduk di zon masing-masing. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan isu dan masalah tersebut berdasarkan bidang kuasa yang telah ditetapkan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

SOALAN NO.: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD.
SADIQUE

KAWASAN TENGGARA

TARIKH : 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi melaksanakan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) yang merangkumi Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) di semua lebuh raya bertol seluruh negara bagi menggantikan sistem plaza tol sekarang dan nyatakan manfaatnya kepada pengguna iebuh raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (Multi Lane Free Flow - MLFF) - iaitu sebahagian dari inisiatif Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) di negara ini - secara berperingkat- peringkat di semua lebuh raya bertol bermula dari tahun 2012, sebelum ia dijangka untuk dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2015.

Pelaksanaan sistem MLFF akan menggantikan sistem plaza tol sedia ada dan ia mampu mengurangkan masalah kesesakan di lebuh raya, khususnya di plaza-plaza tol. Sistem ini juga lebih menjimatkan kos operasi kepada syarikat-syarikat konsesi berbanding kaedah manual sebagaimana yang diamalkan sekarang. Di samping itu, pelaksanaan sistem MLFF juga dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar kerana pengguna tidak perlu lagi berhenti untuk menjelaskan bayaran tol mereka manakala penggunaan kertas sebagai tiket transit juga dapat diminimumkan. Pada masa kini sistem MLFF ini telah digunakan secara meluas di negara-negara maju seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Singapura.

Sehubungan dari itu, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah melancarkan beberapa inisiatif bagi membiasakan para pengguna dengan kaedah bayaran tol secara kaedah elektronik. Antaranya ialah dengan menetapkan sasaran penggunaan ETC (Electronic Toll Collection) sebanyak 80% kepada pengguna di kawasan lebuh raya bandar dan 60% di lebuh raya luar bandar menjelang akhir tahun ini. Untuk itu⁷ LLM juga dengan kerjasama syarikat kad Touch n Go Sdn. Bhd. dan pengendali syarikat-syarikat

konsesi sedang giat melancarkan kempen penggunaan kad elektronik tersebut menerusi 'Program Jom Guna Touch 'n Go⁷ yang sedang diadakan di seluruh negara.

Di samping itu dalam masa yang sama, LLM juga sedang mengumpulkan maklum balas dan pandangan dari pelbagai pihak, khususnya orang ramai mengenai pelaksanaan sistem MLFF ini. Kajian pelaksanaan MLFF ini juga akan melibatkan rundingan dengan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya memandangkan terdapat implikasi kewangan dan perundangan berikutan dari pelaksanaan sistem tersebut. Bagi membolehkan sistem MLFF ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015, Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan pindaan kepada Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 1980, iaitu setelah mengambil kira pandangan dari pihak-pihak yang berkepentingan atau stakeholders.

Cadangan pindaan akta ini dijangka akan dibentangkan ke Parlimen selewat-lewatnya pada akhir tahun ini, tertakluk kepada persetujuan oleh jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

SOALAN NO: 17

[JERAI]

TARIKH **14 JUN 2011**

Soalan

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan senaraikan portal-portal berita online, laman-laman web dan blog-blog yang telah dikenakan tindakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan nyatakan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan undang-undang dibawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), dimana tindakan boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan telefon bimbit sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika

SOALAN NO: 16

disabitkan kesalahan, penjenayah boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50.000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu SKMM dengan kerjasama pemberi Perkhidmatan Internet (ISP) juga menyekat capaian laman web dengan peruntukan Seksyen 263(2) AKM, memberi amaran kepada pemilik laman web mengenai kesalahan yang dilakukan, serta membuat laporan penyalahgunaan atau penyiaran kandungan terlarang kepada hos laman web. Bagi kes-kes yang melibatkan penipuan, ia akan diambil tindakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia.

Sepanjang tahun 2010 hingga Mei 2011, sebanyak 2,286 laman web telah diambil tindakan, iaitu 1710 disekat, 240 diberi amaran dan 336 dilaporkan kepada pemilik hos mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemilik laman web.

SKMM juga telah mengambil tindakan ke atas 26 kes yang melibatkan penghinaan terhadap institusi Raja, lucah, hasutan dan lain-lain kes yang berkepentingan awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak 11 kes telah dituduh di mahkamah, 1 kes dikenakan tindakan kompaun, 8 kes diputuskan tiada tindakan lanjut (NFA) oleh Jabatan Peguam Negara, dan 6 kes masih dalam siasatan.

Sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, SKMM dan Forum Kandungan juga telah menubuhkan Biro Aduan Pengguna dimana pengguna dinasihatkan agar membuat aduan sekiranya menerima atau menemui kandungan sedemikian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI 14 JUN 2011
TARIKH (SELASA)
SOALAN NO. 17

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang berada di luar negara mengikut pecahan negara dan sejauh manakah program bagi menjelaskan isu-isu semasa kepada mereka ini diadakan dan apakah pula tindakan terhadap golongan yang meracuni pemikiran mereka agar membenci kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, terdapat seramai 79,254 orang pelajar sedang melanjutkan pengajian di 51 buah negara di seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,493 pelajar sedang menuntut di Australia, 13,796 orang pelajar di United Kingdom, 6,100 orang pelajar di Amerika Syarikat, 5,133 orang pelajar di Taiwan, 8,611 orang pelajar di Egypt dan 5,588 orang pelajar di Indonesia.

Kementerian sentiasa berusaha bagi memastikan pelajar-pelajar yang berada di luar negara mendapat makiumat yang tepat berkaitan isu-isu semasa negara. Usaha berterusan ini telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui pejabat *Education Malaysia* dalam memastikan penyaluran makiumat berkaitan isu-isu semasa negara diterima oleh pelajar. Aktiviti-aktiviti mendampingi pelajar yang dijalankan merangkumi program-program Pembangunan Sahsiah Pelajar Luar Negara dan program '*Winning Hearts and Mind*

Kementerian juga sentiasa menggalakkan semua pemimpin negara yang mengadakan lawatan ke luar negara untuk sama-sama bertemu dengan pelajar. Selain itu, pegawai tertinggi Kerajaan yang mengadakan lawatan ke luar negara juga turut mengadakan pertemuan dengan pelajar bagi memastikan mereka menerima makiumat yang tepat dan terkini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	JAWAPAN LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanannya untuk mewujudkan Model Ekonomi Baru. Setakat mana negara ini dapat melangkah ke tahap negara maju pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 18

Model Baru Ekonomi (MBE) merupakan satu gagasan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Pertumbuhan ekonomi disasar berkembang pada kadar 6% setahun bagi mencapai pendapatan per kapita sekurang-kurangnya 15,000 dolar Amerika atau 48,000 ringgit pada tahun 2020. Pembaharuan dan intipati MBE diambilkira dalam penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan disokong oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP) dijangka mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pelaksanaan program dan projek RMKe-10 serta komitmen pelaburan sektor swasta dalam bidang utama ekonomi negara (NKEA) adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk melangkah ke arah menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 19 April 2011, sebanyak 72 projek telah diumumkan dengan jangkaan nilai pelaburan swasta sebanyak RM106.4 billion, menjana pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak RM153.8 billion dijangka dapat mewujudkan 298,865 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Lonjakan pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.2% pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif 1.7% pada tahun 2009 telah berjaya meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang sebenar. Oleh yang demikian, jurang sebenar keluaran dalam negeri kasar (KDNK) berbanding dengan sasaran

asal Wawasan 2020 dapat dikurangkan kepada 24% dan pendapatan per kapita kepada 34% pada tahun 2010.

Struktur ekonomi juga telah ditransformasi daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian dan seterusnya kepada ekonomi yang berteraskan aktiviti perkhidmatan, hampir menyamai struktur ekonomi sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi dan maju. Di samping, negara juga mencatatkan prestasi yang setanding dengan negara maju dari aspek kualiti hidup seperti jangka hayat, pendidikan dan kemudahan infrastruktur. Sehubungan ini, pelaksanaan program transformasi kerajaan dan transformasi ekonomi serta RMKe-10 adalah amat penting untuk merealisasikan kejayaan ini menjelang 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

TARIKH

14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kementerian bagi menaik taraf Teratak Za'aba, Batu Kikir; dan
- (b) apakah usaha Kementerian bagi menghargai Warisan Pendeta Za'aba.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Secara dasarnya Teratak Za'ba adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sembilan melalui Muzium Negeri. Namun begitu, pihak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah berusaha menyediakan kemudahan dewan untuk kegunaan seminar atau majlis-majlis ilmu.

SOALAN NO: 19

(b) Antara usaha Kementerian bagi menghargai Warisan Pendeta Za'ba adalah:

- (i) menerbitkan buku bertajuk "Taqdir (sukatan Azali) dalam Ugama Islam mengikut pandangan Za'ba. Ianya telah diterbitkan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2007. Buku ini mengandungi rencana tulisan Za'ba yang diterbitkan dalam tulisan jawi oleh akhbar Al-Ikhwan bermula pada tahun 1928 hingga 1929;
- (ii) membina sebuah dewan untuk kegunaan seminar atau majlis-majlis ilmu. Ia terletak dalam kawasan Teratak Za'ba itu sendiri. Pelan pembinaan dewan ini telah disiapkan. Pada masa sekarang, pihak Kementerian sedang berusaha menyiapkan bangunan tersebut.

Pihak Kementerian akan sentiasa melaksanakan pelbagai program bagi menghargai Warisan Pendeta Za'ba daripada semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

NO. SOALAN : 20

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELOK INTAN)
TARIKH 14.06.2011 (SELASA)

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah jaminan untuk penyewa kereta di bawah Akta Sewa Beli di mana setelah membayar semua ansuran kereta terpakai pihak berkuasa mendapati pendaftaran kereta itu palsu dan terus merampas kereta itu. Siapakah yang akan memberi pampasan kepada penyewa/pembeli yang bona fide dan tidak bersalah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan peruntukkan Seksyen 33 Akta Sewa Bell 1967 (Pindaan 2010), iaitu 'Kuasa mahkamah untuk membuka semula transaksi sewa beli tertentu'.

Jika mahkamah mendapati bahawa transaksi tertentu adalah berat dan tanpa perasaan hati atau sebaliknya adalah adil untuk memberikan relief, mahkamah boleh membuka semula transaksi sewa beli tersebut tanpa mengira mana-mana pernyataan atau

penyelesaian akaun atau mana-mana perjanjian yang berupa menutup urusan dahulu dan mengwujud suatu obligasi baru. Antaranya ialah :

- (a) membuka semula apa-apa akaun yang telah ditutup;
- (b) melepaskan penyewa dan mana-mana penjamin daripada pembayaran mana-mana jumlah melebihi jumlah yang berkaitan;
- (c) mengenepikan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian atau mengulangkaji atau meminda mana-mana perjanjian yang dibuat;
- (d) memberikan penghakiman untuk mana-mana pihak yang terlibat;
- (e) mahkamah boleh membuat perintah lain berkaitan dengan orang selain daripada pemunya yang berkongsi keuntungan atau ada faedah yang mungkin terdapat atau di sebaliknya dalam transaksi itu;
- (f) prosiding boleh diambil di mahkamah oleh penyewa atau mana-mana penjamin bagi tujuan untuk memperolehi relief di bawah seksyen ini; dan
- (g) penyewa atau penjamin tidak berhak membuat apa-apa tuntutan jika barang tersebut telah diambil semula milikan oleh pemunya atau selepas berakhirnya tempoh empat bulan dari masa transaksi tamat.

Di samping itu, tindakan juga boleh diambil di bawah Seksyen 36 Akta yang sama jika peniaga, ejen atau orang bagi pihak pemunya menyediakan atau membuat perjanjian atau mengadakan tawaran yang mengandungi suatu pernyataan palsu atau representasi yang palsu. Jika disabitkan dengan suatu kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Penyewa juga mempunyai pilihan dengan melaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kerana ianya merupakan kesalahan menipu.

Soalan No: 21

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB DATUK SERI PANGLIMA
WILFRED MOJILIP
BUMBURING (TUARAN)**

TARIKH

14.06.2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah rumah PPRT yang telah dilulus untuk kawasan Tuaran pada tahun 2010 dan 2011 dan siapakah yang memilih penerima.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 2010 hingga 2011, kawasan Parlimen Tuaran telah diagihkan sejumlah 220 unit Projek Program Bantuan Rumah (PBR) dengan kos pembiayaan berjumlah RM8.8juta.

Pemilihan peserta PBR adalah dibuat dan dimuktamadkan oleh *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan keanggotaannya adalah terdiri daripada Agensi- Agensi Kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-pemimpin tempatan. Bagi negeri Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB) bertindak sebagai

penyelaras senarai peserta PBR yang dikemukakan oleh *Focus Group Daerah*.

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN WONG HO LENG (SIBU)

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kriteria bagi pemberian bantuan sosial, mengapa bantuan ini tiba-tiba dihentikan, mengapa pembayaran ditunda, dan juga mengapa sesetengah penerima bantuan tidak mendapat jumlah penuh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebijakan bagi memastikan golongan miskin dan berkeperluan dapat dibantu. Kriteria bagi pemberian bantuan JKM adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia. Jika Penduduk Tetap (PR) hendaklah bermastautin di Malaysia sebelum tahun 1957;

- (ii) pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 (Sarawak) dan RM960 bagi (Sabah); dan
- (iii) golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti jumlah ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan yang memenuhi semua kriteria dan syarat akan dipertimbangkan bantuan mengikut kadar yang ditetapkan. Bantuan kewangan JKM adalah bersifat sementara iaitu tempoh kelulusan diberikan selama 12 bulan pembaharuan kelulusan tertakluk kepada laporan kajisemula yang disediakan bagi menentukan kelayakan selanjutnya bantuan boleh dihentikan apabila:

- (i) mendapati maklumat yang diberikan adalah tidak benar;
- (ii) penerima bantuan telah dapat hidup berdikari; dan
- (iii) penerima bantuan telah meninggal dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini JKM menggunakan

dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Kaedah pembayaran secara tunai dibuat kepada penerima bantuan di pusat-pusat bayaran seperti di balai raya, pusat khidmat masyarakat setempat, Unit Khidmat Penyayang (UKP) dan juga di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian. Dalam kes-kes tertentu seperti kes pesakit terlantar dan tidak mampu hadir ke pusat-pusat bayaran yang ditetapkan, bayaran secara tunai dilaksanakan di rumah klien berkenaan. Bayaran melalui bank pula dikreditkan terus ke dalam akaun penerima bantuan.

Sungguhpun begitu terdapat sebilangan kecil kes penerima bantuan secara tunai lewat menerima bayaran bantuan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) klien tiada di rumah semasa bayaran dilakukan; dan
- (ii) klien tidak datang apabila dipanggil untuk menerima bantuan di pusat bayaran.

JKM sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan bayaran kepada penerima-penerima bantuan. Ini termasuklah menggalakkan penerima bantuan yang masih berupaya untuk menerima bantuan melalui

bank.

Berhubung isu penerima bantuan yang tidak menerima jumlah penuh bagi wang bantuan, kemungkinan perkara ini merujuk kepada pembayaran Bantuan Am Negeri. Pada masa ini, JKM menyediakan 2 baucar berasingan bagi pembayaran Bantuan Am Negeri kerana ia melibatkan 2 sumber kewangan iaitu daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Perbezaan masa bayaran dibuat juga menjadi faktor di mana penerima tidak menerima bayaran penuh pada satu masa kerana pembayaran dibuat pada waktu yang tidak seragam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] 14 JUN

PERTANYAAN 2011 (SELASA)

DARIPADA

TARIKH SOALAN:

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta PERDANA

MENTERI

menyatakan:

- (a) kebenaran laporan Statistik Stok Modal 1955-2009 yang julung kalinya dikeluarkan Jabatan Perangkaan Negara yang menunjukkankekayaan negara meningkat lebih 3,000 kali ganda dari 1955-2009, iaitu dari RM400 juta ke RM1.4 trilion; dan
- (b) apakah sektor-sektor yang menjadi penyumbang terbesar dan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan sektor-sektor tersebut terus berkembang pesat ke arah merealisasikan negara maju 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perangkaan stok modal adalah aset tetap yang terkumpul pada sesuatu masa dan dimiliki oleh pihak Kerajaan serta swasta di Malaysia. Di antara kegunaan utama perangkaan stok modal adalah untuk mengukur keupayaan pengeluaran output pada masa akan datang, kadar pulangan ke atas modal dan kekayaan negara.

Perangkaan ini disusun berdasarkan kaedah *Organisation of Economic Co-operation Development* (OECD) dan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang digunakan oleh kebanyakan negara. Malah, *Australian Bureau of Statistics*, telah mengesahkan perangkaan stok modal Malaysia menepati metodologi antarabangsa dengan tahap kualiti yang tinggi. Perangkaan ini telah disusun berdasarkan pelbagai sumber antaranya data daripada penyiasatan/banci ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia, data Arkib Negara Malaysia, laporan kewangan syarikat serta dokumen rancangan pembangunan negara.

Oleh yang demikian, peningkatan stok modal lebih 3,000 kali ganda dari 1955-2009 menunjukkan kepesatan pembangunan dan kekayaan negara yang dicapai semenjak kemerdekaan. Berdasarkan perangkaan yang dihasilkan, dekad 1970-an dan 1980-an menunjukkan perolehan stok modal yang besar sejajar dengan transformasi ekonomi daripada berasaskan pertanian kepada berasaskan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua,

Perangkaan stok modal Malaysia disusun mengikut 5 sektor utama ekonomi iaitu *pertanian; pembuatan; perkhidmatan; perlombongan dan kuari; dan pembinaan* dan ianya mengikut 4 jenis aset iaitu *struktur; peralatan pengangkutan; jentera dan kelengkapan; dan aset-aset lain*. Berdasarkan perbandingan mengikut sektor ekonomi, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 63.7 peratus atau 878.6 bilion ringgit daripada RM1.4 trilion ringgit pada tahun 2009. Dari segi jenis aset, penyumbang utama adalah pembangunan struktur, bernilai 909.5 bilion ringgit atau 65.9 peratus daripada jumlah stok modal pada tahun 2009.

Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan serta Rancangan Malaysia Kesepuluh dijangka dapat terus mengukuhkan pertumbuhan stok modal untuk terus meningkatkan potensi pertumbuhan negara sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD

RAM LI

TARIKH : 14.06.11 (SELASA)

NO. SOALAN : 24

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah dana yang terkumpul hasil sumbangan penerima AP untuk import kereta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 menetapkan bahawa setiap unit AP yang dikeluarkan ke atas syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dikenakan bayaran sebanyak RM10,000 bermula peruntukan AP Terbuka 2010.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Jun 2011, hasil kutipan pembayaran AP Terbuka adalah sebanyak RM398.21 juta. Sebahagian hasil kutipan akan disalurkan kepada Dana Automotif Bumiputera yang akan digunakan untuk melaksanakan program-program di bawah Pelan Pembangunan Bumiputera bagi:

- (i) memastikan penyertaan berterusan Bumiputera dalam sektor automotif; dan**
- (ii) membantu syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka sedia ada untuk beralih ke sektor-sektor perniagaan yang lain memandangkan sistem AP bagi pengimportan kenderaan terpakai akan dimansuhkan berkuat kuasa 1 Januari 2016.**

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]
TARIKH 14 JUN 2011
SOALAN

Tuan Ding Kuong Hilng [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) usaha dan rancangan Kementerian menambah bilangan doktor pakar di Hospital Pakar Sarikei; dan
- b) nyatakan juga rancangan Kementerian dari segi penyediaan perkakasan khasnya mesin untuk kerja-kerja seperti *Computed Tomography Scan (CT Scan)*, *Magnetic Resonance Imaging (MRI)* dan lain-lain di Hospital Pakar Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil berbagai langkah untuk menambahkan bilangan doktor pakar yang menyediakan perkhidmatan perubatan di semua hospital kementerian termasuk di Hospital Sarikei. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan Pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula Pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak.
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.
- iv. Menggalakkan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Bagi menambahkan lagi bilangan pakar, Kementerian Kesihatan telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009 dan 800 orang mulai sesi 2010/2011 bagi memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai Pakar Perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

katil (*Bed Occupancy Rate*) hanya sekitar 28 hingga 29 peratus dan mempunyai 8 orang doktor termasuk seorang Pakar Pediatrik. Perkhidmatan kepakaran bagi disiplin lain disediakan menerusi lawatan secara berkala Pakar-pakar dari Hospital Sibu dan Hospital Umum Sarawak Kuching.

KKM akan terus berusaha menempatkan Pakar Perubatan di Hospital Sarikei secara berperingkat. Pada bulan Julai 2011, seorang Pakar Obstetrik & Ginekologi akan ditempatkan di Hospital Sarikei.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Pengimejan dan Diagnostik, Hospital Sarikei sudah sedia ada mempunyai sebuah mesin X-Ray dan sebuah *Fluoroscopy* yang sudah memadai untuk menjalankan fungsi-fungsi asas sebuah hospital.

Buat masa ini, Kementerian belum bercadang untuk menempatkan peralatan-peralatan seperti *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) dan *Computed Tomographic Scan* (CT Scan) di Hospital Sarikei memandangkan hospital berkenaan masih belum mempunyai Pakar Radiologi.

Pesakit yang memerlukan perkhidmatan *CT Scan* dan *MRI* akan dirujuk ke Hospital Sibu. Sepanjang tahun 2010 hanya terdapat satu (1) pemeriksaan *MRI* dan 58 pemeriksaan *CT Scan* yang dirujuk ke Hospital Sibu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISA
N
Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L
SUNDARAM

TARIKH: 14 JUN 2010

DARIPADA: SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan penyebab utama kadar jenayah di kalangan masyarakat India paling tinggi. Nyatakan usaha-usaha yang dijalankan dalam membendung penularan kumpulan gelap di sekolah-sekolah.

PR-1242-L44571

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara penyebab utama kadar jenayah di kalangan masyarakat India paling tinggi adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut >

a) Keciciran dalam Persekolahan

- i. Daripada penelitian yang dibuat didapati ramai remaja India tidak menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima dan ini menyebabkan mereka tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka ini tercicir samada di peringkat darjah enam (UPSR), Tingkatan 1(kelas peralihan), Tingkatan 3 (PMR) atau di tingkatan 4. Akibat ketiadaan kelulusan SPM, menyebabkan mereka sukar memasuki institusi kemahiran kerajaan. Selain itu keadaan ekonomi keluarga juga menyebabkan mereka tidak mampu mengikuti kursus kemahiran di institusi- institusi swasta.
- ii. Ekoran kegagalan dalam pelajaran dan ketiadaan sijil kemahiran ini, remaja-remaja India terpaksa membuat kerja-kerja biasa yang tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan. Jenis kerja seupama ini memberikan pendapatan yang paling rendah dan yang tidak dapat menyara hidup mereka dan akhirnya mereka terjebak dalam kegiatan jenayah seperti samun, ragut, mencuri dan sebagainya yang boleh mendatangkan wang lumayan dalam masa yang singkat.

- iii. Kegiatan gangsterisme di sekolah juga agak membimbangkan, ada geng yang mengrekрут pelajar ke dalam kumpulan geng mereka.

b) Latarbelakana Keluarga & Kemiskinan

- i. Keretakan dalam keluarga yang kucar-kacir seperti keluarga yang berpecah-belah (Ibu atau ayah melarikan diri meninggalkan keluarga) ditambah dengan kemiskinan isirumah juga mempengaruhi penglibatan remaja dan belia India terjerumus dalam kegiatan jenayah.
- ii. Ibu bapa yang tidak memberi perhatian serius atau mengambil pendekatan keibubapaan yang betul dalam mengasuh anak-anak menjadi pendorong kepada kejadian ini. Mengutamakan kerja, kerana perlu mencari duit untuk menanggung keluarga yang hidup dalam kemiskinan, menyebabkan secara tidak langsung anak terbiar dan tidak diasuh dengan baik.
- iii. Emosi anak ini terganggu, mereka mencari teman dan ‘idola’ di luar dari keluarga. Mereka mengagumi ‘kumpulan gelap’ kerana mereka kononnya bergaya-‘macho’, memiliki kenderaan, mempunyai ramai pengikut dan berani.

c) Penoaruh Fitem

- i. Kebanyakan filem yang gemar ditontoni oleh belia India adalah filem-filem dari Negara India yang banyak

memaparkan aksi-aksi keganasan, gaduh dan kegiatan jenayah. Kebanyakan filem-filem ini tidak melalui tapisan yang ketat, yang mana secara langsung mengundang kumpulan gelap untuk meniru aksi gaya yang ditonjolkan oleh ‘hero’ atau ‘penjahat’ dalam filem-filem berkenaan. Contohnya; Aksi ‘hero’ memancung kepala ‘penjahat’ juga ada dipaparkan di filem ini^ang mana membawa mesej yang songsang kepada remaja India bahawa adalah tidak salah sekiranya seorang ‘hero’ memancung kepala ‘penjahat’ kerana apa sahaja yang dilakukan oleh ‘hero’ adalah hakikatnya untuk kebaikan. Tambahan pula kadang-kala filem dari India ini, mempaparkan penjahat sebagai hero dan pihak polis sebagai kumpulan jahat.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Usaha-usaha menangani masalah jenayah
dikalangan masyarakat India

- a. Kebanyakan pelajar yang cenderung untuk dipengaruhi dengan kumpulan gelap adalah mereka yang tiada berminat dalam akademik dan tidak dapat menyesuaikart diri dengan sistem

pendidikan di sekolah. Bagi mereka yang sememangnya tercicir atau 'dibuang sekolah', peluang mereka mendekatkan diri dengan kumpulan gelap adalah tinggi.

- b. Adalah diperhatikan, kebanyakan pelajar ini terlibat dengan

jenayah. Halatuju pelajar ini menjadi tidak menentu. Suatu program di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu SLDN (Skim Latihan Dual Nasional) berusaha melatih pelajar-pelajar tercicir ini dan menempatkan mereka di tempat pekerjaan. Prestasi pelajar berkenaan dipantau oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bersama syarikat yang mengambil menempatkan mereka.

- c. Pelajar ini yang berumur 15 tahun ke atas dibenarkan untuk mengikuti Kursus latihan kemahiran di Pusat Bertauliah yang diiktiraf oleh kerajaan. Peluang untuk pelajar yang tidak pandai akademik; untuk mengikuti latihan kemahiran adalah amat luas. Kerajaan ada menyediakan bantuan kewangan-di mana pelajar-pelajar ini boleh memohon untuk pinjaman kewangan dari Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi mengikuti Sijil Kemahiran.
- d. Beberapa program untuk memulihkan belia-belia India yang terlibat dalam jenayah dipergiatkan dengan kerjasama dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dibantu dengan Jobs Malaysia dan TEKUN. Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) dengan kerjasama agensi tersebut mengambil langkah untuk mengalihkan belia India yang mencari sara hidup dengan melakukan jenayah menceburi bidang perniagaan kecil melalui pinjaman perniagaan TEKUN dan membantu mendapatkan pekerjaan melalui Jobs Malaysia. Begitu juga berkerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan untuk membawa remaja-remaja ini menyertai aktiviti-aktiviti Rakan Muda.
- e. SITF dengan kerjasama dari Ibu Pejabat Polis Daerah telah

mengadakan beberapa Sesi Dialog mengenai isu-isu gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar Sekolah. Objektif dialog ini adalah untuk mengenalpasti tahap tata tertib di Sekolah dan membincangkan kaedah-kaedah yang dapat digunakan untuk mengatasinya. Pengetua dan PIBG sekolah serta wakil-wakil NGO berkenaan telah hadir mengemukakan cadangan dan berkongsi maklumat. Melalui sesi dialog ini beberapa kawasan berisiko tinggi kejadian jenayah di kalangan masyarakat India di kejiranannya '*neighborhoods*' dikenalpasti untuk tindakan pemulihan.

- f. Untuk memesrakan Polis dan Masyarakat India, SITF akan mengadakan program-program bertemu Rakyat dimana pegawai dari Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Daerah akan berjumpa dan mendengar sendiri permasalahan rakyat. Dalam program ini, remaja dan belia India didedahkan dengan bahaya penglibatan mereka dalam kumpulan gelap dan jenayah. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti pameran narkotik, pendaftaran Rakan-Cop dan sebagainya.
- g. Untuk memperbetulkan persepsi rakyat India terhadap polis, isu-isu buang daerah, tahanan di Simpang Rengam, Macang dan tahanan remaja dilokap diberi perhatian oleh SITF. Dengan kerjasama dari beberapa Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dan pengalaman dari pegawai-pegawai Polis dan Penjara yang telah bersara, SITF mencadangkan supaya pesalah remaja diberi alternatif pemulihan berbanding dengan tindakan buang daerah ke kawasan pendalaman yang kini dilaksanakan. Pesalah remaja ini dapat dipulihkan dalam satu Pusat Pemulihan yang dapat menyedarkan pesalah melalui

kaunseling, perubahan minda dan penerapan nilai-nilai hidup disamping memberikan latihan kemahiran untuk mereka.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)**

TARIKH **14.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan kesediaan Kementerian untuk merealisasikan satu aliran sekolah rendah seperti yang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara bangsa yang berjaya dan dicontohi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan idea untuk memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran sekolah rendah memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang berjaya dan dicontohi, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh pihak KPM. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah melaksanakan beberapa strategi, antaranya:

- Menggunakan kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;

- Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;
- Mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
- Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah dan mata pelajaran wajib lulus dalam SPM mulai 2014;
- Memperkuatkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina(SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT);
- Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan;
- Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian serta mematuhi dasar pendidikan; dan
- Memastikan setiap aktiviti kurikulum mengikut komposisi kaum.

Di samping itu, KPM telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi menarik pelbagai kaum untuk bersekolah di Sekolah Kebangsaan; memperkenalkan program Sekolah Wawasan yang menempatkan dua atau tiga aliran sekolah rendah di dalam satu kompleks; dan juga melaksanakan program Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan program yang melibatkan pelaksanaan aktiviti secara bersama di antara sekolah pelbagai aliran agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

KPM menitikberatkan pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan selesa kepada murid dan guru di sekolah. Buat masa ini KPM masih mengekalkan dasar sedia ada kerana mengambil kira kesesuaian dari aspek lokasi, infrastruktur dan kepentingan-kepentingan lain yang boleh memberi kesan politik dan sensitiviti semua pihak.

Rjm 11

2gr

No. SOALAN: 2^

PERTANAYAN

LISAN

DARIPADA Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]]

TARIKH 14 Jun 2011

SOALAN Tuan Liew Chin Tong [BukitBendera] minta
PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan kontrak dan tetap Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), serta bayaran PEMANDU untuk Perkhidmatan Perunding.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koors)

Secara keseluruhannya, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri mulai September 2009 kini mempunyai sejumlah 127 orang pegawai dan penjawat, antaranya 75 orang secara kontrak, 39 orang yang dipinjam dari Kerajaan (*secondment*), 8 orang dipinjam dari syarikat-syarikat milikan kerajaan (GLC) dan 5 orang dipinjam dari syarikat-syarikat swasta. Kakitangan PEMANDU ini dilantik dan melaporkan secara berkala sejak Disember 2009.

PEMANDU telah giat melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan menggunakan kaedah pengurusan makmal (labs) dan Key Performance Indicators (KPI). Setakat ini, di bawah GTP, sebanyak 8 makmal yang melibatkan lebih 300 peserta telah diadakan selama 6 minggu untuk menggubah program bagi enam (6) NKRA. Untuk ETP pula, sebanyak 12 makmal NKEA selama 8 minggu telah diadakan yang melibatkan lebih 500 peserta. Selanjutnya, 6 makmal mengenai Strategic Reform Initiatives (SRIs) berkaitan dengan New Economic Model dan ETP telah dijalankan.

Di samping itu, sebanyak 12 makmal lain dilaksanakan, di mana 6 adalah berkaitan dengan isu-isu spesifik dari NKRA seperti Drugs Lab, Violent Crime Backlog Lab, Teacher Quality Lab, Water Project Cost Reduction Lab, Sabah and Sarawak Bumi Lab, Curriculum Revamp Lab. Selebihnya makmal-makmal bagi isu- isu negara yang penting, walaupun tidak berkaitan dengan NKRA iaitu Foreigner's Management lab, Sabah

Foreigners Management Lab, Subidy lab, Sports Lab dan Youth Lab. Jumlah peserta bagi 12 makmal ini adalah lebih daripada 600 orang.

Sebanyak 7 syarikat juru runding atau konsultan dilantik untuk menjalankan makmal-makmal dan menyediakan laporan-laporan serta membantu dalam aspek pameran dan penyediaan bahan media massa. Perbelanjaan bagi konsultan untuk 8 makmal NKRA pada September - Oktober 2009 adalah sebanyak RM6.3 juta, di mana konsultan mengendalikannya sepenuhnya. Untuk 12 makmal NKEA pada Mei

- Jun 2010, dalam sebanyak RM16.0 juta dan 12 makmal yg lain di antara Januari hingga November 2010 ialah RM14.0 juta, di mana sebahagian daripada tanggungjawab telah dipikul oleh para pegawai PEMANDU sendiri. Setiap syarikat menghantar 3 - 6 orang pakar bagi setiap makmal.

Untuk 6 makmal SRI yang berlangsung pada Februari - April 2011, kesemuanya diuruskan oleh para pegawai PEMANDU sendiri, tanpa melibatkan sebarang konsultan langsung. Ini jelas menunjukkan bahawa dalam tempoh lebih setahun sejak bulan Disember 2009, PEMANDU telah berjaya memperkembangkan kemampuan dan kapasiti para pegawainya sendiri supaya mengurangkan pergantungan kepada konsultan luar.

Jumlah perbelanjaan yang dibayar kepada syarikat-syarikat konsultan ini dapat dijustifikasi dengan kejayaan dan impak tinggi yang diperolehi untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan menjanakan pertumbuhan ekonomi. Peranan syarikat konsultan adalah untuk mencabar dan menyoal keadaan dan suasana kerajaan yang sedia ada;

membekalkan struktur dan rangkakerja untuk memperlekaskan perbincangan dan penyelesaian masalah secara efektif; memberi *benchmark* tahap antarabangsa untuk dicontohi, dikecapi dan dipelajari, dengan diubahsuai mengikut kesesuaian negara dan diimplementasikan dengan secepat mungkin; membekalkan kepakaran analiktikal dan teknikal untuk menampung

keperluan kerajaan. Sememangnya, kerajaan- kerajaan negara yang lain dan syarikat-syarikat swasta di serata dunia menggunakan khidmat nasihat dan kepakaran konsultan untuk memberi panduan dan bantuan, meningkatkan prestasi, relatif terhadap kos yang dibelanjakan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
	(LENGGONG)
TARIKH	14.06.2011 (SELASA)

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) apakah usaha dilakukan bagi membendung kenaikan harga barang terutama kenaikan harga minyak dan keperluan harian pengguna; dan
- (b) apakah ada cadangan menambah jenis barang yang dikawal harganya dan langkah dan keberkesanan yang dilakukan bagi mengelakkan penduduk negara jiran membeli barang negara ini terutamanya barang harian yang diberikan subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan bagi membendung kenaikan harga barang. Antaranya:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan

NO. SOALAN : 30

dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti

- mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan;
- (ii) menetapkan harga runcit terhadap beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan diantara pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga barang ini perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian;
 - (iii) menetapkan harga barang secara undang-undang sama ada di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011;
 - (iv) mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan bagi harga barang di seluruh negara sama ada secara berkala, secara mengejut atau berdasarkan aduan pengguna;
 - (v) mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis- premis perniagaan serta restoran bagi menentukan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikan harga berikut dengan pengurangan subsidi baru-baru ini;
 - (vi) membuat pemantauan setiap hari di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan *hypermarket* dan juga ke atas makanan sedia masak untuk mendapatkan trend perubahan harga ekoran daripada pengurangan subsidi baru-baru ini;
 - (vii) mewajibkan peniaga meletakan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barang berkenaan; dan
 - (viii) mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikkan harga produk akhir sekiranya harga barang kawalan terutamanya gula dinaikkan.

Buat masa sekarang, Kerajaan belum bercadang untuk menambah barang-barang

harga terkawal. Antara langkah yang telah dan akan diambil bagi mengelakkan penduduk negara jiran membawa keluar barang keperluan bersubsidi adalah:

- (i) bekalan barang bersubsidi bagi kedai runcit di sempadan dihadkan untuk kegunaan pengguna setempat sahaja;
- (ii) bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan di pintu keluar/masuk negara;
- (iii) penguatkuasaan Peraturan - Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Barang Eksport) 2011 bermula 15 Mac 2011 yang melarang sama sekali pembawaan keluar tepung gandum, petrol RON 95, gas cecair petroleum dan diesel manakala bahan api diesel hanya dibenarkan sebanyak 20 liter;
- (iv) kementerian telah mengarahkan stesen-stesen minyak hanya menjual petrol RON 97 kepada kenderaan berpendaftaran asing; dan
- (v) bermula 1 Jun 2011, melalui kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri yang menempatkan 204 orang anggota RELA di 28 buah stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer di negeri Kelantan untuk menjalankan pemantauan ke atas penjualan petrol RON 95 dan diesel. Pemantauan di negeri Perlis, Kedah dan Perak dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
	(BATU KAWAN)
TARIKH	14.06.05

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian tidak menarik balik penggunaan buku Interlok dan enggan menghormati perasaan kaum masyarakat Melayu, Cina dan India seperti pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa buku ini yang menyenggung perasaan semua kaum tidak sesuai sebagai buku sukanan pelajaran sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan isu novel Interlok, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang amat teliti dalam menangani isu ini supaya sebarang keputusan yang dibuat adalah rasional, munasabah dan dapat diterima oleh semua pihak. Seperti mana yang telah diputuskan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 24 Mac yang lalu di Dewan Rakyat bahawa novel Interlok tersebut kekal digunakan sebagai teks Komponen Sastera dalam Matapelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 5. Sehubungan itu, novel tersebut telah disunting agar tidak menyentuh sensitiviti kaum-kaum tertentu.

Kementerian juga telah menyediakan satu glosari untuk memperjelaskan beberapa frasa dan konsep yang terkandung dalam novel Interlok bagi memudahkan murid memahami teks dan konteks novel yang memaparkan

kehidupan yang harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Keputusan yang diambil dalam menangani isu ini merupakan persetujuan bersama antara pelbagai pihak berkepentingan. Justeru, KPM menganggap bahawa isu berkaitan penggunaan novel Interlok ini telah selesai.

Rjm 12

N0:31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA

YB DATO' SRI ONG TEE KEAT (PANDAN)

TARIKH

14 Jun 2011 (SELASA)

SOALAN

31

**YB Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN****

menyatakan rintangan dan cabaran yang masih dihadapi dalam pelaksanaan sistem penguatkuasaan berautomasi - AES (*Automated Enforcement System*) sehingga ia berulang kali ditunda pelaksanaannya. Apakah sistem tawaran kedua-dua buah syarikat konsesi yang berjaya itu masih relevan dan tidak ketinggalan dari segi teknologinya sekarang?

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sistem Penguatkuasaan Kesalahan Lalu Lintas Secara Automatik (AES) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap peraturan lalu lintas sekaligus mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Pelaksanaan AES bukan sahaja melibatkan implikasi kewangan dan perundungan kepada Kerajaan, bahkan dari apsek penerimaan rakyat terhadap sistem ini turut diambil kira bagi memastikan objektif yang disasarkan dapat dicapai. Proses untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan (APJ) contohnya telah mengambil masa sebelum ia diluluskan di Parlimen pada Disember 2010.

Pada masa ini, Kerajaan sedang dalam proses untuk memuktamadkan Perjanjian Kontrak dengan kedua-dua syarikat tersebut. Proses ini juga mengambil masa

memandangkan Perjanjian ini perlu diperhalusi sebaik mungkin agar ia tidak memberikan apa-apa kesan negatif kepada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

AES adalah suatu sistem yang berteknologi tinggi dan masih relevan digunakan dalam aktiviti penguatkuasaan di mana ia berupaya mengesan dan merakamkan kesalahan lalulintas yang melibatkan pelanggaran lampu isyarat dan memandu melebihi had laju. Teknologi pengesan kesalahan yang digunakan adalah meliputi alat pengesan dan perakam kesalahan yang bersifat industrial di mana kamera pengesan kesalahan mestilah *reliable*, tahan persekitaran dan berupaya merakam imej kesalahan dengan tepat. Selain daripada itu, rakaman yang dilakukan juga mampu menjadi bukti prima facie untuk proses pendakwaan di mahkamah. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, teknologi yang digunakan dalam sistem ini adalah yang terkini dan sedang digunakan di 60 negara bagi Redflex (Australia) dan 90 negara bagi Robot (German).

NO.AUP :***

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH 14 JUN 2011

NO.AUM : 14

RUJUKAN 3658

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada tindakan akhbar Utusan Malaysia mensensasikan berita mengenai usaha mengkristiankan negara ini dianggap menghasut dan mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak termasuklah akhbar-akhbar arus perdana yang membangkitkan isu-isu keagamaan sehingga menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam hubungan ini, sekiranya akhbar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu mensensasikan isu-isu yang sensitif, Ahli Yang Berhormat bolehlah membuat laporan polis bagi membolehkan pihak polis menjalankan siasatan mengikut undang-undang yang sedia ada.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. **MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA KAWASAN **DATUK WEE JECK SENG**
TARIKH NO. SOALAN **TANJONG PIAI 14.06.2011**
 (Selasa)

DATUK WEE JECK ³³ **SENG**
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan adakah Kuokuang Petrochemical
Technology Co., syarikat Taiwan akan melabur di kawasan
Parlimen Tanjong Piai.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, MIDA tidak menerima permohonan daripada Kuokuang Petrochemical Technology Co., untuk melabur di kawasan Parlimen Tanjung Piai atau di mana-mana tempat lain di Malaysia. Walaubagaimanapun, satu Lapuran Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) akan dijalankan, termasuk permintaan pandangan daripada orang ramai (public request for information), akan di adakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), sebelum apa-a pa projek petrokimia seperti yang dicadang oleh KuoKuang Petrochemical Technology Co., diberikan kelulusan untuk melaksanakan projeknya.

NO. AUM : 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH 14 JUN 2011

RUJUKAN 3657

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Utusan Malaysia diberi layanan istimewa berbanding syarikat media lain walaupun akhbar tersebut sering memainkan isu sensitif, fitnah dan serangan peribadi ke atas pihak tertentu tanpa dikenakan apa-apa tindakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiar bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, termasuk akhbar Utusan Malaysia didapati menyiar artikel atau rencana yang berbaur sentimen perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Dalam kes Utusan Malaysia, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiar artikel yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama*

Rasmi?' pada keluaran 7 Mei 2011.

Di samping itu, pihak polis juga sedang menjalankan siasatan terhadap perkara ini berikutnya 63 laporan polis telah dibuat oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan.

Kementerian turut mengadakan sesi pertemuan dengan semua ketua pengarang supaya tidak mensensasikan isu-isu perkauman demi memelihara keharmonian dan kesejahteraan negara.

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)
TARIKH	14.06.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO* SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah penyelesaian dan tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan pembinaan SJK(C) Kulai 2 di tapak baru akan siap dan boleh diguna menjelang suku akhir tahun ini memandangkan projek berkenaan telah mengalami kelewatan oleh kontraktor sejak Oktober 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui bahawa terdapat kelewatan dalam menyiapkan projek pembinaan SJKC Kulai 2. Hal ini demikian adalah berpunca daripada masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, hasil lawatan terkini yang dilakukan oleh Timbalan Menteri Pelajaran sendiri pada 13 Jun 2011 mendapati status projek ialah 94 peratus siap. Disebabkan terdapat beberapa Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melibatkan pertambahan kos, KPM telah menerima permohonan daripada kontraktor terlibat untuk mendapatkan *Extension Of Time* (EOT) kali ke-2. Permohonan tersebut sedang dalam penelitian KPM.

Dalam memastikan projek ini akan dapat disiapkan dengan segera, KPM ini juga telah mengarahkan juru perunding untuk mengemukakan laporan fizikal bergambar kepada KPM setiap 2 minggu sekali. KPM juga akan melaksanakan pemantauan yang lebih kerap dari semasa-semasa sehinggalah projek ini selesai termasuk pembekalan perabot dan dijangka siap pada tahun 2011. Untuk makluman satu mesyuarat berkaitan akan diadakan di tapak pembinaan pada 16 Jun 2011 ini bagi membincangkan secara terperinci berkaitan pelaksanaan projek berkaitan.

Rjm 09

No. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL minta PERDANA MENTERI

SOALAN menyatakan tahap hubungan kaum dan toleransi dikalangan rakyat pada masa ini serta langkah memperbaikinya.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Menggubal satu indeks yang sesuai untuk mengukur dan mencerminkan tahap keharmonian bagi masyarakat berbilang kaum di negara ini, mahupun untuk mana-mana negara, sememangnya amat mencabar. Ini adalah kerana ia melibatkan banyak aspek, seperti perasaan, persepsi dan sensitiviti manusia yang dibentuk dan terus dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, unsur-unsur sosio-budaya, pemikiran serta anutan agama bagi sesuatu kaum mahupun seseorang individu. Aspek-aspek ini berubah-ubah mengikut persekitaran dan peristiwa, serta dipengaruhi oleh kenyataan pemimpin atau kelakuan golongan tertentu dari masa ke semasa.

Walau demikian cabarannya,Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tetap berusaha, dan sebagai peringkat pertama, telah mewujudkan satu indeks yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau “*Societal Stress Index (SSI)*”.

SSI merakamkan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, demonstrasi dan protes secara berkumpulan yang diurus dan dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) setiap tahun yang diberi penentuan pemberat (*weightage*) sebanyak 0.5, dicampur dengan jumlah pergaduhan dan serangan antara kaum yang diuruskan oleh PDRM diberi *weightage* 0.3 serta bilangan isu percanggahan yang diutara, dibahas dan dilaporkan dalam media massa yang dipantau oleh JPNIN yang diberi *weightage* 0.2. Jumlah kes ini kemudiannya dibahagi dengan jumlah sejuta penduduk untuk mendapat indeks bilangan kes per sejuta penduduk.

Sebenarnya, SSI mengukur semua jenis ketegangan, termasuk dan bukan terhad kepada pergaduhan antara kaum. Analisa data yang menggunakan formula ini telah dilakukan kali pertamanya pada tahun 2008 yang menghasilkan SSI sebanyak 28 kes per sejuta penduduk. SSI pada tahun 2009 adalah 21.6 kes per sejuta penduduk dan pada tahun 2010, 22.5 kes per sejuta penduduk. SSI mencerminkan

suasana sosio-politik setiap tahun, di mana tahun 2008 melihat pilihanraya umum ke-12 dengan banyak isu dan protes, manakala tahun 2010 melihat banyak pilihanraya kecil. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, tahap keharmonian sosial bagi Malaysia adalah stabil dan terkawal.

Di peringkat antarabangsa, Indeks Keamanan Global atau *Global Peace Index (GPI)* yang dibangunkan oleh *Institute For Economics and Peace* di Sydney, Australia merupakan kayu pengukur tahap keamanan dan keharmonian sesebuah negara secara perbandingan dengan negara-negara lain. GPI dibangunkan berdasarkan 23 indikator yang mengukur kadar semasa konflik dalam negeri dan antarabangsa, keamanan dan kententeraman masyarakat serta keselamatan dan tahap ketenteraan.

Di antara lebih daripada 140 buah negara, kedudukan Malaysia berada di tangga 37 pada 2008 meningkat ke tangga 26 pada 2009, tangga 22 pada 2010 dan tangga 19 pada 2011. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa Malaysia adalah di antara negara yang paling aman dan harmoni, berbanding dengan negara-negara yang lain.

Kerajaan melalui JPNIN sememangnya merancang pelbagai program, langkah dan aktiviti ke arah memelihara, mengekal dan memperkuatkannya perpaduan negara melalui institusi atau mekanisme sosial yang sedia ada, seperti Jawarankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS), Sekretariat Rukun Negara (SRS) di institusi pengajian tinggi, Kelab Rukun Negara (KRN) dalam sekolah dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Antara Agama (JKMPA). Mulai tahun 2009, JPNIN telah memberi latihan kepada pemimpin KRT untuk menjadi mediator komuniti supaya mengurus dan menyelaraskan sengketa yang berlaku. JPNIN juga sering bekerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memupuk persefahaman dan mencapai matlamat Gagasan 1 Malaysia.

Selain dari itu, pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain turut memainkan peranan masing-masing bagi mencapai matlamat 1 Malaysia, antaranya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Wilayah, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) di bawah Kementerian Pertahanan dan lain-lain.

Kerajaan yakin dan percaya, sekiranya semua pihak bekerjasama dan turut mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan dan melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara perpaduan, maka keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai. Di sini, semua pemimpin politik dan masyarakat harus turut memainkan peranan mereka.

Soalan No: 'Tf

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATO* MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)**

TARIKH

14.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan masalah disiplin pelajar sekolah menengah yang kian meruncing kerana banyak kemudahan media cetak dan kemudahan pembangunan ICT menjadikan mereka sukar dikawal dan banyak merosakkan akhlak dan masa depan mereka jika tidak dikawal dengan sebaiknya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil tindakan serius dalam menangani gejala salah laku murid. Sehubungan itu, KPM telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha merekayasa (*reengineering*) pengurusan Disiplin di sekolah. Selaras dengan langkah tersebut satu *Task Force* telah diwujudkan yang berfokus kepada;

1. usaha membentuk budaya sekolah yang melibatkan **nilai, sikap, komunikasi serta kehendak-kehendak baru** agar dapat disesuaikan dengan perubahan pemikiran, nilai, amalan serta perwatakan anak muda kita hari ini.

2. menguatkuaskan pekeliling-pekeliling yang berkaitan serta meminda **peraturan-peraturan sekolah** yang dianggap lapuk agar dapat disesuaikan dengan perubahan sikap anak-anak kita pada hari ini.
3. melaksanakan **sistem merit** dan **demerit** di mana tingkah laku murid akan diberi ganjaran berbentuk markah sekiranya mengamalkan tingkah laku berdisiplin.
4. menambah baik **Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseing** yang lebih menfokuskan perkhidmatan tersebut kepada usaha meningkatkan pembangunan sahsiah dan disiplin serta pembinaan karektor murid di sekolah.
5. penekanan terhadap nilai murni dan moral dalam mata pelajaran berkaitan khususnya dalam Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegara dan juga aktiviti-aktiviti kokurikulum.
6. peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan **SEGERA** terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan lain.
7. kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG atau pihak-pihak lain yang difikirkan berkaitan.

Rjm 08

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN FONG PO KUAN (BATUGAJAH)

TARIKH

14 JUN2011 (SELASA)

NO. SOALAN: 38

SOALAN

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA

MENTERI menyatakan pecahan kos pengkomputeran mengikut agensi dan Kementerian yang telah dibelanjakan di bawah pembangunan Kerajaan Eletronik sejak ia dilancarkan. Nyatakan bagaimanakah ia telah memudahkan urusan perkhidmatan kepada orang ramai tanpa beban kos tambahan.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Sejak Aplikasi Perdana Kerajaan Eletronik atau *Electronic Goverment* (EG) dilancarkan pada tahun 1997 di bawah program Multimedia Super Corridor (MSC), terdapat sebanyak 11 aplikasi utama Kerajaan Eletronik telah dibangunkan oleh beberapa kementerian atau agensi masing-masing dan dipantau oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MaMPU), diuraikan secara ringkas seperti berikut:

- (i) Projek **ePerolehan (eP)** mula dipakai oleh Kementerian Kewangan sejak tahun 2000 di mana ianya dilaksanakan oleh sebuah syarikat secara *Build, Operate, Transfer* (BOT) dan Kerajaan tidak perlu menyediakan apa-apa peruntukan bagi pelaksanaan projek ini.
- (ii) Projek **eSyariah** oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak tahun 2003 membelanjakan sekitar RM 11 juta.
- (iii) **Sistem Pemantauan Projek (SPP II)** diterajui oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri yang dimulakan pada tahun 2006 dan membelanjakan sebanyak RM 32 juta.
- (iv) Projek **Perintis e-Tanah di Negeri Pulau Pinang** diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dibangunkan mulai tahun 2005 di Pulau Pinang sebagai projek perintis yang membelanjakan sebanyak RM 75 juta setakat ini.
- (v) **e-Kehakiman (e-Courts)** di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) yang dimulakan pada tahun 2009 dan membelanjakan sebanyak RM 64 juta.
- (vi) **Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)** diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), yang telah dibangunkan mulai tahun 1999 membelanjakan

sebanyak RM 56 juta.

(vii) **Projek eJKM** bermula pada tahun 2007, diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan membelanjakan sebanyak RM 5 juta.

(viii) **JobsMalaysia** diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia yang dilaksanakan pada tahun 2004 membelanjakan sebanyak RM 24 juta.

(ix) **Projek ePBT** diterajui oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dibangunkan pada tahun 2006 dan membelanjakan sebanyak RM 12 juta.

(x) **Projek Persekutuan Pejabat Generik (GOE-EGDMS)** yang diterajui oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri dibangunkan pada tahun 2001 membelanjakan sebanyak RM 46 juta.

(xi) **Projek e-Khidmat** dilaksanakan secara *Build, Own, Operate* (BOO) berlandaskan kepada Model Perniagaan Pasaran Terbuka (*Open Market Business Model*), yang melibatkan Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Insolvensi, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Pada amnya, pembangunan aplikasi-aplikasi EG ini telah dapat mempercepatkan proses kerja, meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan serta mengurangkan kos dan masa para pegawai dan pelanggan. Oleh itu EG telah meningkatkan produktiviti dan keberkesanan Perkhidmatan Awam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara *online* melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT.

Inisiatif Kerajaan Elektronik akan diteruskan kerana penjimatan kos dapat diteruskan dan aliran matawang keluar dapat dikurangkan. Selain daripada itu, inisiatif ini juga bertujuan untuk memantapkan lagi pembangunan sumber manusia ke arah *K-Economy* dan

NO. SOALAN : 39

pertumbuhan industri ICT tempatan ke arah perniagaan berasaskan perkhidmatan (*service industry*) supaya ekonomi dan masyarakat Malaysia dapat bergerak ke rangkaian nilai yang lebih tinggi (*higher value chain*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG

**CHAN ONN [
ALOR GAJAH]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan ramalan

NO. SOALAN : 40

penggunaan tenaga negara menurut sektor dan tahun sehingga tahun 2020 dan tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk memenuhi permintaan tenaga negara masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) adalah terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan tenaga elektrik. Oleh yang demikian, jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan isu pembekalan dan permintaan tenaga adalah berkenaan dengan tenaga elektrik sahaja.

Penggunaan tenaga negara adalah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Trend penggunaan tenaga di Malaysia telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya berikutan pemulihan ekonomi dunia daripada situasi merundum pada tahun 2008. Sehingga bulan Mei 2011, permintaan puncak di Semenanjung telah mencecah 15.476MW berbanding 15,072MW pada tahun sebelumnya. Kementerian ini menjangkakan purata pertumbuhan permintaan elektrik dari tahun 2010 hingga tahun 2020 adalah pada kadar 3.2% setahun dengan mengambil kira jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.8% pada tahun 2010. Dengan kadar pertumbuhan ini permintaan puncak pada tahun 2020 dijangka akan melonjak kepada 21.227MW. Kadar purata pertumbuhan permintaan elektrik ini dijangka akan terus meningkat memandangkan pertumbuhan sebenar KDNK pada tahun 2010 ialah 7.2%.

Antara langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan permintaan elektrik yang meningkat ini dipenuhi ialah dengan mengkaji dan meminda kedudukan permintaan dan penawaran bekalan elektrik setiap suku tahun dengan mengambil kira perubahan dalam kadar pertumbuhan permintaan bekalan elektrik yang dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan ekonomi negara. Kajian berpenggal seperti ini adalah perlu supaya perancangan yang teliti dapat dibuat memandangkan kos pelaburan untuk prasarana penyediaan bekalan elektrik adalah tinggi dan memerlukan jangka masa yang panjang.

NO. AUM : 34
NO. AUP : tfO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN TUAN LIM UP ENG [SEGAMBUT]
DARIPADA 14 JUN 2011
TARIKH 3660

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah asas laporan muka depan Utusan Malaysia pada 7/5/2011 yang menyatakan paderi-paderi berikrar menjadikan Kristian sebagai agama rasmi Negara dan status laporan polis saya bernombor JIN JANG/009324/11 yang berkaitan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan soalan.

Berdasarkan penyiaran berita bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011 yang disiarkan oleh Utusan Malaysia, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiarkan berita yang menggemparkan fikiran orang ramai mengikut peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Di samping itu, pihak Polis juga masih giat menjalankan siasatan di bawah Seksyen 4(1)(C) Akta Hasutan 1948 dari semua sudut terutamanya terhadap laporan akhbar itu dan juga terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam majlis itu. Sehingga jawapan ini disediakan, sebanyak 63 laporan polis dibuat berhubung isu berkaitan. Sebanyak 60 rakaman percakapan telah diambil dan 5 wartawan Utusan Malaysia telah dirakam percakapan mereka untuk

membantu siasatan. Pihak polis masih lagi mengesan beberapa orang saksi penting bagi melengkapkan siasatan kes ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI

SHUKRI

[BATANG SADONG]

TARIKH BERSIDANG

14JUN2011

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 berapa buah klinik kesihatan yang dirancang untuk dibina di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat 13 projek Klinik Kesihatan yang sedang dilaksanakan di dalam *first rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-10. Daripada jumlah tersebut 8 projek adalah projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-9 manakala 5 buah projek adalah projek baru.

Projek-projek sambungan adalah:-

- i. Klinik Kesihatan Jenis 5 Mid-Layar Sak, Sri Aman;
- ii. Klinik Kesihatan Jenis 5 Bario, Miri;
- iii. Klinik Kesihatan Jenis 5 Long Lama, Baram;
- iv. Klinik Kesihatan Belaga;

- v. Klinik Kesihatan Jenis 5 Munggu Lalang, Kota Samarahan;
- vi. Klinik Kesihatan Jenis 3 Batu Kawa, Kuching;
- vii. Klinik Kesihatan Jenis 3 Bintulu; dan
- viii. Klinik Kesihatan Jenis 3 Petrajaya, Kuching

Projek-projek klinik kesihatan yang baru pula adalah:-

- i. Klinik Kesihatan Jenis 5 Nanga Tada, Sibu;
- ii. Klinik Kesihatan Jenis 3 Teng Bukap, Kuching;
- iii. Klinik Kesihatan Jenis 5 Braang Bayur, Kuching;
- iv. Klinik Kesihatan Jenis 5 Jepak, Bintulu; dan
- v. Klinik Kesihatan Jenis 6 Long Jengkitan, Baram.

Dalam second rolling plan pula, sebanyak 35 buah Klinik Kesihatan pelbagai jenis telah dipohon. Bilangan Klinik Kesihatan yang akan dibina dalam tempoh tersebut tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN KULASEGARANA/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH

14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak pilihanraya 2008 apakah pelan yang telah dirancang dan disempurnakan oleh Kerajaan dalam menaiktarafkan kadar ekonomi kaum India.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan terus berusaha untuk menaiktaraf sosioekonomi kaum India melalui pelbagai program yang memberi faedah secara langsung kepada masyarakat India serta membantu meningkatkan penyertaan mereka di dalam sektor ekonomi.

Antara program yang dilaksanakan termasuklah, program peningkatan pendapatan dan kualiti hidup isi rumah miskin dan berpendapatan rendah khususnya melalui program latihan dan kemahiran seperti Program Latihan Kemahiran untuk Belia India dengan kerjasama institusi latihan kemahiran awam, sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO). Program keusahawanan dan bantuan kewangan meliputi program perniagaan seperti Skim Pembangunan Usahawan Muda India, pinjaman perumahan melalui Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet dan sebagainya. Program peningkatan kapasiti seperti program pembangunan kepimpinan dan sahsiah turut dilaksanakan oleh NGO India seperti Yayasan Strategik Sosial dan Sri Murugan Centre.

Masyarakat India juga berpeluang untuk menyertai skim saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham 1 Malaysia. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan latihan keusahawanan kepada usahawan muda daripada masyarakat India bagi menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan.

Semua program yang dilaksanakan bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan dalam ekonomi dan meningkatkan taraf hidup sertakekayaan masyarakat India dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat. Dengan pelaksanaan pelbagai program berkenaan, Kerajaan yakin taraf hidup masyarakat India akan bertambah baik seiring dengan etnik lain secara keseluruhannya.

Tuan Yang di Pertua,

Selain daripada usaha yang dijalankan Kerajaan, pencapaian sasaran peningkatan dalam ekonomi kaum India juga bergantung kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh mereka sendiri. Penyertaan efektif masyarakat India dalam

ekonomi akan dapat ditingkatkan sekiranya mereka mampu merebut peluang yang disediakan, berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta berupaya mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

NO. SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
	[GUA MUSANG]
TARIKH	14 Jun 2011

SOALAN

Y.B. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada PETRONAS diarah mensyaratkan jurujual dan pembeli minyak mentah dan gas asli cecair untuk membantu meningkatkan pelaburan dalam negara, memindah teknologi terpilih, membuka pasaran untuk eksport kita dan apakah hasil dari tindakan ini dan senaraikan pemilik syarikat-syarikat jurujual tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jualan minyak mentah dan gas asli cecair PETRONAS dijalankan secara eksklusif tanpa melantik atau mensyaratkan sebarang syarikat lain sebagai jurujual. Bantuan untuk meningkatkan pelaburan dalam negara dan memindah teknologi terpilih tidak tertakluk dalam syarat-syarat perjanjian jual beli antara PETRONAS dan pembeli-pembeli.

PETRONAS menjalankan aktiviti jualan minyak mentah dan gas asli cecair secara terus kepada pembeli dan dengan secara tidak langsung, membuka pasaran untuk eksport.

PETRONAS melalui anak syarikatnya juga antara pembekal utama gas asli cecair ke beberapa negara seperti Jepun, Korea, Taiwan dan China, di mana melalui usaha dagangan ini, ianya secara tidak langsung telah dapat mengeratkan lagi perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang terlibat.

SOALAN NO.: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

[KETEREH]

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek RMKe-9 yang diberikan status 'Simpan dalam Perhatian' di negeri Kelantan serta anggaran peruntukan terlibat. Apakah klasifikasi terkini projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua;

Semasa dalam tempoh RMK-9, terdapat **12 projek** di negeri Kelantan yang berada pada status 'Simpan dalam Perhatian' dengan jumlah keseluruhan kos **RM48.4 juta**. Daripada jumlah ini, **2 projek** telah siap dilaksanakan dalam tempoh RMK-9 manakala **10 projek** masih dalam pelaksanaan di dalam *Rolling Plan* Pertama RMK-10. Dalam tempoh *Rolling Plan* Pertama RMK-10, tiada lagi projek yang dikategorikan sebagai 'Simpan Dalam Perhatian' di negeri Kelantan.

NO. SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi insentif dan galakan kepada pemaju harta tanah di dalam pembangunan lebih banyak bangunan ‘hijau’ memandangkan ianya akan dapat mengubah landskap penggunaan teknologi di samping menjadi daya tarikan kepada pelaburan dan penglibatan negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedang menggalakkan usaha ke arah perbandaran hijau di negara kita. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) sedang menyediakan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang menggalakkan pembangunan bangunan hijau. Garis Panduan tersebut memberi panduan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, dan pemaju bagaimana untuk membangunkan sesbuah kejiranan hijau yang merangkumi pelbagai

aspek termasuklah kemudahan pejalan kaki, jaringan hijau, komuniti hijau, kemudahan infrastruktur hijau, pengangkutan awam, dan juga bangunan hijau.

Garis Panduan ini juga menyatakan bahawa semua bangunan yang dibina adalah digalakkan untuk memenuhi keperluan dan mendapatkan sijil pengiktirafan sebagai “bangunan hijau”. Sebagai langkah untuk menggalakkan pembinaan bangunan berdasarkan teknologi hijau, Kerajaan telah menyediakan insentif untuk bangunan hijau iaitu pengecualian cukai bersamaan 100% perbelanjaan modal tambahan yang dilakukan bagi memperoleh sijil *Green Building Index* (GBI) pertama dari 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014. Insentif ini diberikan untuk bangunan baru dan juga bangunan yang dinaik taraf. Selain itu, pembeli yang membuat pembelian bangunan dan rumah kediaman yang memperoleh sijil GBI akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, pihak Kementerian dalam peringkat akhir untuk menyediakan dokumen *Low Carbon Cities Framework & Assessment System* (LCCFAS) yang sebelum ini dikenali sebagai *Green Township Framework*. Tujuan dokumen ini adalah sebagai panduan yang menetap hala tuju bagi membantu pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak pemaju dalam mencapai objektif dan sasaran sesebuah pembangunan perbandaran hijau melalui penilaian tahap karbon yang dibebaskan dan jumlah pengurangan yang dapat disasarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat beberapa insentif fiskal yang disediakan bagi membantu pemaju- pemaju dan secara tidak langsung dapat menyokong komponen-komponen yang terdapat di dalam LCCFAS bagi mencapai perbandaran hijau. Antaranya ialah insentif dalam bentuk elaun

cukai pelaburan untuk bangunan hijau, yang merangkumi elemen kecekapan tenaga (*energy efficiency*), yang telah dimulakan pada bulan Oktober 2009. Insentif-insentif lain termasuklah Taraf Perintis (*Pioneer Status*), Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) dan juga pengecualian duti import serta cukai jualan ke atas peralatan cekap tenaga. Adalah dijangka dengan insentif-insentif yang disediakan ini, pihak pemaju dan pemilik bangunan akan lebih berminat dan yakin untuk menampung kos penerapan ciri-ciri bangunan cekap tenaga kerana pulangan atas pelaburan boleh diperolehi dalam jangka masa yang singkat.

Pihak Kerajaan juga akan memperkenalkan mekanisma *Feed in Tariff* (FiT) yang membenarkan tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sumber tenaga boleh diperbaharu (*renewable energy*) seperti *solar photovoltaic* (solar PV) oleh pemilik bangunan dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) sebanyak RM1.5 bilion yang telah mula dilaksanakan pada Januari 2010. Insentif ini merupakan galakan daripada Kerajaan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam 4 sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sektor Air dan Pengurusan Sisa, Sektor Pengangkutan dan juga Sektor Bangunan.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan mengkaji dan mencadangkan insentif atau galakan lain yang boleh diberikan kepada pemaju perbandaran hijau termasuk bangunan hijau ini supaya lebih banyak bandar-bandar di negara ini dibangunkan/dimajukan menggunakan konsep perbandaran hijau yang rendah karbon.

NO. AUP :I

NO AUM : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH 14 JUN 2011

RUJUKAN 3661

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa tindakan keras tidak dikenakan terhadap Utusan Malaysia berhubung laporan pada 7 Mei 2011 mengenai konspirasi Kristian dengan DAP hendak menubuhkan negara Kristian yang berunsur fitnah dan juga ke atas pihak yang mengisyiharkan Perang Salib ke atas masyarakat Kristian yang tidak bersalah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan yang mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, termasuk akhbar

Utusan Malaysia didapati menyiar artikel atau rencana yang berbaur sentimen perkauman sehingga mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Dalam kes Utusan Malaysia, Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011.

Di samping itu, pihak polis juga sedang menjalankan siasatan terhadap perkara ini berikutan 63 laporan polis telah dibuat oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 14 JUN2011

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan kemudahan perhentian bas ekspres ke Pantai Timur di Hentian Putra dan adakah Kerajaan bercadang menempatkan semula perhentian bas ekspres ke pantai timur ini ke bangunan dan lokasi yang sesuai khususnya bagi keselesaan pengguna perhentian bas ini.

SOALAN NO.37

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) difahamkan bahawa pihak DBKL akan menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian di Hentian Putra bagi meningkatkan keselesaan penumpang dan pengusaha bas. Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan akan membina satu lagi terminal bas yang moden yang dikenali sebagai Terminal Bersepadu Timur di Taman Melati, Gombak. Terminal ini akan dibina pada tahun ini dan fasa pertama dijangka siap pada tahun 2012. Bila ia siap kelak, semua perkhidmatan bas ekspress ke timur akan dipindahkan ke terminal baru ini. Dengan perpindahan ini nanti, semua penumpang dan pengusaha bas akan menikmati kemudahan yang moden dan selesa yang dilengkapkan dengan jaringan rel, bas, teksi dan juga kemudahan '*park and ride*'. Masalah kesesakan di Bandaraya juga akan dapat dikurangkan kerana bas-bas ekspres tidak lagi berpengkalan di dalam kawasan bandaraya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO SOALAN : 48

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU)
TARIKH	14.06.2011 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kurikulum dan silibus bagi 42,483 pelatih Program Latihan Khidmat Negara bagi Kumpulan 2 siri 8-2011 yang sudah melaporkan diri di Pusat Latihan Khidmat Negara dan apakah peranan Kementerian bagi meningkatkan jati diri bagi setiap pelatih.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, bersatupadu, mempunyai semangat kesukarelaan, berperwatakan positif, cerdas serta mempunyai keyakinan diri.

Selaras dengan hasrat tersebut, kurikulum dan silibus yang disediakan merangkumi modul yang dinamik untuk diterapkan kepada semua pelatih secara konsisten selama 3 bulan pelatih berada di kem latihan. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, silibus yang disediakan adalah merangkumi empat (4) modul teras iaitu Modul Pembinaan Karakter, Modul Kenegaraan, Modul Khidmat Komuniti dan Modul Fizikal.

Modul-modul yang diterapkan adalah berbentuk motivasi supaya mengenali potensi diri dan rakan-rakan sekelilingnya dengan tujuan untuk memberi yang terbaik kepada kehidupan harian. Pelatih diberi kemahiran untuk membuat keputusan yang terbaik dan mengenai pasti pilihan alternatif untuk mencapai hasrat serta cita-cita yang dihajati, sabar menerima cabaran serta tidak menyalahi orang lain sekiranya gagai mencapai hasrat dan cita-cita yang dikehendaki.

Bagi meningkatkan jati diri peiatih-pelatih PLKN, modul yang disampaikan adalah sentiasa dinamik dengan penambahbaikan dari masa ke semasa bagi menyesuaikan dengan perubahan sosio budaya dan ekonomi masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan telah menyuntik elemen baru dalam sub-modul sedia ada, antaranya Sub Modul Budaya Kerja dan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS).

Pelaksanaan Sub Modul Budaya Kerja ini bertujuan untuk memberi pengetahuan yang amat penting dan berguna selain memberi gambaran yang jelas tentang etika kerja yang perlu diaplikasikan di dalam alam pekerjaan kelak. Selain itu, Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) yang diperkenalkan dalam PLKN bermula dari Kumpulan 2, Siri 8/2011 ini merupakan antara usaha Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran pelatih serta bagi menangani gejala sosial yang semakin berleluasa dewasa ini. Kementerian melalui modul ini akan memastikan remaja yang mengikuti PLKN dapat diterapkan dengan pengetahuan dan kemahiran khusus supaya mereka mampu menjaga maruah dan harga diri dalam melayari kehidupan masa kini yang terdedah dengan pelbagai perkara negatif yang sukar dikawal.

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

TUAN TONY PUA KIAM WEE

SOALAN NO: 50

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH

14 JUN 2011(SELASA)

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan "brain drain" akibat perasaan tersingkir seperti yang dibentangkan dalam laporan World Bank terkini, termasuklah jaminan peluang pekerjaan yang saksama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada laporan Malaysia Economic Monitor: Brain Drain yang dikeluarkan oleh The World Bank pada April 2011, "Brain Drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned" dan bukanlah satu fenomena yang unik kepada negara Malaysia sahaja. Kadar emigrasi modal insan adalah

paling tinggi di kalangan negara berpendapatan sederhana kerana seseorang mempunyai insentif dan keupayaan untuk bermigrasi.

Laporan tersebut juga mengatakan bahawa “The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain” kerana stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan. Seterusnya, laporan tersebut juga mencadangkan supaya isu emigrasi modal insan dapat ditangani dengan meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif. Hal ini jelas telahpun diambil kira dalam polisi pembangunan negara yang telah mula dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Seterusnya, TalentCorp yang telah ditubuhkan pada Januari 2011 telah mengenalpasti beberapa pendekatan bagi menangani isu tersebut, antaranya, menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenalpasti mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada serta memfasilitasi proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA **YB TAN SRI TENGKU AZLAN** **IBNI**
 ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]

TARIKH **14 JUN 2011**

SOALAN **Tan Sri Tengku Azlan Ibni Almarhum
Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan apakah PBB masih lagi
berperanan untuk memelihara hak dan kedaulatan
negara-negara yang menjadi ahli kepada badan
dunia ini. Adakah PBB tidak lagi mampu memainkan
peranannya bila berhadapan dengan kuasa besar
seperti Amerika Syarikat.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Jerantut di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah ditubuhkan pada tahun 1945 sejurus selepas Perang Dunia Kedua berperanan dalam mendukung usaha memelihara keamanan dan keselamatan dunia sejagat. Sepanjang 66 tahun penubuhan pertubuhan antarabangsa tersebut dengan dianggotai sebanyak 192 negara sehingga kini, PBB merupakan satu wadah utama bagi semua negara-negara anggotanya untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam memainkan peranan masing-masing dalam memastikan keamanan dan keselamatan dunia sejagat.

3. Seperti yang termaktub di dalam Piagam PBB, perkara berkenaan dengan hak dan kedaulatan negara-negara anggota PBB sentiasa terpelihara melalui organ-organ utama PBB seperti Perhimpunan Agung PBB, Majlis Keselamatan PBB, Majlis Ekonomi dan Sosial, dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa, dan juga melalui mekanisme-mekanisme yang diwujudkan di antaranya melalui misi-misi pengaman, dan sebagainya.

4. Sememangnya terdapat segelintir negara-negara kuasa besar yang menggunakan kuasa veto serta mengambil keputusan dan tindakan di luar mandat PBB sehingga boleh menjelaskan keamanan sejagat dan menafikan hak dan kedaulatan sesebuah negara.

5. Bagi memastikan PBB berupaya untuk terus memainkan peranan dalam mendukung usaha memelihara keamanan dan keselamatan dunia dengan lebih efektif, adil dan saksama; selain dapat memelihara hak dan kedaulatan negara-negara anggotanya, adalah penting bagi semua negara-negara anggota PBB berganding bahu dan terus memberikan sokongan padu melalui konteks pelbagai hala (*multilateralism*) dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau isu yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan dunia.

6. Sehubungan dengan itu, Malaysia bersama negara-negara yang sependapat dan sependirian mengenai isu-isu keselamatan dan pembangunan di PBB, telah memainkan peranan aktif dalam memastikan kepentingan Malaysia dan negara-negara membangun dari aspek politik, ekonomi dan sosial adalah terjamin dan diambil kira. Malaysia seperti negara-negara anggota yang lain, turut berharap agar PBB dapat mempergiatkan lagi peranan UNGA serta ECOSOC dalam memelihara hak dan kedaulatan negara-negara yang menjadi ahli kepada badan dunia ini.

7. Perubahan yang menyeluruh terhadap badan dunia ini masih giat dilakukan di antaranya termasuk merubah Majlis Keselamatan PBB agar Majlis tersebut lebih efisien dan efektif, mewakili suara kesemua negara-negara anggota PBB. Ini termasuk membuat keputusan yang tulus dan demokratik serta menggesa agar sistem veto yang kini dimiliki oleh kelima-lima negara anggota tetap Majlis Keselamatan tersebut iaitu Amerika Syarikat, China, United Kingdom, Perancis dan Russia dikaji semula.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABDRAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]

TARIKH : 14 JUN2011

SOALAN:

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang melaksanakan Sistem Gaji Sebaris (SGS) dalam pelaksanaan gaji

Sistem Saraan Malaysia (SSM) bagi meningkatkan produktiviti dan **NO SOALAN: 48**
motivasi penjawat awam khususnya yang telah mencapai gaji maksimum.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan melaksanakan Jadual Gaji Sebaris (SGS) adalah antara aspek-aspek yang diberi perhatian dalam semakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) ke arah perkhidmatan awam yang kejat serta negara maju berpendapatan tinggi dengan mengambil kira produktiviti yang dihasilkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN
	(JEMPOL)
TARIKH	14.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu dan apakah cabarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar pendidikan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), dan Akta Pendidikan 1996 (Akta A550). Martabat bahasa Melayu akan tinggi apabila bahasa itu digunakan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa budaya tinggi serta bahasa ilmu, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang salah satu terasnya ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, ternyata telah menghasilkan kesan yang positif dalam konteks pembinaan suatu rupa bangsa yang bersatu padu dan memiliki aspirasi, hala tuju dan sikap kenegaraan yang sama. Sistem Pendidikan Kebangsaan telah berjaya melahirkan ratusan ribu sumber tenaga dan generasi berpendidikan yang menjadi sebahagian besar penggerak jentera pembangunan negara dalam pelbagai bidang.

Mengikut Laporan Jawatankuasa mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (1981), penggunaan bahasa Melayu dalam sektor awam seperti pentadbiran dan pengurusan, media am, tempat awam dan pendidikan adalah amat meluas.

Kajian Dewan Bahasa dan Pustaka (2008) terhadap tahap penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran kerajaan mendapati bahawa sebahagian besar daripada mesyuarat, taklimat, melayan pelanggan, surat-menyurat di pejabat Kerajaan menggunakan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu di kementerian dan jabatan persekutuan, terutamanya di Semenanjung Malaysia adalah tinggi. Kajian juga mendapati tahap penggunaan bahasa Melayu di tempat awam, terutama pada nama jalan, tempat kediaman, nama bangunan dan papan tanda adalah sangat memuaskan.

Namun, kelangsungan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam sektor awam amat bergantung pada sikap dan rasa tanggungjawab kepimpinan dan penjawat-penjawat awam terhadap perlunya Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dipertahankan dan dihormati. Untuk kejayaan yang menyeluruh, tanggungjawab memperkasakan dan memartabatkan bahasa kebangsaan harus dipikul semua pihak dan bukan semata-mata tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sahaja.

Untuk tujuan ini, DBP akan lebih agresif membantu penjawat-penjawat awam menguasai bahasa kebangsaan agar mereka menjadi contoh kepada masyarakat. KPM juga telah memperkenalkan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat pendidikan rendah dan pendidikan menengah di sekolah kebangsaan. Dasar ini merupakan dasar penting KPM untuk memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus berkembang dan memenuhi keperluan akademik dan pendidikan negara. Antara cabaran yang perlu diatasi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu adalah:

- i) memantapkan, menyelaraskan dan mengemas kini peruntukan bahasa yang terkandung dalam undang-undang, peraturan dan garis panduan supaya pelaksanaan, pemantauan dan penguatkuasaannya dapat dilakukan dengan berkesan.
- ii) melaksanakan dan memperkuuh bahasa Melayu sebagai dasar negara, terutama dalam urusan dan majlis rasmi, dan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan.
- iii) melipatgandakan usaha pembinaan dan pembangunan khazanah ilmu setempat sebagai benteng terhadap globalisasi dan persaingan bahasa Inggeris sebagai

bahasa global yang mendominasi bidang ilmu pengetahuan dan media massa dunia.

- iv) memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dengan bersungguh-sungguh supaya dapat mengimbangi lalu lintas maklumat dan memetakan dengan jelas bahasa Melayu dalam ilmu dunia.

Rjm 10

HoS3

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI
HAMZA**

H KAWASAN : JASIN

TARIKH : 14.6.2011 (Selasa)

NO. SOALAN : 53

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan maklumbalas dari Kerajaan China berikutan pelawaan Malaysia kepada syarikat dari China untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat tempatan bagi menjayakan projek ETP yang memerlukan pelaburan sektor swasta berjumlah RM115 bilion setahun.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan dari China ke Malaysia menunjukkan peningkatan yang menqkalakan pada setiap tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2008. 2009 dan 2010 jumlah pelaburan dari China ke Malaysia yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah masing-masing berjumlah RM 35.7 juta. RM162.2 iuta dan RM639.5 iuta.

Bagi tahun 2011 dan tahun-tahun yang akan datang, dijangkakan bahawa jumlah pelaburan dari China ke Malaysia akan terus meningkat. Malaysia sentiasa menqalu-alukan pelaburan dari China terutama di dalam aktiviti berteknologi tinggi, bernilai tambah dan berasaskan pengetahuan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Y.A.B Timbalan Perdana Menteri telah membuat satu lawatan rasmi ke Shanghai pada buian April 2011. Semasa lawatan tersebut, satu mesvuarat meia bulat telah diadakan dengan syarikat-syarikat China di mana Y.A.B Timbalan Perdana Menteri telah meniempat syarikat-syarikat China untuk menerokai peluang pelaburan di dalam 131 Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Hasil daripada lawatan tersebut, dijangkakan lebih banyak kerjasama di antara syarikat Malaysia dengan syarikat China akan dapat dilaksanakan dan lebih banyak potensi pelaburan dari syarikat China di dalam industri tenaga solar, tenaga boleh

baharu, telekomunikasi, harta tanah dan kimia dapat direalisasikan.

Pada 27 dan 28 April 2011, TYT Wen Jiabao, Perdana Menteri China telah mengadakan kuniungan rasmi ke Malaysia. Satu

Perjanjian untuk Memperluas dan Mempertingkatkan Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan di antara Kerajaan Malaysia dan China telah dimeterai pada 28 April 2011. Berasaskan kepada perjanjian tersebut, kedua-dua pihak berhasrat mengukuh dan mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang pertanian, infrastruktur, industri pembuatan, pelaburan dan sektor-sektor lain yang dikenal pasti. Jawatankuasa Keria yang ditubuhkan masing-masing bertanggungjawab untuk merancang program-program kerjasama dan proiek-proiek pelaburan sepanjang tempoh 5 tahun.

Bersempena dengan lawatan TYT Wen Jiabao juga, Kementerian Perdagangan China dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama-sama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MI DA) telah menganjurkan Forum Kerjasama Ekonomi, Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-China. Lanjutan daripada forum tersebut pihak China berminat untuk meluaskan pelaburan di Malaysia.

Di samping itu, Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri juga dihadualkan membuat satu lawatan rasmi ke Shanghai pada bulan Jun ini di mana Y.B. Menteri akan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli korporat ternama dan svarikat-svarikat terpilih di China untuk berkongsi mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia untuk menarik pelaburan asing terutama dalam sektor-sektor terpilih dalam Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dan Proiek-proiek

Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Pada 21-26 Oktober tahun ini, China-ASEAN EXPO (CAEXPO) ke-8 akan diadakan di Nanning. China di mana Malaysia telah dipilih sebagai Country of Honour (dengan izin). Satu delegasi perniagaan Malaysia akan menvertai pameran ini. Pada tahun 2010, pameran ini telah berjaya meniana jualan sebanyak RM 23.1 iuta dan angka tersebut dijangka akan bertambah memandangkan pada tahun ini, Malaysia akan mempromosikan produk-produk seperti makanan dan minuman; penjagaan kesihatan; bahan binaan; dan produk jenama Malaysia. Selain itu, Malaysia juga akan mengetengahkan potensi syarikat tempatan dalam sektor perkhidmatan seperti kesihatan, pembangunan harta tanah, ICT, pengurusan, pendidikan, alam sekitar dan kewangan.

SOALAN NO:

**54 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
 [PADANG SERAI]

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan (Padang Serai) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik kematian di Hospital Kulim sejak tahun 2008 hingga 2010 dan menerangkan punca-punca utama kematian di Hospital Kulim dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan kadar kematian pesakit di hospital adalah rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kematian di Hospital Kulim pada tahun 2008 ialah 417 orang pesakit, tahun 2009 ialah 466 orang, dan tahun 2010 ialah 504 orang. Kadar kematian pesakit di hospital yang diukur melalui peratusan kematian pesakit daripada jumlah discaj pesakit di Hospital Kulim mengikut tahun ialah seperti berikut: pada tahun 2008, 1.78 peratus; tahun 2009, 1.72 peratus, dan 2010, 1.81 peratus.

Lima (5) sebab utama kematian di Hospital Kulim bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Penyakit	Peratus (%)
1. Diseases of the circulatory system.	43.65
2. Diseases of the respiratory system.	22.30
3. Diseases of the genitourinary system	5.76
4. Neoplasm	5.28

Penyakit	Peratus (%)
5. Certain infectious and parasitic diseases	5.04

Lima (5) sebab utama kematian di Hospital Kulim bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:-

Penyakit	Peratus (%)
1. Diseases of the circulatory system	43.35
2. Diseases of the respiratory system	31.55
3. Neoplasm	5.15
4. Injury, poisoning and certain other consequences of external causes.	4.94
5. Diseases of the genitourinary system	4.72

Lima (5) sebab utama kematian di Hospital Kulim bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

Penyakit	Peratus (%)
1. Diseases of the circulatory system	38.89
2. Diseases of the respiratory system	33.93
3. Injury, poisoning and certain other consequences of external cause	5.75
4. Diseases of the genitourinary system	5.56
5. Neoplasm	4.17

Berdasarkan statistik-statistik tersebut, tiga (3) sebab utama kematian di Hospital Kulim daripada tahun 2008 hingga 2010 (mengikut urutan ke bawah) ialah penyakit- penyakit sistem sirkulatori, penyakit-penyakit sistem pernafasan, dan kanser. Sebab- sebab utama kematian yang ditunjukkan di Hospital Kulim adalah menurut *trend* yang hampir sama bagi keseluruhan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dari tahun 2008 hingga 2010 (sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Kedah). Kementerian telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan kadar kematian pesakit di hospital-hospital melalui aktiviti-aktiviti seperti kempen gaya hidup sihat termasuklah kempen aktiviti fizikal, kurangkan gula dan tidak merokok; pelan strategik kebangsaan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan seumpamanya.

Hospital-hospital kementerian termasuklah Hospital Kulim sentiasa memastikan segala perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Terdapat pelbagai aktiviti kualiti yang dilaksanakan di peringkat hospital bagi menjamin keselamatan pesakit (patient safety) seperti aktiviti-aktiviti akreditasi, audit klinikal, *incident reporting*, *hospital mortality review*, *perioperative mortality review*, kawalan infeksi, *national indicator approach / key performance indicator* (NIA / KPI), *cardiopulmonary resuscitation*, *basic life support*, *neonatal resuscitation programme*, dan lain-lain lagi. Hospital Kulim juga telah menghadapi penilaian akreditasi oleh *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) di mana semua standard yang ditetapkan dipatuhi. Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas dapat memastikan kadar kematian pesakit di hospital adalah terkawal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

SOALAN NO: 56

TARIKH **14 JUN 2011(SELASA)**

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah berjaya balik dan berkhidmat untuk negara melalui Talent Corp mengikut tahun sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Program Pakar (Returning Expert Program - REP) yang sebelum ini dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia kini diuruskan oleh TalentCorp mulai tahun 2011 dan ditambahbaik dari segi insentif dan pengukuhan mekanisme pelaksanaan. Pencapaian REP pada tahun 2009 adalah sebanyak 215 permohonan manakala pada tahun 2010 sebanyak 160 permohonan. Sejak pengumuman insentif yang telah ditambahbaik pada 12 April 2011, jumlah permohonan REP semakin meningkat dan dijangka akan melebihi bilangan permohonan yang telah diterima pada tahun-tahun sebelum ini.

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN:

YB TUAN CHUA TIAN CHANG minta PERDANA MENTERI

menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pemilih yang layak mengundi sehingga suku pertama 2011 mengikut kawasan Parlimen dan DUN dan berbanding dengan Daftar Pemilih Induk 2007;
dan
- (b) berapakah jumlah pemilih yang layak mengundi yang bukan lahir di Malaysia dari tahun 2005 dan negara asal mereka.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, MENTERI

DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Jumlah pemilih berdaftar terkini sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2011 (Januari - Mac 2011), seperti mana yang telah diwartakan pada 7 Jun 2011 adalah seramai 12,032,467 orang pemilih. Statistik pemilih mengikut kawasan Parlimen dan DUN adalah seperti pada Lampiran;

- b) Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah pemilih yang layak mengundi tetapi tidak dilahirkan di Malaysia dan negara asal mereka, kerana maklumat yang sedemikian tidak dinyatakan dalam Borang A (Borang Pendaftaran Pemilih). Antara maklumat berkaitan yang perlu diisi oleh pemohon hanyalah maklumat status warganegara pemohon dan alamat mastautinnya .

Sekian, terima kasih.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA STATISTIK PERBANDINGAN ANTARA DPI TERKINI SEHINGGA ST1/2011
DENGAN PRU KE-12**

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.001 PADANG BESAR	N.01 TITI TINGGI	7,830	8,548
P.001 PADANG BESAR	N.02 BESERI	6,932	7,517
P.001 PADANG BESAR	N.03 CHUPING	8,825	9,523
P.001 PADANG BESAR	N.04 MATA AYER	5,547	5,824
P.001 PADANG BESAR	N.05 SANTAN	7,479	7,996
P.002 KANGAR	N.06 BINTONG	9,386	10,062
P.002 KANGAR	N.07 SENA	9,604	10,126
P.002 KANGAR	N.08 INDERA KAYANGAN	8,517	8,978
P.002 KANGAR	N.09 KUALA PERLIS	8,287	9,142
P.002 KANGAR	N.10 KAYANG	7,797	8,435
P.003 ARAU	N.11 PAUH	8,107	8,791
P.003 ARAU	N.12 TAMBUN TULANG	8,683	8,873
P.003 ARAU	N.13 GUAR SANJI	8,160	8,336
P.003 ARAU	N.14 SIMPANG EMPAT	6,981	7,263
P.003 ARAU	N.15 SANGLANG	7,946	8,035
P.004 LANGKAWI	N.01 AYER HANGAT	16,072	17,273
P.004 LANGKAWI	N.02 KUAH	13,495	14,087
P.005 JERLUN	N.03 KOTA SIPUTEH	19,771	21,172
P.005 JERLUN	N.04 AYER HITAM	25,742	27,344
P.006 KUBANG PASU	N.05 BUKIT KAYU HITAM	24,992	26,748
P.006 KUBANG PASU	N.06 JITRA	28,331	31,534
P.007 PADANG TERAP	N.07 KUALA NERANG	18,037	19,330
P.007 PADANG TERAP	N.08 PEDU	17,366	18,589
P.008 POKOKSENA	N.09 BUKIT LADA	23,365	25,691
P.008 POKOKSENA	N.10 BUKIT PINANG	24,202	25,843
P.008 POKOKSENA	N.11 DERGA	22,064	24,012
P.009 ALOR STAR	N.12 BAKAR BATA	22,695	25,429
P.009 ALOR STAR	N.13 KOTA DARULAMAN	15,087	15,320
P.009 ALOR STAR	N.14 ALOR MENGKUDU	21,175	23,398
P.010 KUALA KEDAH	N.15 ANAK BUKIT	26,213	27,461
P.010 KUALA KEDAH	N.16 KUBANG ROTAN	28,817	31,722
P.010 KUALA KEDAH	N.17 PENGKALAN KUNDOR	28,102	30,219
P.011 PENDANG	N.18 TOKAI	31,117	33,074
P.011 PENDANG	N.19 SUNGAI TIANG	30,229	33,127
P.012 JERAI	N.20 SUNGAI LIMAU	25,189	25,895
P.012 JERAI	N.21 GUAR CHEMPEDAK	18,211	19,019
P.012 JERAI	N.22 GURUN	22,339	23,427
P.013 SIK	N.23 BELANTEK	19,016	19,949

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.013 SIK	N.24 JENERI	21,323	23,968
P.014 MERBOK	N.25 BUKIT SELAMBAU	34,977	39,281
P.014 MERBOK	N.26 TANJONG DAWAI	29,466	31,537
P.015 SUNGAI PETANI	N.27 PANTAI MERDEKA	27,784	29,940
P.015 SUNGAI PETANI	N.28 BAKAR ARANG	27,574	30,579
P.015 SUNGAI PETANI	N.29 SIDAM	20,926	22,388
P.016 BALING	N.30 BAYU	29,197	32,508
P.016 BALING	N.31 KUPANG	25,726	28,483
P.016 BALING	N.32 KUALA KETIL	23,861	26,380
P.017 PADANG SERAI	N.33 MERBAU PULAS	26,832	30,113
P.017 PADANG SERAI	N.34 LUNAS	32,386	36,243
P.018 KULIM-BANDAR BAHRU	N.35 KULIM	28,598	31,175
P.018 KULIM-BANDAR BAHRU	N.36 BANDAR BAHRU	23,397	25,129
P.019 TUMPAT	N.01 PENGKALAN KUBOR	20,311	22,148
P.019 TUMPAT	N.02 KELABORAN	18,990	20,211
P.019 TUMPAT	N.03 PASIR PEKAN	21,462	23,538
P.019 TUMPAT	N.04 WAKAF BHARU	19,309	21,813
P. 020 PENGKALAN CHEPA	N.05 KIJANG	16,265	17,831
P. 020 PENGKALAN CHEPA	N.06 CHEMPAKA	17,818	19,577
P. 020 PENGKALAN CHEPA	N.07 PANCHOR	18,267	21,595
P.021 KOTA BHARU	N.08 TANJONG MAS	20,537	23,074
P.021 KOTA BHARU	N.09 KOTA LAMA	27,038	27,431
P.021 KOTA BHARU	N.10 BUNUT PAYONG	20,686	21,669
P. 022 PASIR MAS	N.11 TENDONG	17,741	19,682
P.022 PASIR MAS	N.12 PENGKALAN PASIR	22,582	25,654
P. 022 PASIR MAS	N.13 CHETOK	19,317	21,724
P. 023 RANTAU PANJANG	N.14 MERANTI	14,534	15,366
P. 023 RANTAU PANJANG	N.15 GUAL PERIOK	18,162	19,485
P.023 RANTAU PANJANG	N.16 BUKIT TUKU	12,688	13,792
P. 024 KUBANG KERIAN	N.17 SALOR	16,528	18,564
P. 024 KUBANG KERIAN	N.18 PASIR TUMBOH	14,827	17,092
P.024 KUBANG KERIAN	N.19 DEMIT	22,141	24,974
P. 025 BACHOK	N.20 TAWANG	22,167	24,291
P.025 BACHOK	N.21 PERUPOK	21,017	23,196
P.025 BACHOK	N.22 JELAWAT	21,624	23,841
P. 026 KETEREH	N.23 MELOR	18,607	20,238
P. 026 KETEREH	N.24 KADOK	14,436	15,933
P.026 KETEREH	N.25 KOK LANAS	19,197	20,828
P.027 TANAH MERAH	N.26 BUKIT PANAU	20,442	22,190
P. 027 TANAH MERAH	N.27 GUAL IPOH	12,955	13,916
P. 027 TANAH MERAH	N.28 KEMAHANG	10,950	11,894

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.028 PASIR PUTEH	N.29 SELISING	15,458	16,513
P.028 PASIR PUTEH	N.30 LIMBONGAN	19,519	21,767
P.028 PASIR PUTEH	N.31 SEMERAK	15,584	16,894
P.028 PASIR PUTEH	N.32 GAAL	13,832	15,300
P.029 MACHANG	N.33 PULAI CHONDONG	15,425	16,503
P.029 MACHANG	N.34 TEMANGAN	15,474	16,498
P.029 MACHANG	N.35 KEMUNING	18,258	19,796
P.030 JELI	N.36 BUKIT BUNGA	13,935	15,079
P.030 JELI	N.37 AIR LANAS	12,607	13,664
P.030 JELI	N.38 KUALA BALAH	9,756	10,447
P.031 KUALA KRAI	N.39 MENGKEBANG	14,422	15,567
P.031 KUALA KRAI	N.40 GUCHIL	16,829	17,343
P.031 KUALA KRAI	N.41 MANEK URAI	12,292	13,808
P.031 KUALA KRAI	N.42 DABONG	8,707	9,151
P.032 GUA MUSANG	N.43 NENGGIRI	8,611	10,359
P.032 GUA MUSANG	N.44 PALOH	10,045	11,793
P.032 GUA MUSANG	N.45 GALAS	10,330	13,432
P.033 BESUT	N.01 KUALA BESUT	14,180	16,059
P.033 BESUT	N.02 KOTA PUTERA	15,559	17,912
P.033 BESUT	N.03 JERTIH	15,449	17,303
P.033 BESUT	N.04 HULU BESUT	13,165	15,228
P.034 SETIU	N.05 JABI	14,070	15,534
P.034 SETIU	N.06 PERMAISURI	16,073	19,087
P.034 SETIU	N.07 LANGKAP	13,066	15,166
P.034 SETIU	N.08 BATU RAKIT	11,311	12,940
P.035 KUALA NERUS	N.09 TEPUH	19,850	22,342
P.035 KUALA NERUS	N.10 TELUK PASU	16,126	18,362
P.035 KUALA NERUS	N.11 SEBERANGTAKIR	12,750	14,405
P.035 KUALA NERUS	N.12 BUKIT TUNGGAL	12,488	13,675
P.036 KUALA TERENGGANU	N.13 WAKAF MEMPELAM	20,573	23,377
P.036 KUALA TERENGGANU	N.14 BANDAR	18,953	20,091
P.036 KUALA TERENGGANU	N.15 LADANG	16,777	18,707
P.036 KUALA TERENGGANU	N.16 BATU BURUK	24,022	27,046
P.037 MARANG	N.17 ALUR LIM BAT	19,694	22,306
P.037 MARANG	N.18 BUKIT PAYUNG	16,733	18,859
P.037 MARANG	N.19 RU RENDANG	18,798	21,137
P.037 MARANG	N.20 PENGKALAN BERANGAN	19,588	22,242
P.038 HULUTERENGGANU	N.21 TELEMUNG	13,275	14,324
P.038 HULUTERENGGANU	N.22 MANIR	11,657	12,840
P.038 HULUTERENGGANU	N.23 KUALA BERANG	13,040	14,002
P.038 HULUTERENGGANU	N.24 AJIL	14,543	16,128

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P. 039 DUNGUN	N.25 BUKIT BESI	11,520	12,305
P. 039 DUNGUN	N.26 RANTAU ABANG	16,499	18,506
P. 039 DUNGUN	N.27 SURA	16,123	17,010
P. 039 DUNGUN	N.28 PAKA	20,709	22,830
P. 040 KEMAMAN	N.29 KEMASIK	15,470	17,669
P. 040 KEMAMAN	N.30 KIJAL	15,568	18,033
P. 040 KEMAMAN	N.31 CUKAI	22,877	25,110
P. 040 KEMAMAN	N.32 AIR PUTIH	21,091	24,831
P.041 KEPALA BATAS	N.01 PENAGA	14,268	15,461
P.041 KEPALA BATAS	N.02 BERTAM	13,660	14,863
P.041 KEPALA BATAS	N.03 PINANGTUNGGAL	15,091	16,833
P. 042 TASEK GELUGOR	N.04 PERMATANG BERANGAN	15,174	16,674
P.042 TASEKGELUGOR	N.05 SUNGAI DUA	14,722	16,352
P. 042 TASEK GELUGOR	N.06 TELOK AYER TAWAR	14,570	15,745
P. 043 BAGAN	N.07 SUNGAI PUYU	20,708	23,084
P. 043 BAGAN	N.08 BAGAN JERMAL	21,483	22,953
P. 043 BAGAN	N.09 BAGAN DALAM	17,194	17,791
P. 044 PERMATANG PAUH	N.10 SEBERANG JAYA	22,678	26,484
P. 044 PERMATANG PAUH	N.11 PERMATANG PASIR	20,350	21,793
P. 044 PERMATANG PAUH	N.12 PENANTI	15,421	17,236
P. 045 BUKIT MERTAJAM	N.13 BERAPIT	19,895	21,086
P. 045 BUKIT MERTAJAM	N.14 MACHANG BUBUK	22,424	26,427
P. 045 BUKIT MERTAJAM	N.15 PADANG LALANG	21,761	23,925
P. 046 BATU KAWAN	N.16 PERAI	14,175	14,893
P. 046 BATU KAWAN	N.17 BUKIT TENGAH	14,995	16,628
P. 046 BATU KAWAN	N.18 BUKIT TAMBUN	18,208	19,920
P. 047 NIBONG TEBAL	N.19 JAWI	20,167	22,163
P. 047 NIBONG TEBAL	N.20 SUNGAI BAKAP	15,026	16,760
P. 047 NIBONG TEBAL	N.21 SUNGAI ACHEH	12,347	13,861
P. 048 BUKIT BENDERA	N.22 TANJONG BUNGA	16,910	18,356
P. 048 BUKIT BENDERA	N.23 AIR PUTIH	12,454	13,297
P.048 BUKIT BENDERA	N.24 KEBUN BUNGA	18,458	18,864
P. 048 BUKIT BENDERA	N.25 PULAU TIKUS	16,723	17,215
P. 049 TANJONG	N.26 PADANG KOTA	16,704	15,963
P. 049 TANJONG	N.27 PENGKALAN KOTA	19,508	19,857
P. 049 TANJONG	N.28 KOMTAR	16,976	16,609
P. 050 JELUTONG	N.29 DATOK KERAMAT	19,588	20,820
P. 050 JELUTONG	N.30 SUNGAI PINANG	19,368	21,328
P. 050 JELUTONG	N.31 BATU LANCANG	22,225	24,311
P.051 BUKIT GELUGOR	N.32 SERI DELIMA	20,510	22,381
P.051 BUKIT GELUGOR	N.33 AIR ITAM	16,721	17,597

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.051 BUKIT GELUGOR	N.34 PAYATERUBONG	28,383	34,387
P.052 BAYAN BARU	N.35 BATU UBAN	21,483	25,083
P.052 BAYAN BARU	N.36 PANTAI JEREJAK	17,445	19,559
P.052 BAYAN BARU	N.37 BATU MAUNG	21,785	25,336
P.053 BALIK PULAU	N.38 BAYAN LEPAS	16,377	18,926
P.053 BALIK PULAU	N.39 PULAU BETONG	12,500	13,993
P.053 BALIK PULAU	N.40 TELOK BAHANG	10,888	11,979
P.054 GERIK	N.01 PENGKALAN HULU	11,783	13,264
P.054 GERIK	N.02 TEMENGOR	14,446	17,221
P.055 LENGGONG	N.03 KENERING	12,609	14,724
P.055 LENGGONG	N.04 KOTA TAMPAN	10,614	11,678
P.056 LARUT	N.05 SELAMA	13,279	14,646
P.056 LARUT	N.06 KUBU GAJAH	10,985	12,197
P.056 LARUT	N.07 BATU KURAU	15,433	17,641
P.057 PARIT BUNTAR	N.08 TITI SERONG	24,210	26,543
P.057 PARIT BUNTAR	N.09 KUALA KURAU	21,009	22,634
P.058 BAGAN SERAI	N.10 ALOR PONGSU	15,144	16,695
P.058 BAGAN SERAI	N.11 GUNONG SEMANGGOL	15,763	17,418
P.058 BAGAN SERAI	N.12 SELINSING	16,204	17,953
P.059 BUKIT GANTANG	N.13 KUALA SAPETANG	19,699	23,577
P.059 BUKIT GANTANG	N.14 CHANGKATJERING	24,864	30,269
P.059 BUKIT GANTANG	N.15 TRONG	10,908	12,469
P.060 TAIPING	N.16 KAMUNTING	21,675	25,853
P.060 TAIPING	N.17 POKOK ASSAM	20,711	21,740
P.060 TAIPING	N.18 AULONG	23,503	26,651
P.061 PADANG RENGAS	N.19 CHENDEROH	11,848	13,076
P.061 PADANG RENGAS	N.20 LUBOK MERBAU	12,549	14,262
P.062 SUNGAI SIPUT	N.21 LINTANG	21,767	23,311
P.062 SUNGAI SIPUT	N.22 JALONG	25,657	27,508
P.063 TAMBUN	N.23 MANJOI	39,640	46,297
P.063 TAMBUN	N.24 HULU KINTA	29,326	33,840
P.064 IPOH TIMOR	N.25 CANNING	31,990	33,634
P.064 IPOH TIMOR	N.26 TEBING TINGGI	18,074	18,594
P.064 IPOH TIMOR	N.27 PASIR PINJI	26,583	27,269
P.065 IPOH BARAT	N.28 BERCHAM	26,587	29,739
P.065 IPOH BARAT	N.29 KEPAYANG	21,256	21,620
P.065 IPOH BARAT	N.30 BUNTONG	21,930	22,425
P.066 BATU GAJAH	N.31 JELAPANG	26,157	28,166
P.066 BATU GAJAH	N.32 MINGLEMBU	27,053	29,296
P.066 BATU GAJAH	N.33 TRONOH	24,103	25,330
P.067 KUALA KANGSAR	N.34 BUKIT CHANDAN	14,211	15,235

PARLIMEN	DUN	PRU KE 12	DPI ST 1/2011
P. 067 KUALA KANGSAR	N.35 MANONG	14,114	16,337
P.068 BERUAS	N.36 PENGKALAN BAHARU	15,262	16,915
P. 068 BERUAS	N.37 PANTAI REMIS	28,011	29,956
P. 069 PARIT	N.38 BELANJA	14,470	15,071
P. 069 PARIT	N.39 BOTA	14,389	16,933
P.070 KAMPAR	N.40 MALIM Nawar	23,276	24,090
P.070 KAMPAR	N.41 KERANJI	19,857	20,452
P.070 KAMPAR	N.42 TUALANG SEKAH	16,651	17,570
P.071 GOPENG	N.43 SUNGAI RAPAT	28,830	37,289
P.071 GOPENG	N.44 SIMPANG PULAI	26,159	30,009
P.071 GOPENG	N.45 TEJA	19,355	21,191
P.072 TAPAH	N.46 CHENDERIANG	18,004	20,985
P.072 TAPAH	N.47 AYER KUNING	20,232	22,644
P.073 PASIR SALAK	N.48 SUNGAI MANIK	20,990	23,571
P.073 PASIR SALAK	N.49 KAMPONG GAJAH	21,722	24,604
P.074 LUMUT	N.50 SITIAWAN	23,632	26,228
P.074 LUMUT	N.51 PASIR PANJANG	26,557	31,183
P.074 LUMUT	N.52 PANGKOR	22,574	26,895
P.075 BAGAN DATOK	N.53 RUNGKUP	13,912	14,818
P.075 BAGAN DATOK	N.54 HUTAN MELINTANG	20,758	22,637
P.076 TELOK INTAN	N.55 PASIR BEDAMAR	28,745	29,920
P.076 TELOK INTAN	N.56 CHANGKAT JONG	23,609	26,807
P. 077 TANJONG MALIM	N.57 SUNGKAI	17,290	18,605
P. 077 TANJONG MALIM	N.58 SLIM	17,639	20,736
P. 077 TANJONG MALIM	N.59 BEHRANG	18,552	21,263
P.078 CAMERON HIGHLANDS	N.01 TANAH RATA	14,569	16,381
P.078 CAMERON HIGHLANDS	N.02 JELAI	8,892	10,563
P.079 LIPIS	N.03 PADANG TENKU	10,282	11,249
P.079 LIPIS	N.04 CHEKA	10,544	11,423
P.079 LIPIS	N.05 BENTA	7,599	7,992
P. 080 RAUB	N.06 BATU TALAM	11,501	13,268
P. 080 RAUB	N.07 TRAS	20,419	22,160
P. 080 RAUB	N.08 DONG	14,534	15,741
P.081 JERANTUT	N.09 TAHAN	11,326	12,576
P.081 JERANTUT	N.10 DAMAK	19,412	21,322
P.081 JERANTUT	N.11 PULAU TAWAR	18,074	20,030
P.082 INDERA MAHKOTA	N.12 BESERAH	25,808	28,528
P.082 INDERA MAHKOTA	N.13 SEMAMBU	25,427	29,227
P. 083 KUANTAN	N.14 TERUNTUM	22,742	24,055
P. 083 KUANTAN	N.15 TANJUNG LUMPUR	16,453	18,474
P. 083 KUANTAN	N.16 INDERAPURA	8,550	9,493

PARLIMEN		PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P. PAYA BESAR 084	N.17 SUNGAI LEMBING	12,172	13,321
P.084 PAYA BESAR	N.18 LEPAR	11,877	13,634
P. PAYA BESAR 084	N.19 PANCHING	15,833	17,952
P.085 PEKAN	N.20 PULAU MANIS	14,173	16,595
P.085 PEKAN	N.21 PERAMU JAYA	21,523	26,705
P. PEKAN 085	N.22 BEBAR	9,664	12,645
P. PEKAN 085	N.23 CHINI	12,857	19,095
P.086 MARAN	N.24 LUIT	9,396	10,478
P.086 MARAN	N.25 KUALA SENTUL	10,901	12,063
P.086 MARAN	N.26 CHENOR	12,220	13,380
P. KUALA KRAU 087	N.27 JENDERAK	8,139	9,117
P.087 KUALA KRAU	N.28 KERDAU	8,451	9,747
P. KUALA KRAU 087	N.29 JENGKA	17,549	20,488
P. TEMERLOH 088	N.30 MENTAKAB	15,143	16,058
P. TEMERLOH 088	N.31 LANCHANG	18,564	21,243
P.088 TEMERLOH	N.32 KUALA SEMANTAN	20,303	22,991
P. BENTONG 089	N.33 BILUT	15,390	16,821
P. BENTONG 089	N.34 KETARI	18,384	20,265
P.089 BENTONG	N.35 SABAI	9,486	10,158
P.089 BENTONG	N.36 PELANGAI	10,391	11,316
P. BERA 090	N.37 GUAI	14,881	16,171
P. BERA 090	N.38 TRIANG	15,844	17,535
P. BERA 090	N.39 KEMAYAN	12,268	14,351
P.091 ROMPIN	N.40 BUKIT IBAM	15,499	17,690
P.091 ROMPIN	N.41 MUADZAM SHAH	12,741	14,976
P.091 ROMPIN	N.42 TIOMAN	13,461	15,228
P. SABAK BERNAM 092	N.01 SUNGAI AIR TAWAR	12,726	13,579
P. SABAK BERNAM 092	N.02 SABAK	18,655	19,120
P. SUNGAI BESAR 093	N.03 SUNGAI PANJANG	20,500	24,652
P. SUNGAI BESAR 093	N.04 SEKINCHAN	13,573	15,304
P. HULU SELANGOR 094	N.05 HULU BERNAM	17,549	19,575
P. HULU SELANGOR 094	N.06 KUALA KUBU BAHRU	18,212	20,101
P. HULU SELANGOR 094	N.07 BATANG KALI	27,832	36,892
P. TANJONG KARANG 095	N.08 SUNGAI BURONG	18,988	21,487
P. TANJONG KARANG 095	N.09 PERMATANG	17,403	19,168
P. KUALA SELANGOR 096	N.10 BUKIT ME LAW AT I	12,897	14,045
P.096 KUALA SELANGOR	N.11 IJOK	15,467	16,546
P. KUALA SELANGOR 096	N.12 JERAM	18,839	22,523
P. SELAYANG 097	N.13 KUANG	17,557	21,263
P. SELAYANG 097	N.14 RAWANG	23,345	27,768
P. SELAYANG 097	N.15 TAMAN TEMPLER	38,655	44,420

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P. 098 GOMBAK	N.16 BATU CAVES	25,720	27,387
P.098 GOMBAK	N.17 GOMBAK SETIA	34,979	38,858
P. 098 GOMBAK	N.18 HULU KELANG	38,454	41,446
P.099 AMPANG	N.19 BUKIT ANTARABANGSA	30,687	32,599
P. 099 AMPANG	N.20 LEM BAH JAYA	38,445	43,877
P.100 PANDAN	N.21 CHEMPAKA	33,525	37,666
P.100 PAN DAN	N.22 TERATAI	30,972	34,663
P.101 HULU LANGAT	N.23 DUSUNTUA	32,248	37,709
P.101 HULU LANGAT	N.24 SEMENYIH	28,203	33,377
P.101 HULU LANGAT	N.25 KAJANG	29,868	33,238
P. 102 SERDANG	N.26 BANG I	35,898	41,503
P.102 SERDANG	N.27 BALAKONG	28,682	34,140
P.102 SERDANG	N.28 SERI KEMBANGAN	30,297	32,891
P.103 PUCHONG	N.29 SERI SERDANG	49,757	58,541
P.103 PUCHONG	N.30 KINRARA	25,868	29,007
P. 104 KELANA JAYA	N.31 SUBANG JAYA	44,569	52,504
P.104 KELANA JAYA	N.32 SERI SETIA	35,079	37,362
P.105 PETALING JAYA SELATAN	N.33 TAMAN MEDAN	40,009	42,697
P.105 PETALING JAYA SELATAN	N.34 BUKIT GASING	33,183	33,898
P.106 PETALING JAYA UTARA	N.35 KAMPUNG TUNKU	30,183	31,236
P.106 PETALING JAYA UTARA	N.36 DAMANSARA UTAMA	46,435	50,090
P.107 SUBANG	N.37 BUKIT LANJAN	25,550	30,921
P. 107 SUBANG	N.38 PAYA JARAS	29,163	35,031
P.107 SUBANG	N.39 KOTA DAMANSARA	29,701	35,328
P.108 SHAH ALAM	N.40 KOTAANGGERIK	38,442	43,952
P.108 SHAH ALAM	N.41 BATU TIGA	36,892	39,682
P. 109 KAPAR	N.42 MERU	29,745	32,878
P.109 KAPAR	N.43 SEMENTA	29,382	32,307
P.109 KAPAR	N.44 SUNGAI PINANG	24,189	25,070
P.109 KAPAR	N.45 SELAT KLANG	28,908	31,756
P.110 KLANG	N.46 PELABUHAN KLANG	28,456	35,211
P.110 KLANG	N.47 PANDAMARAN	25,192	26,402
P.110 KLANG	N.48 KOTA ALAM SHAH	24,168	26,656
P.111 KOTA RAJA	N.49 SERI ANDALAS	38,833	45,189
P.111 KOTA RAJA	N.50 SRI MUDA	33,054	38,673
P.112 KUALA LANGAT	N.51 SIJANGKANG	22,759	25,502
P.112 KUALA LANGAT	N.52 TELUK DATUK	18,207	20,898
P.112 KUALA LANGAT	N.53 MORIB	25,549	27,961
P.113 SEPANG	N.54 TANJONG SEPAT	17,827	20,017
P.113 SEPANG	N.55 DENGKIL	26,322	30,554
P.113 SEPANG	N.56 SUNGAI PELEK	17,895	20,129

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.114 KEPONG	N.00	60,775	64,230
P.115 BATU	N.00	70,544	77,646
P.116 WANGSA MAJU	N.00	54,509	61,015
P.117 SEGAMBUT	N.00	59,690	66,592
P.118 SETIAWANGSA	N.00	57,161	60,803
P.119 TITIWANGSA	N.00	49,892	52,103
P.120 BUKIT BINTANG	N.00	59,986	58,405
P.121 LEMBAH PANTAI	N.00	56,650	63,770
P.122 SEPUTEH	N.00	76,891	81,261
P.123 CHERAS	N.00	68,725	70,917
P.124 BANDAR TUN RAZAK	N.00	72,628	81,424
P.125 PUTRAJAYA	N.00	6,608	8,840
P.126 JELEBU	N.01 CHENNAH	9,898	10,563
P.126 JELEBU	N.02 PERTANG	8,173	8,840
P.126 JELEBU	N.03 SUNGAI LUI	12,163	13,105
P.126 JELEBU	N.04 KLAWANG	8,448	8,781
P.127 JEMPOL	N.05 SERTING	14,687	17,338
P.127 JEMPOL	N.06 PALONG	12,567	14,363
P.127 JEMPOL	N.07 JERAM PADANG	9,960	10,786
P.127 JEMPOL	N.08 BAHAU	16,264	17,714
P.128 SEREMBAN	N.09 LENGGENG	12,879	14,110
P.128 SEREMBAN	N.10 NILAI	16,009	18,150
P.128 SEREMBAN	N.11 LOBAK	15,162	16,197
P.128 SEREMBAN	N.12 TEMIANG	9,848	10,339
P.128 SEREMBAN	N.13 SIKAMAT	15,491	17,307
P.128 SEREMBAN	N.14 AMPANGAN	15,286	16,034
P.129 KUALA PILAH	N.15 JUASSEH	8,495	9,115
P.129 KUALA PILAH	N.16 SERI MENANTI	7,653	7,998
P.129 KUALA PILAH	N.17 SENALING	7,014	7,706
P.129 KUALA PILAH	N.18 PILAH	10,513	11,471
P.129 KUALA PILAH	N.19 JOHOL	8,653	9,307
P.130 RASAH	N.20 LABU	12,477	13,679
P.130 RASAH	N.21 BUKIT KEPAYANG	16,510	18,652
P.130 RASAH	N.22 RAHANG	14,262	14,588
P.130 RASAH	N.23 MAMBAU	16,298	18,257
P.130 RASAH	N.24 SENAWANG	12,568	14,009
P.131 REMBAU	N.25 PAROI	23,060	27,695
P.131 REMBAU	N.26 CHEMBONG	12,997	14,362
P.131 REMBAU	N.27 RANTAU	15,124	16,489
P.131 REMBAU	N.28 KOTA	11,715	12,216
P.132 TELOK KEMANG	N.29 CHUAH	10,159	10,687

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.132 TELOK KEMANG	N.30 LUKUT	11,276	12,271
P.132 TELOK KEMANG	N.31 BAGAN PINANG	14,192	16,891
P. 132 TELOK KEMANG	N.32 LINGGI	12,711	13,269
P.132 TELOK KEMANG	N.33 PORT DICKSON	11,848	12,825
P. 133 TAMPIN	N.34 GEMAS	17,966	20,850
P.133 TAMPIN	N.35 GEMENCHEH	13,870	14,536
P.133 TAMPIN	N.36 REPAH	15,819	17,462
P.134 MASJID TANAH	N.01 KUALA LINGGI	8,933	9,377
P.134 MASJID TANAH	N.02 TANJUNG BIDARA	7,613	8,104
P.134 MASJID TANAH	N.03 AYER LIMAU	8,737	9,136
P.134 MASJID TANAH	N.04 LENDU	7,978	8,406
P.134 MASJID TANAH	N.05 TABOH NANING	7,345	7,610
P.135 ALOR GAJAH	N.06 REMBIA	10,946	12,005
P. 135 ALOR GAJAH	N.07 GADEK	10,749	11,227
P. 135 ALOR GAJAH	N.08 MACHAP	10,358	11,019
P. 135 ALOR GAJAH	N.09 DURIAN TUNGGAL	8,919	9,847
P. 135 ALOR GAJAH	N.10 ASAHDAN	13,125	13,818
P.136 TANGGA BATU	N.11 SUNGAI UDANG	15,488	18,144
P.136 TANGGA BATU	N.12 PANTAI KUNDOR	11,889	12,425
P. 136 TANGGA BATU	N.13 PAYA RUMPUT	16,589	19,836
P.136 TANGGA BATU	N.14 KELEBANG	16,222	17,828
P.137 BUKIT KATIL	N.15 BACHANG	23,153	25,318
P. 137 BUKIT KATIL	N.16 AYER KEROH	24,504	29,512
P.137 BUKIT KATIL	N.17 BUKIT BARU	15,904	18,170
P.137 BUKIT KATIL	N.18 AYER MOLEK	12,216	13,689
P.138 KOTA MELAKA	N.19 KESIDANG	16,472	17,146
P.138 KOTA MELAKA	N.20 KOTA LAKSAMANA	18,930	19,424
P.138 KOTA MELAKA	N.21 DUYONG	15,585	16,895
P. 138 KOTA MELAKA	N.22 BANDAR HILIR	18,771	18,898
P.138 KOTA MELAKA	N.23 TELOK MAS	15,047	16,480
P.139 JASIN	N.24 BEMBAN	13,544	14,849
P.139 JASIN	N.25 RIM	9,288	9,664
P.139 JASIN	N.26 SERKAM	13,636	14,554
P.139 JASIN	N.27 MERLIMAU	10,471	11,615
P. 139 JASIN	N.28 SUNGAI RAMBAI	9,182	9,728
P.140 SEGAMAT	N.01 BULOH KASAP	15,424	16,803
P.140 SEGAMAT	N.02 JEMENTAH	25,284	26,145
P.141 SEKIJANG	N.03 PEMANIS	19,355	20,553
P.141 SEKIJANG	N.04 KEMELAH	15,783	17,602
P.142 LABIS	N.05 TENANG	14,511	15,703
P. 142 LABIS	N.06 BEKOK	18,957	19,896

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.143 PAG OH	N.07 BUKIT SERAMPANG	18,880	19,796
P.143 PAG OH	N.08 JORAK	21,162	23,088
P.144 LEDANG	N.09 GAMBIR	18,724	20,444
P.144 LEDANG	N.10 TANGKAK	19,198	21,644
P.144 LEDANG	N.11 SEROM	20,579	22,795
P.145 BAKRI	N.12 BENTAYAN	21,233	22,553
P.145 BAKRI	N.13 SUNGAI ABONG	21,592	24,911
P.145 BAKRI	N.14 BUKIT NANING	13,547	14,267
P. MUAR 146	N.15 MAHARANI	22,902	25,426
P.146 MUAR	N.16 SUNGAI BALANG	18,117	19,907
P.147 PARIT SULONG	N.17 SEMERAH	28,562	29,884
P.147 PARIT SULONG	N.18 SRI MEDAN	21,671	23,722
P.148 AYER HITAM	N.19 YONG PENG	18,328	21,352
Σ AYER HITAM	N.20 SEMARANG	16,477	19,017
P.149 SRI GADING	N.21 PARITY YAANI	19,545	22,282
P.149 SRI GADING	N.22 PARIT RAJA	17,300	18,462
P.150 BATU PAHAT	N.23 PENGGARAM	34,519	40,836
P.150 BATU PAHAT	N.24 SENGGARANG	19,799	22,160
P.150 BATU PAHAT	N.25 RENGIT	15,751	17,578
P.151 SIMPANG RENGGAM	N.26 MACHAP	18,244	19,793
P.151 SIMPANG RENGGAM	N.27 LAYANG-LAYANG	16,615	17,014
P.152 KLUANG	N.28 MENGKIBOL	35,253	38,283
P.152 KLUANG	N.29 MAHKOTA	35,980	38,899
P.153 SEMBRONG	N.30 PALOH	16,084	17,413
P.153 SEMBRONG	N.31 KAHANG	17,097	20,849
P. MERSING 154	N.32 ENDAU	16,269	17,862
P.154 MERSING	N.33 TENGGAROH	20,176	22,535
P.155 TENGGARA	N.34 PANTI	14,448	15,693
P.155 TENGGARA	N.35 PASIR RAJA	17,849	19,783
P.156 KOTA TINGGI	N.36 SEDILI	19,190	21,333
P. KOTA TINGGI 156	N.37 JOHOR LAMA	15,000	16,085
P.157 PENGERANG	N.38 PENAWAR	16,498	17,923
P.157 PENGERANG	N.39 TANJONG SURAT	16,504	17,022
P.158 TEBRAU	N.40 TIRAM	34,018	40,312
P.158 TEBRAU	N.41 PUTERI WANGSA	28,487	36,101
P.159 PASIR GUDANG	N.42 JOHOR JAYA	38,167	45,123
P.159 PASIR GUDANG	N.43 PERMAS	34,695	42,707
P.160 JOHOR BAHRU	N.44 TANJONG PUTERI	47,062	48,946
P.160 JOHOR BAHRU	N.45 STULANG	42,663	43,488
P.161 PULAI	N.46 PENGKALAN RINTING	46,664	53,830
P.161 PULAI	N.47 KEMPAS	32,958	35,950

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P. 162 GELANG PATAH	N.48 SKUDAI	44,459	50,361
P.162 GELANG PATAH	N.49 NUSAJAYA	34,217	41,433
P.163 KULAI	N.50 BUKIT PERMAI	14,863	18,275
P.163 KULAI	N.51 BUKIT BATU	19,556	19,986
P. 163 KULAI	N.52 SENAI	32,939	36,648
P.164 PONTIAN	N.53 BENUT	18,646	19,951
P.164 PONTIAN	N.54 PULAI SEBATANG	24,618	26,512
P. 165 TANJONG PIAI	N.55 PEKAN NENAS	28,012	30,121
P.165 TANJONG PIAI	N.56 KUKUP	17,689	18,542
P.166 LABUAN	N.00	20,783	22,405
P.167 KUDAT	N.01 BANGGI	8,187	8,945
P. 167 KUDAT	N.02 TANJONG KAPOR	19,500	20,739
P.167 KUDAT	N.03 PITAS	11,956	12,663
P.168 KOTA MARUDU	N.04 MATUNGGONG	15,400	16,696
P.168 KOTAMARUDU	N.05 TANDEK	16,538	18,953
P.169 KOTA BELUD	N.06 TEMPASUK	14,291	14,986
P.169 KOTA BELUD	N.07 KADAMAIAIN	12,964	13,653
P.169 KOTA BELUD	N.08 USUKAN	15,816	16,527
P. 170 TUARAN	N.09 TAMPARULI	14,912	15,630
P.170 TUARAN	N.10 SULAMAN	16,076	17,283
P.170 TUARAN	N.11 KIULU	9,773	10,448
P.171 SEPANGGAR	N.12 KARAMBUNAI	19,951	23,090
P.171 SEPANGGAR	N.13 INANAM	19,300	21,200
P.172 KOTA KINABALU	N.14 LIKAS	15,178	15,273
P.172 KOTA KINABALU	N.15 API-API	10,775	10,705
P.172 KOTA KINABALU	N.16 LUYANG	17,761	18,795
P.173 PUTATAN	N.17 TANJONG ARU	19,993	20,892
P.173 PUTATAN	N.18 PETAGAS	14,942	15,284
P.174 PENAMPANG	N.19 KAPAYAN	20,723	23,241
P.174 PENAMPANG	N.20 MOYOG	15,098	15,745
P. 175 PAPAR	N.21 KAWANG	15,591	16,564
P.175 PAPAR	N.22 PANTAI MANIS	16,688	17,224
P.176 KIMANIS	N.23 BONGAWAN	12,389	13,091
P.176 KIMANIS	N.24 MEMBAKUT	9,850	10,368
P.177 BEAUFORT	N.25 KLIAS	13,885	14,082
P.177 BEAUFORT	N.26 KUALA PENYU	12,903	13,240
P.178 SIPITANG	N.27 LUMADAN	11,317	11,793
P.178 SIPITANG	N.28 SINDUMIN	12,828	13,347
P.179 RANAU	N.29 KUNDASANG	9,639	11,168
P.179 RANAU	N.30 KARANAAN	11,087	11,554
P.179 RANAU	N.31 PAGINATAN	10,084	11,403

PARLIMEN		PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.180 KENINGAU	N.32 TAMBUNAN	11,245	11,562
P.180 KENINGAU	N.33 BINGKOR	13,339	13,922
P.180 KENINGAU	N.34 LIAWAN	10,994	11,802
P.181 TENOM	N.35 MELALAP	10,276	10,624
P.181 TENOM	N.36 KEMABONG	10,598	11,181
P.182 PENSANGAN	N.37 SOOK	12,564	13,749
P.182 PENSANGAN	N.38 NABAWAN	7,148	7,918
P.183 BELURAN	N.39 SUGUT	7,784	8,554
P.183 BELURAN	N.40 LAB UK	11,397	12,707
P.184 LIBARAN	N.41 GUM-GUM	9,993	10,947
P.184 LIBARAN	N.42 SUNGAI SIBUGA	21,442	24,882
P. BATU SAPI 185	N.43 SEKONG	11,308	12,456
P.185 BATU SAPI	N.44 KARAMUNTING	14,696	14,833
P.186 SANDAKAN	N.45 ELOPURA	18,363	19,692
P.186 SANDAKAN	N.46 TANJONG PAPAT	14,484	14,800
P.187 KINABATANGAN	N.47 KUAMUT	11,389	12,998
P.187 KINABATANGAN	N.48 SUKAU	8,165	8,430
P.188 SILAM	N.49 TUNGKU	12,246	12,791
P.188 SILAM	N.50 LAHAD DATU	21,548	22,529
P.188 SILAM	N.51 KUNAK	9,694	10,581
P.189 SEMPONA	N.52 SULABAYAN	11,291	11,983
P.189 SEMPONA	N.53 SENALLANG	12,198	12,599
P.189 SEMPONA	N.54 BUGAYA	11,727	13,253
P. TAWAU 190	N.55 BALUNG	10,248	11,491
P.190 TAWAU	N.56 APAS	12,006	13,712
P.190 TAWAU	N.57 SRI TANJONG	20,306	21,269
P.191 KALABAカン	N.58 MEROTAI	13,931	15,222
P.191 KALABAカン	N.59 TANJONG BATU	12,577	14,395
P.191 KALABAカン	N.60 SEBATIK	9,510	9,477
P.192 MAS GADING	N.01 OPAR	7,340	8,238
P. MAS GADING 192	N.02 TASIK BIRU	14,628	15,257
P.193 SANTUBONG	N.03 TANJONG DATU	7,795	8,359
P.193 SANTUBONG	N.04 PANTAI DAMAI	13,148	14,311
P.193 SANTUBONG	N.05 DEMAK LAUT	9,893	10,529
P.194 PETRA JAYA	N.06 TUPONG	15,781	18,023
P.194 PETRA JAYA	N.07 SAMARIANG	14,357	16,209
P.194 PETRA JAYA	N.08 SATOK	10,395	10,509
P. BANDAR KUCHING 195	N.09 PADUNGAN	23,652	23,708
P.195 BANDAR KUCHING	N.10 PENDING	29,564	29,568
P.196 STAMPIN	N.11 BATU LINTANG	26,068	28,006
P.196 STAMPIN	N.12 KOTA SENTOSA	22,425	27,566

PARLIMEN	DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.196 STAMPIN	N.13 BATU KAWAH	18,764	20,922
P. 197 KOTA SAMARAHAN	N.14 ASAJAYA	12,394	13,955
P. 197 KOTA SAMARAHAN	N.15 MUARA TUANG	16,123	19,013
P.198 MAMBONG	N.16 BENGOH	20,730	22,095
P.198 MAMBONG	N.17 TARAT	15,417	16,501
P.199 SERIAN	N.18 TEBEDU	11,819	12,621
P.199 SERIAN	N.19 KEDUP	16,082	17,793
P.200 BATANG SADONG	N.20 SADONG JAYA	7,065	7,732
P. 200 BATANG SADONG	N.21 SIMUNJAN	9,729	10,166
P.201 BATANG LUPAR	N.22 SEBUYAU	7,563	8,115
P.201 BATANG LUPAR	N.23 LINGGA	7,630	7,812
P.201 BATANG LUPAR	N.24 BETING MARO	7,224	7,919
P. 202 SRI AMAN	N.25 BALAI RINGIN	8,158	8,894
P. 202 SRI AMAN	N.26 BUKIT BEGUNAN	7,558	7,820
P. 202 SRI AMAN	N.27 SIMANGGANG	10,008	10,636
P. 203 LUBOKANTU	N.28 ENGKILILI	9,233	9,516
P. 203 LUBOKANTU	N.29 BATANG AIR	7,957	8,818
P. 204 BETONG	N.30 SARI BAS	7,370	8,158
P. 204 BETONG	N.31 LAYAR	7,531	8,183
P. 204 BETONG	N.32 BUKIT SABAN	7,187	7,774
P. 205 SARATOK	N.33 KALAKA	13,425	14,289
P. 205 SARATOK	N.34 KRIAN	10,557	11,177
P. 206 TANJONG MANIS	N.35 BELAWAI	8,139	8,740
P. 206 TANJONG MANIS	N.36 SEMOP	8,913	9,014
P.207 IGAN	N.37 DARO	7,279	7,364
P. 207 IGAN	N.38 JEMORENG	8,456	8,829
P. 208 SARIKEI	N.39 REPOK	17,050	18,664
P. 208 SARIKEI	N.40 MERADONG	14,625	15,443
P.209 JULAU	N.41 PAKAN	9,071	9,424
P. 209 JULAU	N.42 MELUAN	11,235	11,657
P.210 KANOWIT	N.43 NGEMAH	7,852	8,115
P.210 KANOWIT	N.44 MACHAN	9,761	10,020
P.211 LANANG	N.45 BUKIT ASSEK	25,991	26,976
P.211 LANANG	N.46 DUDONG	23,539	26,510
P.212 SIBU	N.47 BAWANG ASSAN	16,323	16,821
P.212 SIBU	N.48 PELAWAN	24,490	29,195
P.212 SIBU	N.49 NANGKA	12,866	14,268
P.213 MUKAH	N.50 DALAT	11,216	12,067
P.213 MUKAH	N.51 BALINGIAN	11,635	11,952
P.214 SELANGAU	N.52 TAMIN	11,032	12,407
P.214 SELANGAU	N.53 KAKUS	9,025	9,664

PARLIMEN	DAERAH DUN	PRU KE-12	DPI ST 1/2011
P.215 KAPIT	N.54 PELAGUS	14,487	15,564
P.215 KAPIT	N.55 KATIBAS	8,236	8,685
P.216 HULU RAJANG	N.56 BALEH	10,070	11,394
P.216 HULU RAJANG	N.57 BELAGA	7,626	8,506
P.217 BINTULU	N.58 JEPAK	11,858	13,185
P.217 BINTULU	N.59 KIDURONG	24,992	27,462
P.217 BINTULU	N.60 KEMENA	13,554	14,174
P.218 SIBUTI	N.61 BEKENU	10,029	10,764
P.218 SIBUTI	N.62 LAMBIR	12,114	14,315
P.219 MIRI	N.63 PIASAU	16,675	16,644
P.219 MIRI	N.64 PUJUT	20,702	22,792
P.219 MIRI	N.65 SENADIN	18,586	22,711
P. 220 BARAM	N.66 MARUDI	12,012	13,160
P. 220 BARAM	N.67 TELANG USAN	12,413	13,863
P.221 LIMBANG	N.68 BUKIT KOTA	13,163	14,663
P.221 LIMBANG	N.69 BATU DANAU	7,152	7,715
P. 222 LAWAS	N.70 BA'KELALAN	6,312	7,077
P. 222 LAWAS	N.71 BUKIT SARI	9,405	10,140
JUMLAH KESELURUHAN		10,922,139	12,032,467

NO:57

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2011**

PERTANYAAN**JAWAB LISAN****DARIPADAYB TUAN MOHD YUSMADI BIN****MOHD YUSOFF****(BALIK PULAU)****TARIKH****14.6.2011****SOALAN****57**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah pinjaman pendidikan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) sejak penubuhannya dan nilai tunggakan bayaran balik dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sejak MARA ditubuhkan pada 1 Mac 1966, sebanyak **Ringgit Malaysia 14 billion, 942 juta, 836 ribu dan 578** telah diperuntukkan bagi tujuan pinjaman pendidikan untuk menaja seramai **331,818 pelajar**.

Daripada jumlah tersebut, pihak MARA telah memberi pengurangan bayaran balik pinjaman sebanyak **Ringgit Malaysia 4 billion, 566 juta, 434 ribu dan 814**. Jumlah pengurangan ini melibatkan pengurangan bayaran balik kepada peminjam yang cemerlang dalam keputusan akademik sebanyak **Ringgit Malaysia 4 billion, 535 juta, 332 ribu dan 147** dan jumlah hapus kira pinjaman yang diberikan kepada peminjam yang meninggal dunia atau menghadapi penyakit kronik sebanyak **Ringgit Malaysia 31 juta, 102 ribu dan 667**.

Selepas mengambil kira jumlah pengurangan di atas, maka jumlah bayaran yang perlu dibayar balik adalah sebanyak **Ringgit Malaysia 10 billion, 376 juta, 401 ribu dan 764** oleh peminjam. Daripada jumlah tersebut, bayaran balik yang diterima setakat 31 Mei 2011 adalah sebanyak **Ringgit Malaysia 606.9 juta iaitu enam peratus (6%)**.

Untuk mendapatkan balik tunggakan tersebut, pelbagai usaha telah diambil oleh MARA. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:-

- a) mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam;
- b) menyiaran senarai nama peminjam tegar di dalam surat khabar;
- c) menggunakan khidmat Agensi Kutipan Hutang (AKH) untuk menyenarai hitam peminjam dan penjamin apabila bayaran balik tertunggak melebihi 36 bulan; dan
- d) **mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam dan penjamin yang bertunggakan melebihi 48 bulan.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
(KENINGAU)**

TARIKH

14.06.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan setelah Guru-Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) diumumkan ditarikh balik arahan menamatkan khidmat mereka sebagai Guru Sandaran, berapa GSTT dari Sabah yang berjumlah 578 telah ditempatkan di IPG-IPG di Sabah untuk dilanjutkan latihan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam proses untuk membuat pelantikan semula Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di seluruh negara. Pada masa yang sama KPM juga sedang mengumpul maklumat GSTT yang layak untuk mengikuti latihan Kursus Perguruan Lepas Ijazah Mod Kursus Dalam Cuti (KPLI - KDC) bagi ambilan November 2011. Senarai 578 orang GSTT tersebut telah diserahkan kepada Bahagian Pendidikan Guru pada bulan Mei 2011 bagi tujuan pemilihan latihan.

No. Soalan : PR-

**1242-L45000 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN**

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN
DAHLAN [KOTA BELUD]**

TARIKH

14 JUN 2011

SOALAN

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan komunikasi diplomatik antara kedutaan Malaysia di luar negara dan Wisma Putra tidak dipintas oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti dalam isu Wikileaks.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah keselamatan untuk memastikan terpeliharanya penghantaran dan penerimaan maklumat-maklumat terperingkat. Ini termasuk penggunaan Sistem Komunikasi Makiumat Terperingkat bagi penerimaan dan penghantaran makiumat tersebut di Kementerian dan Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara.
3. Sistem komunikasi terperingkat yang digunakan tersebut telah dapat mengelakkan ia diceroboh atau dipintas oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : .f"

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KE EMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS 2011

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH
NORA BINTI ABD
RAHMAN (TANJUNG MANIS)

TARIKH : 14 JUN 2011

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang untuk memastikan nafkah bagi kanak-kanak terpelihara dan terjamin melalui potongan gaji bagi kes-kes di mana ibu bapa mereka bercerai.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memberi perhatian terhadap isu nafkah anak-anak bagi kes-kes di mana ibu bapa mereka bercerai agar sentiasa terpelihara dan terjamin. Kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), sentiasa melaksanakan program kesedaran

kepada masyarakat akan kepentingan atau mudarat jika persoalan nafkah anak-anak diambil ringan, lebih-lebih lagi apabila ibu bapa kanak-kanak tersebut telah bercerai.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kaedah dan tatacara untuk memastikan nafkah anak-anak, khususnya apabila ibu bapa mereka telah bercerai, sentiasa terjamin dan terpelihara telah dinyatakan dengan jelas di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Tatacara Mai semua negeri. Pihak ibu atau penjaga kanak-kanak tersebut perlu mendapatkan perintah nafkah dari Mahkamah Syariah terlebih dahulu secepat mungkin. Jika sesuatu perintah nafkah anak diabaikan oleh pihak bapa, perintah penguatkuasaan nafkah anak perlu dipohon sekali lagi kepada Mahkamah Syariah. Penguatkuasaan perintah nafkah secara potongan gaji (Tahanan Pendapatan) sebenarnya telah diperuntukkan di dalam Enakmen Tatacara Mai semua negeri dalam bab Penguatkuasaan Perintah. Malah ketika ini, ibu yang memohon perintah nafkah anak lazimnya terus memohon kepada Mahkamah agar cara pembayaran nafkah tersebut dibuat secara potongan gaji.

Namun begitu, kaedah potongan gaji hanya dapat dilaksanakan ke atas bapa yang mempunyai majikan sahaja. Sebaliknya, penguatkuasaan perintah nafkah anak ke atas bapa yang tidak mempunyai majikan boleh dibuat melalui kaedah lain iaitu :

1. **Perintah sita dan jual harta** penghutang penghakiman iaitu pihak yang engkar perintah/bapa.

2. **Prosiding Hiwalah** iaitu memohon kepada mahkamah agar satu perintah kepada pihak ketiga yang memegang wang pihak yang engkar perintah/bapa membayar kepada anak nafkah yang tertunggak
3. **Saman Penghutang Penghakiman**
4. **Perintah pengkomitan Penghutang Penghakiman** iaitu perintah pemenjaraan ke atas bapa yang engkar perintah
5. **Perintah pengkomitan ke atas pengarah atau pegawai suatu pertubuhan atau perbadanan yang menjadi majikan bapa yang engkar perintah.**
6. **Pendakwaan ke atas bapa yang mengengkari perintah Mahkamah di bawah seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri yang membawa hukuman penjara tidak melebihi setahun.**

Kesimpulannya, kaedah untuk menguatkuasakan perintah nafkah anak telah lengkap diperuntukan di dalam undang-undang yang sedang diamalkan di semua negeri. Hanya langkah **memberi kesedaran dan pemahaman** kepada masyarakat berkenaan hak dan undang-undang yang telah sedia ada sahaja perlu dipergiatkan.

Sekian, terima kasih.

NO. AUP : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN PERTANYAAN	LISAN	NO.AUM : 54
DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]		
TARIKH	14 JUN 2011	
DARIPADA RUJUKAN	3663	

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan laporan Polis mengenai perjumpaan sekumpulan paderi-paderi agama Kristian di Pulau Pinang yang dilaporkan oleh 2 blog dan didedahkan oleh media Utusan Malaysia serta laporan Polis yang dibuat oleh seorang ahli DAP bernama Razali Abdul Rahman yang mana perjumpaan tersebut dikatakan ada perbincangan dan doa mahu menjadikan agama Kristian sebagai Agama Rasmi Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pada 7 Mei 2011, pihak polis telah menerima satu laporan berkaitan penyiaran di dalam akhbar Utusan Malaysia berkenaan isu menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi Persekutuan. Susulan dari itu, sejumlah enam puluh tiga lagi (63) laporan polis telah dibuat di seluruh negara.

Pihak polis telah menjalankan siasatan dan sebanyak enam puluh (60) rakaman percakapan telah dibuat untuk membantu siasatan. Ini termasuklah rakaman percakapan dari penulis blog dan lima (5) orang wartawan dari Utusan Malaysia. Sehingga hari ini, kertas siasatan telah pun diedarkan kepada pejabat Ketua Unit Pendakwaan (KUP) Pulau Pinang untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

Soalan No :

DEWAN **LISAN** **PEMBERITAHU PERTANYAAN**
PERTANYAAN **RAKYAT**

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
 SAID
 (KUALA KRAU)

TARIKH 14.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kaedah baru kenaikan pangkat guru pengajaran dan pembelajaran (PDP) serta adakah guru-guru di gred DG41 juga terlibat di dalam program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada sambutan Hari Guru yang telah diadakan pada 16 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan pangkat dalam pelbagai gred jawatan perkhidmatan perguruan khusus bagi guru pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan pengumuman tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menghalusi kaedah baru kenaikan pangkat dalam sektor perkhidmatan pendidikan negara.

NO ALIM: 56
NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MOJILIP BUMBURING [TUARAN]**

DARIPADA 14 JUN 2011

3664

TARIKH

**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan lanjut yang dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas memorandum bertarikh 14hb Disember 2010 mengenai dengan IC Projek di Sabah yang telah saya sampaikan kepada Kementerian pada bulan Disember yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian amat menghargai usaha Ahli Yang Berhormat di atas memorandum yang komprehensif dan terperinci berkaitan dengan 1C Projek di Sabah .

Untuk makluman dewan yang mulia ini terdapat 7 isu yang dibangkitkan dalam memorandum tersebut iaitu:

- i) Pengeluaran Kad Pengenalan yang tidak teratur;
- ii) Pemberian Taraf Pemastautin Tetap kepada pemegang IMM 13;
- iii) Pengeluaran Sijil Lahir Daftar Lewat yang tidak teratur;
- iv) Pemberian Taraf Kewarganegaraan Malaysia secara automatik;
- v) Pemberian Identiti Pengenalan Diri kepada pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS);
- vi) Jumlah pelarian yang tinggi di Negeri Sabah; dan
- vii) Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja

Kementerian telah meneliti semua isu-isu tersebut dan dokumen-

dokumen sokongan yang dikemukakan dalam memorandum berkenaan. Sehubungan dengan ini, Kementerian dengan sukacita menjemput Ahli Yang Berhormat Tuaran menghadiri satu majlis khas untuk memberi penjelasan berkaitan dengan perkara- perkara yang dibangkitkan.

SOALAN ffrbt

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [TANGGA BATU]
TARIKH	14 JUN 2011
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan :

Justifikasi acara pembukaan Citrawarna yang menelan belanja berjuta-juta ringgit hanya untuk satu malam dan sejauh mana keberkesanan acara itu untuk menarik minat para pelancong

untuk datang ke Malaysia dibandingkan dengan perarakan di luar negara yang benar-benar berjaya menarik pelancong dan media asing seperti Carnival, di Rio De Janeiro.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tangga Batu, acara Citrawarna 1 Malaysia (*Colours of 1 Malaysia*) adalah Pesta Pelancongan terhebat menerusi perarakan jalanan (*street performance and parade*) dengan perarakan bertemakan produk-produk pelancongan yang inovatif serta cara hidup masyarakat berbilang kaum di Malaysia diiringi persembahan muzik tradisional dan kontemporari, nyanyian serta tarian yang memaparkan keunikan budaya masyarakat Malaysia.

Objektif penganjuran acara ini adalah untuk memperkenal serta mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan terunggul dunia yang mempunyai kepelbagaiannya produk pelancongan dan masyarakat berbilang kaum seiring dengan tema pelancongan “Malaysia Truly Asia”. Selain daripada itu juga penganjuran acara ini dapat memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan serta minat rakyat tempatan dan

pelancong asing mengenai produk- produk pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Penganjuran acara mega ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 1999 dan setelah 13 tahun Kementerian Pelancongan melaksanakan acara ini, kejayaan dan keberkesanan penganjuran acara ini dilihat adalah setanding dengan acara- acara mega di negara lain seperti perarakan *Carnival in Rio De Janeiro* yang diadakan di Brazil bagi menarik kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Dalam menjayakan Citrawarna 1 Malaysia, Kementerian Pelancongan yakin dapat mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan melalui program dan aktiviti yang telah dijalankan seperti

- i) Siaran secara langsung ke 9 buah negara seperti Singapura, Indonesia, China, Macau, New Zealand, Filipina, Vietnam, Brunei serta Malaysia yang dianggarkan ditonton oleh seramai **42 juta orang** penonton dan nilai pulangan daripada pengiklanan ini dianggarkan sebanyak **RM36 juta**;
- ii) Penyertaan seramai **200 orang** peserta *Mega Fam (Mega Familiarization)* dari **23 buah negara** antaranya dari negara Australia, Bangladesh, Brunei Darussalam, Cambodia, Kanada, China, Jerman, Hong Kong, India, Indonesia, Laos, Mauritius, New Zealand, Filipina,

Reunion Island, Russia, Singapura, Afrika Selatan, Sweden, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Vietnam telah dijemput untuk menyaksikan persembahan ini. Peserta Mega Fam ini yang terdiri daripada wakil-wakil media asing atau *travel writers* yang telah mengulas mengenai penganjuran acara ini di dalam majalah pelancongan di negara masing-masing dan secara tidak langsung dapat mempromosikan Malaysia ke serata dunia. Nilai penulisan atau laporan yang ditulis adalah begitu tinggi sehingga dapat mempengaruhi minat pelancong untuk berkunjung ke Malaysia;

- iii) Aktiviti promosi dan publisiti ini turut dijalankan melalui hebahan di radio-radio dan juga melalui iklan-iklan di suratkhabar utama tempatan. Ianya juga turut dipanjangkan ke negara Brunei, Indonesia dan Singapura melalui medium pengiklanan di Borneo Bulletin, Jakarta Post dan Today Newspaper. Di anggarkan pulangan daripada aktiviti promosi dan publisiti yang dijalankan tersebut adalah bernilai RM4.23 juta;
- iv) Kunjungan penonton yang hadir menyaksikan persembahan acara ini amatlah menggalakkan setiap tahun dengan purata kehadiran pengunjung seramai 100,000 orang dan dianggarkan 10% terdiri daripada pelancong asing antaranya dari Indonesia, China, Timur Tengah, India, Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Perancis, Iran, Australia, Korea Selatan, United

Kingdom, Jerman dan Taiwan. Secara puratanya anggaran perbelanjaan pelancong-pelancong tersebut di Malaysia adalah sebanyak RM22.9 juta; dan

- v) Sebanyak 45 buah gerai pameran dan jualan telah disediakan bagi memberi peluang kepada penggiat industri pelancongan untuk menjual pakej-pakej pelancongan dan juga kepada Persatuan Homestay diseluruh negeri untuk memperkenalkan dan menjual produk-produk tempatan seperti makanan dan kraftangan kepada orang ramai.

Anggaran jumlah jualan yang dicatatkan secara keseluruhan oleh penggerai sepanjang program ini berlangsung adalah sebanyak **RM210,000.00**.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan yakin dengan kejayaan penganjuran acara mega seperti ini yang akan diadakan pada minggu ketiga bulan Mei setiap tahun akan berjaya menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke Malaysia. Ini mampu memberikan pulangan kepada negara secara anggaranya dari nilai pengiklanan beserta perbelanjaan pelancong iaitu sebanyak RM63 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**

TARIKH **14 JUN 2011 (SELASA)**

SOALAN

NO. 65

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sebab-sebab hal ehwal pengajian pensyarah dan pelantikan Profesor Emeritus di IPTA perlu ditapis oleh Cawangan Khas (SB) di bawah PDRM, seperti yang dihujah oleh Senator Dr. Syed Husin Ali dalam Dewan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan seseorang calon untuk dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus perlu melalui tapisan keselamatan bagi memastikan setiap calon mempunya imej yang bersih dan tidak terbabit dengan sebarang salah laku serta kes-kes jenayah. Tapisan keselamatan ini dibuat oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)**

TARIKH 14.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan nama-nama sekolah yang berlokasi di atas tapak tanah milik KTM(B) di seluruh Malaysia seperti SJK(T) Sangeetha Sabah, Ipoh dan apakah yang menyebabkan KTMB tidak dapat menawarkan tanah milikannya terus kepada sekolah tersebut? Jika tidak sedemikian, kenapa tidak dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai perjanjian pajakan tanah dengan pihak KTMB untuk sekolah-sekolah kerajaan di atas tanah milik KTMB. Kesemua tanah-tanah ini juga tidak diberi hakmilik terus kepada pihak KPM memandangkan pihak KTMB bercadang untuk mengekalkan hakmilik tanah-tanah tersebut bagi perancangan pembangunan pada masa akan datang. Bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang terletak di atas tanah milik KTMB, kebanyakan sekolah-sekolah tersebut mempunyai perjanjian pajakan tanah di antara pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dengan pihak KTMB.

Berhubung dengan sekolah dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, sekolah tersebut adalah sekolah bantuan kerajaan. Terdapat 2 buah sekolah lain yang berada dalam situasi yang sama iaitu di Bangsar dan Sentul. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, perjanjian yang dimeterai adalah di antara pihak LPS dan pihak KTMB. Walau bagaimanapun, pihak LPS boleh mengemukakan permohonan untuk berpindah kepada KPM dan akan diteliti secara *case by case*. Bagi tujuan perpindahan, pihak LPS juga bertanggungjawab mencari tapak yang bersesuaian sebelum mengemukakan permohonan kepada KPM.

SOALAN NO.:

**PEMBERJAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
KAWASAN	HULU SELANGOR 14 JUN
TARIKH	2011 (SELASA)

SOALAN:

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR) minta MENTERI KERJA RAYA**
menyatakan status permohonan menaik taraf Jalan Sri Kledang di Hulu Bernam yang telah dipohon di dalam RMK-10, bilakah projek itu akan dimulakan dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi projek menaik taraf jalan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan B44 dari persimpangan Kg. Seri Keledang ke Felda Gedangsa, Kuala Kubu Baru sepanjang 10.5 kilometer satu lorong dua hala itu terletak di bawah kategori Jalan Negeri.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai keadaan jalan tersebut yang tidak disenggara dengan baik sehingga menimbulkan kesulitan kepada pengguna di kawasan tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan audit pemeriksaan dan mendapati jalan berkenaan perlu dibaik puiih secara keseiuruhannya dengan menggunakan kaedah pembinaan semula (*reconstruction*). Anggaran kos projek terlibat ialah sebanyak RM18 juta. Walaupun cadangan projek ini di luar dari tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, namun atas dasar keprihatinan dan kepentingan orang awam, kementerian ini akan berbincang terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk tindakan selanjutnya sebelum berusaha mendapatkan peruntukan khas dari Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, kerja-kerja penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri terletak bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri yang terlibat, iaitu menggunakan peruntukan MARRIS atau Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya

Malaysia. Peruntukan ini sememangnya disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun dengan mengambil kira rekod pendaftaran dan jarak kilometer Jalan Negeri yang terlibat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek-projek ECER yang telah berjaya bagi negeri Kelantan sejak ia diisytiharkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), sebanyak 21 projek termasuk projek merentasi sempadan ECER di negeri Kelantan telah mula dilaksanakan dan sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti Kajian Strategi Perniagaan dan Pelaksanaan, kerja-kerja reka bentuk dan pelaksanaan

fizikal.

Bagi tempoh berakhir sehingga 31 Mei 2011, sejumlah 5 projek/program sedang dalam pelaksanaan fizikal iaitu Agropolitan Kelantan Selatan, Taman Industri Makanan Halal Pasir Mas, Program Pembangunan Modal Insan, Suri@Home dan Pusat Kecemerlangan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) *Rolling Plan* Pertama, sebanyak 6 projek telah diluluskan. Kesemua 6 projek akan dimulakan sebelum Ogos 2011 iaitu Pembangunan Kota Bharu City Centre, Taman Industri Makanan Halal Pasir Mas (Fasa II), Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan Pengkalan Kubor, Agropolitan Kelantan Selatan (Fasa II) dan Program Pembangunan Modal Insan (Fasa II).

Projek/Program Agropolitan, Pembangunan Modal Insan dan Suri@Home yang dilaksanakan oleh ECER telah berjaya membuka peluang pekerjaan di kalangan belia, kaum suri rumah dan graduan baru di samping membasmi kemiskinan.

No-

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARI PAD A JAWAB LISAN
TARIKH TUAN DING KUONG HUNG
SOALAN 14 JUN 2011 (SELASA)
Tuan Ding Kuong Hiing [No. 69] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI
menyatakan :

- (a) status kelulusan pembinaan Kolej Komuniti di Sarikei dengan merujuk kepada lawatan Yang Berhormat Dato' Menteri dan janji YAB Tan Sri Timbalan Perdana Menteri pada awal bulan April tahun ini; dan
- (b) nyatakan juga institusi-institusi pengajian tinggi awam yang berada di kawasan zon tengah, Sarawak mengikut Bahagian, tahun penubuhan dan kos pembinaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Permohonan bagi penubuhan Kolej Komuniti di Sarikei, Sarawak telah dimasukkan di bawah *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

- (b) Pada masa ini, terdapat 3 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berada di zon tengah, Sarawak iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) di Bahagian Kuching yang ditubuhkan pada 1992, Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Cawangan Bintulu di Bahagian Bintulu ditubuhkan pada 1987 dan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Kampus Cawangan Mukah di Bahagian Mukah ditubuhkan pada 2002.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA :Y.B. TUAN MAN IKAVASAG AM A/L SUNDARAM

[KAPAR]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH : 14/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN MAN I KAVASAG AM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :

- (a) jumlah pinjaman yang telah diluluskan dibawah program Working Capital Guarantee Scheme (WCGS); dan
- (b) berikan senarai nama syarikat dan jumlah pinjaman bagi syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi setiap syarikat.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mei 2011, sebanyak 5,329 permohonan bagi mendapatkan pinjaman di bawah program Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK) atau *Working Capital Guarantee Scheme* (WCGS) telah diluluskan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE Ke-2) yang mana jumlah keseluruhan yang diluluskan adalah

SOALAN (71)

sebanyak RM7 bilion dan telah mencapai had siling yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, ebanyak 926 permohonan (RM1.6 bilion) atau bersamaan **17.4** peratus telah diluluskan kepada Bumiputera, manakala sebanyak 4,406 permohonan (RM5.4 bilion) atau bersamaan **82.6** peratus lagi adalah kepada Bukan Bumiputera.

2. Melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKeO) pula, sehingga 31 Mei 2011 sebanyak 1,995 permohonan telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM1.3 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 284 permohonan (RM247 juta) atau bersamaan **14.2** peratus telah diluluskan kepada Bumiputera dan sebanyak 1,711 permohonan (RM1.1 bilion) atau bersamaan **85.8** peratus lagi kepada Bukan Bumiputera.

3. Senarai nama syarikat yang telah berjaya mendapat pinjaman di bawah program WCGS ini tidak dapat dikemukakan kerana tertakluk kepada kawalan di bawah *Banking and Financial Institutions Act* (BAFIA).

PERTANYAAN	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
TARIKH	LISAN
DARIPADA	14JUN 2011 (SELASA) DATUK TIONG THAI KING [LANANG]

SOALAN

DATUK TIONG THAI KING (LANANG 1 mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan berancang untuk menggubal undang-undang dalam mengharamkan penggunaan beg plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak merancang untuk

menggubal undang-undang khusus untuk mengharamkan penggunaan beg plastik. Pendekatan yang diambil pada ketika ini lebih menjurus kepada menjalankan kempen-kempen kesedaran awam dan penyebaran maklumat supaya rakyat di negara ini mengurangkan penggunaan beg plastik dan memastikan beg plastik diguna semula atau diasingkan untuk dikitar semula. Bagi perancangan masa panjang, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 mempunyai peruntukan khusus yang membolehkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui perintah menghendaki pengurangan, penggunaan semula dan pengitaran semula sisa pepejal termasuk sisa plastik.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun20H

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)
SOALAN Y.B. DATUK NUR JAZLAN BINMOHAMED minta PERDANA
MENTERI menyatakan peranan "*Interfaith Council*" yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan
kuasa yang diberikan kepadanya.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Selepas beberapa kejadian yang melibatkan gereja, masjid dan gurdwara pada bulan Januari 2010, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk melantik Allayarmah Y.Bhg

No. SOALAN: 72

Datuk

Hajah Ilani binti Isahak sebagai Penyelaras Khas untuk mengadakan perbincangan dengan

para pemimpin agama dari ACCIN dan MCCBCHST secara berasingan dan secara bersama,

dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.

ACCIN ialah *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs* yang disertai oleh 17 NGO Islam,

manakala MCCBCHST ialah *The Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity,*

Hinduism, Sikhism and Taoism.

Hasil daripada proses perbincangan, satu cadangan telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya ditubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di

Antara Penganut Agama (JMKPA). Jawatankuasa ini yang diluluskan oleh Jemaah Menteri

pada pertengahan bulan Mac 2010 merupakan mekanisme untuk berdialog, berunding, menguruskan dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama dengan terma-terma rujukan

dan bidang tugas yang dipersetujui oleh semua ahli. Ianya bertindak sebagai badan penasihat

kepada kerajaan terhadap jalan penyelesaian yang dipersetujui terhadap isu-isu agama untuk

dipertimbangkan di peringkat Jemaah Menteri.

Sehubungan itu, empat (4) Jawatankuasa kerja telah ditubuhkan dibawah Jawatankuasa Induk, iaitu: Jawatankuasa Persefahaman Terhadap Isu-Isu Antara Penganut Agama, Jawatankuasa Kerja Aktiviti-Aktiviti Bersama, Jawatankuasa Mediasi Antara Penganut- Penganut Agama dan Jawatankuasa Kerja Acara Bersama Kerajaan dan Pemimpin Masyarakat.

Sejak penubuhannya pada awal tahun 2010, beberapa mesyuarat di peringkat Jawatankuasa telah diadakan untuk membincang dan mengenal pasti isu-isu keagamaan yang boleh mengugat keharmonian negara. Seterusnya, JKMPA telah menganjurkan satu bengkel dua hari pada 1-2 Disember 2010 untuk memupuk perhubungan silahturahim dan membina persefahaman bersama di antara anggota-anggota JMKPA serta mulai meneroka titik pertemuan awalan mengenai beberapa isu.

Ahli-ahli Jawatankuasa juga telah menghadiri secara aktif beberapa forum mengenai perhubungan di antara kaum dan penganut agama menganjurkan beberapa program dan aktiviti keagamaan di peringkat kebangsaan dan akar umbi yang melibatkan Rukun Tetangga dan persatuan penduduk sempena Sambutan Minggu Keharmonian Agama Sedunia minggu pertama bulan Februari. Ia termasuk acara kemuncak Majlis Ramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Pemimpin-pemimpin Agama pada 14 Februari 2011 di PICC.

Malangnya, Pengurus JMKPA Allayarhamah Y.Bhg Datuk Hajah Ilani binti Dato' Isahak telah meninggal dunia pada bulan Februari 2011 yang merupakan kerugian besar. Perundingan sedang diadakan untuk mengenalpasti pengganti yang sesuai dan dapat diterima oleh semua pihak supaya kerja baik JMPKA dapat diteruskan dengan lebih giatnya.

Namun demikian, proses perjumpaan dan perbincangan terus berlangsung di antara pucuk pimpinan kerajaan, para pegawai dengan para pemimpin agama yang berkenaan, termasuk di antara para pemimpin agama sendiri. YAB Perdana Menteri

sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin agama Islam pada 11 Mei 2011 dan para pemimpin Kristian pada 12 Mei 2011. Di samping itu, menteri yang berkenaan telah juga berjumpa dengan kumpulan-kumpulan agama untuk mendengar pandangan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah tertentu, manakala pemimpin-pemimpin kerajaan turut menghadiri beberapa acara perayaan agama, di mana pertukaran fikiran juga diadakan.

Adalah jelas bahawa hubungan di antara para penganut agama untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan nilai keterangkuman (*inclusiveness*), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut semangat Gagasan 1 Malaysia.

NO. SOALAN: I?

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS (2011)**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah statistik kes maksiat, dan bersedudukan yang telah dicatatkan di kawasan Ampang.

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan undang- undang
kesalahan Jenayah Syariah bagi Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan (JAWI) di Ampang adalah terhad kepada

|

kawasan yang termasuk dalam Wilayah Kuala Lumpur sahaja. Bagi tempoh dari tahun 2009 hingga 2011, terdapat 2 kes kesalahan persetubuhan luar nikah dan 16 kes khalwat yang berlaku di kawasan Ampang.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peraturan di mana saudara bap Islam perlu memberitahu kepada keluarga mereka bahawa mereka sudah memeluk Islam sebelum keislaman mereka didaftarkan telah dilaksanakan dan adakah telah dikaji semula kerana menyusahkan saudara baru.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak menetapkan apa-apa peraturan kepada saudara baru Islam untuk memaklumkan kepada keluarga mereka bahawa mereka telah memeluk Islam. Tindakan untuk memaklumkan

kepada ahli keluarga adalah terserah kepada kebijaksanaan dan budi bicara saudara baru tersebut.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mendapatkan nasihat dan pandangan daripada para ulama sebelum melaksanakan apa-apa cadangan yang berhubungan dengan kemaslahatan umat Islam. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha untuk mengimbangi tuntutan-tuntutan dari pelbagai pihak selagi tuntutan tersebut tidak bercanggah dengan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.

Justeru, peruntukan undang-undang yang sedia ada mengenai kemasukan Islam dan perkara berkaitan dengannya adalah mencukupi serta amalan sedia ada akan diteruskan.

Sekian terima kasih,

SOALAN NO: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

TARIKH: 14JUN2010

SOALAN:

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk

menyelaraskan kos pengambilan pembantu rumah warga asing supaya ia tidak membebankan rakyat dan mengelakkan penipuan oleh ejen-ejen yang mengambil kesempatan terhadap permintaan yang tinggi.

PR-1242-L43385

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, pada 31 Disember 2010 terdapat seramai 247,069 pembantu rumah asing (PRA) di Malaysia. Pembantu Rumah Indonesia (PRI) merupakan yang teramai iaitu seramai 189,391 orang, diikuti Kemboja seramai 39,115 orang. Pada masa sekarang, bayaran untuk mengajikan seorang pembantu rumah asing daripada negara-negara sumber sedia ada seperti Indonesia, Thailand, Kambodia, Filipina, India, Sri Langka, Laos, Nepal dan Vietnam adalah dalam lingkungan RM 6,000 hingga RM 8,000 seorang. Namun begitu, bagi Indonesia, Kerajaan telah menandatangani Protokol Pindaan Terhadap Memorandum Persefahaman Di Antara Malaysia Dengan Republik Indonesia Mengenai Isu Penggajian Pembantu Rumah Asing Indonesia 2006 (Protokol) pada 30 Mei 2011 di Bandung, Indonesia.

3. Berdasarkan persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua buah negara, kos yang perlu ditanggung oleh majikan Malaysia untuk

menggaji PRI adalah sebanyak RM2,711. Manakala, kos yang akan ditanggung oleh pekerja adalah sebanyak RM1,800. Ini menjadikan keseluruhan kos untuk menggaji seorang PRI adalah sebanyak RM4,511.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi memastikan tidak ada penyelewengan yang berlaku, Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Persatuan Agensi Pekerja Asing (PAPA) dan juga perwakilan negara sumber akan mengenai pasti menyediakan mekanisma terbaik dalam membawa masuk pembantu rumah asing berkaitan ke negara ini seperti keperluan latihan kepada pembantu rumah dan pengambilan ini dibuat melalui Kerajaan dengan Kerajaan. Namun begitu, bagi negara Indonesia, kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan Indonesia dan Malaysia telah bersetuju supaya satu Jawatankuasa Khas iaitu *Joint Task Force* ditubuhkan sebagai landasan mengariskan mekanisma yang sesuai dalam menghadapi isu-isu berbangkit seperti penyelewengan oleh agensi-agensi pekerjaan di Malaysia mahupun di Indonesia.

5. Ejen-ejen pekerjaan swasta dilesenkan dibawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1980. Sekiranya ejen didapati melakukan kesalahan dan penyelewengan di bawah Akta ini, mereka boleh didenda RM2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

SOALAN NO: 76

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
TARIKH	14 Jun 2011 (Selasa)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan khususnya vessel kelas C2 yang subsidi dieselnya akan ditarik balik mulai 1/6/2011.
JAWAPAN	Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang DiPertua,

Pemberian subsidi bahan api kepada 9 pengangkutan barang dan nelayan laut dalam C2 bertujuan menampung sebahagian daripada kos operasi pengangkutan dan menangkap ikan, pengusaha lori dan vesel perikanan.

Dalam penstrukturkan semula subsidi diesel, Kerajaan telah mengambil kira kepentingan kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan bantuan iaitu pengangkutan awan dan nelayan pantai. Justeru, nelayan pantai yang beroperasi di Zon A, B dan C masih lagi menikmati diesel dan petrol dengan harga *super subsidy* iaitu RM1.25 seliter. Manakala pengangkutan awam masih menerima *super subsidy* iaitu RM1.48.

Nelayan Zon C2 dan pengangkutan barang merupakan pengusaha / syarikat yang mencebur dan bergiat dalam industri pengangkutan dan perikanan laut dalam secara komersial serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Namun begitu,

pengusaha vesel Zon C2 dan pengangkutan barang masih diberi subsidi oleh Kerajaan. Kerajaan hanya mengurangkan kadar subsidi bahan api yang diberikan sebanyak RM0.55 seliter iaitu daripada RM1.25 seliter kepada RM1.80 seliter untuk nelayan C2 dan RM0.32 sen dari RM1.48 seliter kepada RM1.80 berbanding dengan harga industri yang mengikut harga pasaran RM2.80 seliter.

Untuk vesel zon C2, Kerajaan telah menaikkan kadar Insentif Hasil Tangkapan Ikan daripada RM0.10 sekilogram kepada RM0.20 sekilogram. Pemberian insentif ini diharap akan mendorong pengusaha vesel Zon C2 meningkatkan hasil tangkapan dan menambah bekalan ikan dalam negara.

Selain daripada itu, pengusaha dan pekerja vesel warga tempatan yang bekerja di atas vesel Zon C2 masih diberikan Elaun Sara Hidup sebanyak RM200 sebulan.

NO. SOALAN: 17

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA
KEDAH)

TARIKH 14 JUN 2011(SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai Akta 388 Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-

Wilayah Persekutuan) 1997 Seksyen 41 Qazaf dalam undang- undang keluarga Islam. Mengapakah peruntukan dalam undang-undang ini tidak dikuatkuasakan dan sehingga perbuatan menuduh orang melakukan zina dan liwat dibiarkan berleluasa sehingga merosakkan umat Islam umumnya.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta dan seksyen sebagaimana yang dinyatakan adalah tidak tepat, dimana Akta 388 yang dinyatakan dalam pertanyaan adalah merupakan Akta Tafsiran 1948 dan 1967; bukannya Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Berhubung dengan peruntukan kesalahan *qazaf*, ia bukan dikanunkan dibawah seksyen 41 Undang-undang Keluarga Islam. Sebaliknya peruntukan berkaitan dengan kesalahan *qazaf* dikanunkan dibawah seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 atau Akta 559. Saya ingin menarik perhatian bahawa peruntukan tersebut menyatakan: *"Kecuali dalam kes li'an, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan mengikut hukum syarak, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya"*

Setakat ini, terdapat 2 kes berkaitan kesalahan *qazaf*, di mana 1 kes kertas siasatannya telah ditutup dan 1 kes lagi masih dalam siasatan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO.78

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)
TARIKH 14 JUN 2011
SOALAN

DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta PERDANA MENTERI menyatakan dimanakah RM5 juta yang telah dijanjikan untuk meningkatkan taraf Wawasan Kota Kinabalu Bus Terminal dan bilakah kerja itu akan dimulakan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SOALAN NO.78

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah diperuntukkan satu dana daripada Kumpulan Wang Pengangkutan Awam (KWAPA) sebanyak RM5 juta oleh pihak kerajaan Persekutuan bagi tujuan menaik taraf Wawasan Kota Kinabalu Bus Terminal.

Untuk makluman, perlantikan kontraktor bagi melaksanakan projek ini sudah pun dibuat menerusi prosedur Tender Terbuka. Kerja-kerja di lapangan akan dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan pada bila-bila masa dalam bulan Jun ini. Projek ini dijangka siap pada bulan Jun 2012.

Sekian, terima kasih.

NO:79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDUDDIN [BUKIT GANTANG]
TARIKH SOALAN	14 JUN 2011 (SELASA) 79

Dato' Seri Mohammad Nizar Bin Jamalududdin [Bukit Gantang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh manakah kerjasama Kementerian bagi membantu Kerajaan Negeri Perak bagi meneruskan tempoh bantuan kewangan bayaran sewa RM300 kepada semua penghuni setinggan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Kuala Sepetang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, setinggan KTMB di kawasan Kuala Sepetang adalah tidak terlibat dengan kerja-kerja pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar. Bantuan kewangan bayaran sewa rumah sebanyak RM300 ini hanya diberikan kepada setinggan di jajaran keretapi Negeri Perak yang terlibat dengan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar.
2. Bagi setinggan Negeri Perak yang terlibat dengan projek ini, Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kewangan *ex-gratia* sebanyak RM1.000 bagi kos perpindahan dan bayaran bantuan sewa rumah sebanyak RM300 sebulan untuk tempoh 24 bulan bermula pada Julai 2008.

3. Bagi tujuan penempatan semula setinggan terlibat, Kerajaan Persekutuan telah membantu Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan bagi penyediaan kemudahan asas yang merangkumi pembinaan kemudahan jalan, sistem perparitan serta penyediaan bekalan elektrik dan air yang melibatkan kos berjumlah RM12.246juta manakala Kerajaan Negeri Perak pula menyediakan tanah bagi penempatan baru tersebut.
4. Untuk makluman, sebelum ini Kerajaan Persekutuan juga pernah melanjutkan bayaran sewaan selama 12 bulan bagi sejumlah setinggan iaitu sehingga Jun 2011 memandangkan kerja-kerja penyediaan kemudahan asas belum dapat disiapkan sepenuhnya.

Kif 80

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang]
Tarikh Menjawab	14Jun2011 [Selasa]
Soalan	No. 80
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan usaha Kerajaan untuk meyakinkan pembeli-pembeli kelapa sawit di EU dan Finland mengenai persepsi negatif syarikat kelapa sawit.	

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa mengadakan program-program penerangan secara berterusan untuk meningkatkan imej minyak sawit di kalangan pengimport dan pengguna di negara-negara Kesatuan Eropah, termasuk Finland. Ini termasuk:

- usaha-usaha yang dilakukan oleh syarikat-syarikat perladangan sawit negara bagi memastikan pengeluaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

minyak sawit adalah secara mampan, yang mengimbangkan
kepentingan *People, Planet dan Profit*, dan

- aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat-syarikat perladangan seperti penyediaan kemudahan infrastuktur, perumahan, rumah-rumah ibadat dan aktiviti bagi meningkatkan kebajikan para pekerja ladang.

Selain itu, Kementerian juga menggalakkan syarikat-syarikat perladangan untuk mendapatkan pensijilan minyak sawit mampan di bawah inisiatif industri melalui *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO). Di bawah rangka ini, syarikat-syarikat perladangan perlu menepati syarat-syarat pengeluaran yang mampan bagi mendapatkan pensijilan.

Selain itu, Kementerian juga melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia sentiasa menjalankan program-program kesedaran mengenai kelebihan minyak sawit Malaysia melalui lawatan teknikal, sesi dialog, pembentangan kertas dalam seminar dan persidangan serta lawatan kerja ke negara-negara Eropah.

SOALAN NO: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

TARIKH

14 JUN 2011

SOALAN NO: 81

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tentang pelaksanaan perkhidmatan rangkaian internet percuma di seluruh Negara.

- (a) Adakah Kerajaan Persekutuan bercadang melaksanakan perkhidmatan ini, jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya; dan
- (b) Setakat ini, berapa buah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan bercadang memberikan perkhidmatan percuma ini.

1

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Buat masa ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan pihak Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan Internet secara percuma terutama di kawasan luar bandar. Ini termasuk perkhidmatan Internet percuma untuk pengguna di 42 Pusat Internet Desa (PID) dan 105 Perpustakaan Jalur Lebar (P JL).

SOALAN NO: 81

Selain itu, usaha juga dilaksanakan bagi menyediakan perkhidmatan Internet dengan caj minima yang tidak membebankan komuniti setempat di kawasan luar bandar dan pedalaman iaitu:

- (i) Pelaksanaan Kampung Tanpa Wayar (KTW) di 3100 kampung di seluruh negara sehingga tahun 2012. Sehingga awal Jun 2011, 1180 KTW telah siap dan beroperasi. Caj yang dikenakan adalah serendah RM10 sebulan dan tidak melebihi RM25; dan
- (ii) Pembinaan 246 buah Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) yang telah beroperasi sepenuhnya. Caj dikenakan mengikut jam penggunaan dan ditentukan oleh penyedia perkhidmatan di PJK tersebut.

Caj yang dikenakan bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaran infrastruktur.

- (b) Kementerian bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memberikan perkhidmatan Internet secara percuma. Antaranya ialah:
 - (i) Projek WiFi oleh SKMM dengan kerjasama Syarikat Danawa Resources beberapa bandar di Sarawak seperti di Mukah dan Miri;
 - (ii) Projek Perintis Wireless KL dengan kerjasama Dewan

SOALAN NO: 81

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Syarikat Packet One Networks; dan

- (iii) Projek Perintis Jalur Lebar di Pulau Pinang dan Kulim dengan bilangan 104 *hotspot*

PARHMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)
SOALAN	IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah AGROBANK dan bank-bank lain boleh mempertimbangkan supaya bayaran balik pinjaman kewangan bagi pembiayaan projek pertanian membenarkan ' <i>grace period</i> ' selama dua tahun dari tarikh pinjaman dikeluarkan.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Agrobank boleh menimbangkan '*grace period*' atau tempoh penangguhan bayaran balik bagi pinjaman atau pembiayaan yang diberi. Tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman atau pembiayaan yang diberi bergantung kepada jangkaan perolehan hasil projek yang diusahakan.

Sekiranya projek yang dilaksanakan melibatkan tanaman pokok-pokok saka atau '*perennial crops*' seperti tanaman kelapa sawit atau getah, Agrobank bersedia menimbangkan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman atau pembiayaan sehingga 48 bulan atau 4 tahun.

Manakala TEKUN Nasional di bawah sektor pertanian, menyediakan pinjaman kepada aktiviti tanaman kontan seperti tanaman pisang, sayuran, serai,

jagung, cili dan sebagainya kerana tanaman ini hanya memerlukan satu tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman atau pembiayaan yang pendek untuk proses penanaman dan tuaian. Ini kerana saiz pinjaman TEKUN adalah kecil dan tempoh penangguhan yang disediakan adalah di antara 3 bulan sehingga 1 tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu bergantung kepada projek atau tanaman, yang mana TEKUN juga boleh mempertimbangkan permohonan usahawan yang menceburi bidang penternakan dan perikanan yang memerlukan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman atau pembiayaan lebih dari tempoh biasa sehingga 2 tahun.

No. Soalan PR-
1242-L43761

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	YB TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]
TARIKH	14 JUN 2011
SOALAN	Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pendirian rasmi Kerajaan berkenaan dakwaan Amerika Syarikat tentang pembunuhan Osama bin Laden dan cara mayat beliau diuruskan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Puteh secara serentak bersama-sama dengan soalan-soalan dari:-

- Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang dijadualkan pada 16 Jun 2011 dan;
- Yang Berhormat Sekijang yang dijadualkan pada 22 Jun 2011 di Dewan yang mulia ini kerana ia menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Yang Berhormat atas soalan ini.

3. Kerajaan mengambil maklum pernyataan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama mengenai kematian Osama bin Laden, pengasas kumpulan Al-Qaeda dalam satu operasi rahsia yang dijalankan oleh pasukan khas Amerika Syarikat di Abbottabad, Pakistan pada 1 Mei 2011; Kerajaan juga mengambil maklum kenyataan pihak pentadbiran Amerika Syarikat bahawa pengurusan jenazah Osama bin Laden telah dilakukan.

4. Kerajaan berpandangan bahawa kematian Osama bin Laden adalah satu pengajaran bahawa tindakan keganasan tidak akan membawa kebaikan dan bukan cara yang betul untuk mencapai sesuatu objektif.

5. Kematian Osama bin Laden mungkin tidak akan menamatkan

operasi kumpulan Al-Qaeda. Walau bagaimanapun, kehilangan Osama bin Laden sebagai pemimpin Al-Qaeda dan sumber inspirasi akan memberi kesan terhadap kekuatan kumpulan tersebut. Kerajaan berharap agar dunia ini akan menjadi lebih aman, selamat dan adil berikutnya kematian Osama bin Laden.

6. Kerajaan Malaysia menentang segala bentuk fahaman pelampau (*extremism*) yang berlawanan dengan ajaran-ajaran agama. Pembunuhan orang awam adalah dilarang sama sekali dari segi agama, undang-undang dan ketamadunan manusia. Kita mempraktikkan *wasatiyyah* (kesederhanaan) dan menolak keganasan.

7. Mengenai soalan berhubung dengan pendirian Kerajaan terhadap tindakan negara Barat khususnya NATO yang menyerang negara berdaulat Libya pula, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pertubuhan Perjarijian Atlantik Utara (NATO) pada masa ini mengetuai operasi pelaksanaan zon larangan terbang di Libya. Kerajaan Malaysia mengambil maklum dan menghormati akan penguatkuasaan Resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) 1970 dan 1973 terhadap Libya. Malaysia juga mengalu-alukan keputusan Majlis Keselamatan tersebut untuk melindungi orang awam.

8. Malaysia turut berpendapat bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh mana-mana negara anggota hendaklah bertujuan untuk melindungi orang awam dan bukan sebaliknya. Sehubungan itu, Resolusi Majlis Keselamatan PBB perlu dilaksanakan selaras dengan niat dan tujuan sebenar iaitu melindungi orang awam dan kawasan orang ramai.

9. Malaysia menyokong sebarang usaha-usaha diplomasi termasuk

gencatan senjata ke arah penyelesaian krisis di Libya dengan mengambil kira kepentingan Malaysia. Malaysia tidak akan bersetuju dengan sebarang penempatan tentera asing di Libya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
	[KLANG]
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan pelaburan sebenar (actual investments) yang dilaburkan melalui Economic Transformation Program dari Jan-Mei 2011. Berapakah pekerjaan baru untuk:

- (a) rakyat Malaysia; dan
- (b) pakar-rujuk luar negara, telah diwujudkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme atau ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23.700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48.000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK yang disasarkan sebanyak 6 peratus setahun (secara purata) akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Lebih 3.3 juta pekerjaan baru merentasi kawasan bandar dan luar bandar negara akan diwujudkan menjelang 2020. Ciri-ciri pekerjaan baru ini akan menyebabkan anjakan ke arah juiat pendapatan sederhana dan tinggi.

Hampir kesemua 131 projek permulaan atau Entry Point Projects (EPP) di bawah 12 National Key Economic Areas (NKEA) sedang rancak dirunding. Sejak ETP

dilancarkan, sebanyak 87 buah projek di bawah ETP telah dilancarkan dalam jangka masa hanya 7 bulan. Hanya pada masa yang singkat ini, pihak swasta dan kerajaan bersama-sama telah dapat memulakan 50% daripada 131 EPP yang disenaraikan dalam Program Transformasi Ekonomi.

Kesemua projek ini menyumbang kepada 220.15 juta PNK, pelaburan sebanyak RM170.28 juta dan mewujudkan 362,396 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Pihak Kerajaan amat berkomited terhadap membantu sektor swasta untuk menjadi pemacu utama mengembangkan ekonomi negara, berbanding dengan pendekatan selama ini di mana Kerajaan diharap untuk mengeluarkan peruntukan yang besar untuk menjana ekonomi negara yang sama sekali tidak mampan atau “sustainable”.

Hampir setiap bulan yang akan datang, pelbagai lagi pengumuman yang akan dibuat oleh YAB PM dan Menteri-Menteri peneraju NKEA, dan Kerajaan amat mengambil berat supaya pelaksanaan projek-projek ini dapat dirasakan oleh semua golongan dan lapisan masyarakat.

SOALAN NO.: 85
DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT

[RANAU]

TARIKH : 14 JUN 2011

SOALAN

Datuk Siringan Bin Gubat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan

Hasil daripada lawatan Timbalan Menteri bersama dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Mineral dan Geosains di Kundasang, Sabah baru-baru ini. Bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan juga cadangan-cadangan yang telah diambil untuk mencegah ancaman tanah runtuh di masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YB Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup telah melawat ke tapak gelinciran tanah pada 6 Mei 2011. Susulan daripada lawatan kerja ini, tindakan yang sedang diambil bagi mengurangkan risiko bencana adalah seperti berikut:

A. Tindakan Janqka Pendek

- i. menjalankan kajian penilaian dan pemetaan kestabilan di kawasan perkampungan yang terlibat bagi mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri;

- ii. kajian penilaian dan pemetaan kestabilan di kawasan peranginan di Kundasang bagi mencadangkan langkah-langkah mitigasi secara menyeluruh yang perlu dibuat oleh pemilik premis peranginan di Kundasang; dan
 - iii. menjalankan Program Kesedaran Awam.

B. Tindakan Janqka Panianq

- i. Kajian impak gelinciran tanah terhadap sosio-ekonomi dan komuniti Kundasang meliputi kawasan seluas 35 kilometer persegi. Hasil kajian ini akan digunakan untuk menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Gelinciran Tanah di Kundasang.

Pihak Kementerian dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) akan sentiasa bekerjasama dan bersedia memberi khidmat kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam usaha-usaha untuk menangani isu bencana gelinciran tanah di kawasan Kundasang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]

TARIKH : 14 JUN 2011

SOALAN :

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta PERDANA

MENTERI menyatakan Ufflfsan Malaysia 3/4/2011 yang

mendedahkan lebih RM108 billion wang negara lesap setiap tahun kerana amalan rasuah jabatan berkaitan. Kes ini disiasat oleh SPRM. Bagaimana status siasatan setakat ini. Bilakah Kerajaan akan dapat menjelaskan kepada rakyat kedudukan sebenar kes ini.
JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sik, berkaitan kenyataan kehilangan cukai sebanyak RM108 bilion, sebenarnya jumlah ini merangkumi kehilangan disebabkan faktor-faktor selain rasuah antaranya seperti jenayah berkaitan dadah, penyeludupan, pengisytiharan barang import dan mengelak duti import serta penyucian wang haram (money laundering) (dengan izin) dan bukannya kehilangan kerana jenayah rasuah semata-mata.. lanya

adalah anggaran ketirisan pendapatan negara akibat perlakuan jenayah yang turut melibatkan pelbagai akta di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, SPM telah menjalankan siasatan ke atas amalan rasuah jabatan yang berkaitan dan sebanyak 63 tangkapan dan isu yang dibangkitkan ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh SPRM.

Dalam menjalankan sesuatu siasatan adalah sukar untuk menetapkan sesuatu tempoh masa untuk sesuatu siasatan itu dapat dilengkapkan dan diselesaikan. Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPRM adalah tertakluk pada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN : 87

DARIPADA DATUK DR TEKHEE@TIKI ANAK LAFE
[MAS GADING]
TARIKH JAWAPAN 14 JUN 2011 [SELASA]
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin integriti, kualiti dan kuantiti sumber dan bekalan air bersih di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi memampangkan pengurusan sumber air dan pada masa yang sama menambah baik pengurusan bekalan air di seluruh negara supaya integriti dan kualiti air terjamin dan kuantiti air mencukupi untuk memenuhi keperluan bekalan air di negara ini. Usaha- usaha tersebut merangkumi tindakan seperti berikut:

- (i) melaksanakan pengurusan aset air yang cekap dan efektif seperti menaik taraf dan membaikpulih loji rawatan air, menggantikan paip-paip usang dan mewujudkan sistem agihan yang saling bersambungan bagi menjamin bekalan air yang berterusan semasa krisis;

- (ii) menyediakan prasarana bekalan air baru secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan;
- (iii) memastikan semua operator air mewujudkan pelan tindakan kecemasan semasa kemarau dan krisis pencemaran air bagi meminimumkan kesulitan pengguna;
- (iv) memastikan semua operator air mewujudkan pelan henti tugas secara berjadual disebabkan kerja-kerja naik taraf sistem bekalan air bagi mengurangkan kesan gangguan bekalan air kepada pengguna; dan
- (v) mengesyorkan supaya setiap kerajaan negeri membuat pindaan ke atas enakmen air negeri masing-masing dengan memasukkan peruntukan yang membolehkan kawalan dan pengawalseliaan terhadap sumber air dan kawasan tadahan dikuatkuasakan secara sistematik dan berkesan.

Bagi menjamin kualiti sumber dan bekalan air bersih di seluruh negara, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) pengawalseliaan kualiti air melalui program audit teknikal sistem bekalan air oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) dan menetapkan kualiti air sebagai salah satu *Key Performance Indicator (KPI)* operator air;
- (ii) menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia dalam aspek pemantauan kualiti air melalui

Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) bagi memastikan air terawat selamat untuk digunakan; dan

- (iii) menjalin kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan badan kawal selia air negeri dalam memantau pencemaran sumber air.

Manakala langkah-langkah yang diambil untuk menjamin kuantiti sumber dan bekalan air adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan kecekapan operasi operator air melalui pengawalselian SPAN termasuk memantau dan menetapkan KPI untuk program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW);
- ii) melaksanakan program penyaluran air mentah dan terawat bagi memastikan negeri yang mengalami kekurangan sumber air mempunyai sumber air yang mencukupi;
- iii) meneroka sumber-sumber air alternatif seperti air bawah tanah, kolam, tasik, *retention pond* dan lain-lain untuk dijadikan punca air tambahan dan rizab pada masa hadapan bagi menghadapi masalah pemanasan global (*global warming*) dan perubahan cuaca dunia (*climate change*); dan
- iv) memupuk kesedaran pengguna bagi menggalakkan penjimatan air serta penggunaan air secara berhemah melalui kempen di media cetak dan elektronik.

Tuan Yang Dipertua,

Kejayaan untuk memastikan air sentiasa bersih dan mencukupi amat bergantung juga dengan sikap pengguna. Sekiranya pengguna tidak prihatin terhadap pemeliharaan sumber air daripada pencemaran, semua usaha-usaha tersebut di atas tidak akan membawa hasil dan boleh menyebabkan negara kehilangan sumber-sumber air yang andal untuk bekalan air di masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

DR. LO'LO'BINTI MOHAMAD GHAZALI

[TITIWANGSA]

TARIKH

14 JUN 2011

SOALAN

Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menutup semua kilang 'makanan sampah' (*junk food*) atau memastikan mereka mengeluarkan produk makanan baru yang telah sihat dan bermanfaat terutama untuk kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama

dengan satu soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan ‘makanan sampah’ *junk food* iaitu pertanyaan daripada YB Dr. Lo’ Lo’ binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] bertarikh 16 Jun 2011 kerana pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 11, Akta Makanan 1983 hanya memperuntukkan kuasa kepada Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mengarahkan penutupan serta-merta tidak melebihi empat belas (14) hari mana-mana premis makanan yang tidak suci. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan tidak boleh sewenang-wenangnya mengarahkan penutupan mana-mana premis makanan, termasuk kilang makanan, atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan di bawah Seksyen 11 tersebut.

Pada tahun 2010, sejumlah 101,802 premis makanan telah diperiksa dan 4.3% (4,370) telah ditutup di bawah Seksyen 11 tersebut. 2.8% (2,879) daripada premis makanan yang diperiksa adalah kilang dan 3.2% (92) telah ditutup di bawah seksyen yang sama.

Di samping itu, di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyediakan atau menjual makanan yang mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan. Pada tahun 2010, seramai 492 orang pengusaha makanan telah dikenakan denda berjumlah RM727,260.00 kerana melanggar pelbagai peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumat berhubung sesuatu makanan yang disyaki mengandungi bahan yang memudaratkan

kesihatan hendaklah disalurkan melalui Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.mv>.

SOALAN NO. 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA PERTANYAAN

: JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
(PADANG BESAR)

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilakah Kementerian akan menilai semula jumlah bantuan bulanan kepada warga-warga tua yang daif, yang kini hanya mendapat RM120.00 sebulan, memandangkan kos hidup masa kini telah meningkat dengan ketara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua;

Sebagai agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan kepentingan kanak-kanak sentiasa terpelihara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin berhubung isu anak-anak terbiar dan terbuang.

Dalam hal ini, pihak JKM menyediakan Rumah Kanak-kanak (RKK) sebagai tempat perlindungan kepada kanak-kanak di bawah kategori ini. Pada masa ini, terdapat sebanyak 11 buah Rumah Kanak-kanak (RKK) di seluruh Malaysia termasuk sebuah RKK yang terletak di Kuching Sarawak.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN
LISAN**

DARIPADA : DATO' DR. HJ MOHD HAYATI BIN OTHMAN

[PENDANG]

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN NO.: 91

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berapa jumlah peruntukan kepada JPS Negeri Kedah mengikut daerah di dalam menaik taraf infrastruktur di dalam menghadapi banjir di negeri Kedah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) iaitu, bagi tahun 2011 dan 2012, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah telah diluluskan peruntukan berjumlah RM 68.0 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur bagi mengatasi masalah banjir. Pecahan peruntukan ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Peruntukan (RM)
1.	Kota Setar	RM 27.0 juta
2.	Kubang Pasu	RM 39.0 juta
3.	Langkawi	RM 2.0 juta
	JUMLAH	RM 68.0 juta

Sekian, terima kasih.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO* OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH

14.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah dan tindakan susulan yang diambil dalam mengguna pakai saranan-saranan yang dibawa oleh Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru yang diketuai bekas Ketua Pengarah Pelajaran pada 2010 yang lalu dan apakah pendekatan Kementerian dalam menangani isu-isu kebijakan guru yang dibangkitkan oleh Kesatuan-kesatuan Guru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menujuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) bertujuan untuk mengkaji bebanan tugas yang ditanggung oleh guru. Hasil kajian tersebut, JKMIBTG telah mengenai pasti 14 faktor yang menyebabkan guru-guru terbeban dan seterusnya telah mencadangkan 28 perakuan untuk menangani isu tersebut. Perakuan-perakuan yang dicadangkan melibatkan perancangan dan pelaksanaan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Kerja Pelaksana (JKPMIBTG) yang dianggotai oleh wakil Bahagian-bahagian di KPM juga telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi memastikan perakuan-perakuan tersebut dilaksanakan.

Antara perakuan yang telah diambil tindakan oleh KPM ialah mengeluarkan surat siaran bagi menjelas dan menegaskan bahawa pelaksanaan aktiviti di sekolah pada hari Sabtu hendaklah diadakan secara berjadual serta tidak melebihi dua kali sebulan. Selain itu, KPM turut menjalankan kajian eksperimental untuk melihat keberkesanan penambahan Pembantu Tadbir [PT (P/O)] di sekolah sebagai usaha mengurangkan beban tugas guru.

NO. AUM : 88

NO. AUP : * / %

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]
TARIKH	14 JUN 2011
RUJUKAN	3867

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang berada di negara ini setakat 1hb Mei 2011 serta sektor yang dibenarkan mereka bekerja.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut statistik dari Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 1 Mei 2011, terdapat 1,973,997 warganegara asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang aktif.

Warganegara asing hanya dibenarkan bekerja dalam enam (6) sektor iaitu Pembinaan, Pembuatan, Perkhidmatan, Perladangan, Pertanian yang merupakan sektor formal dan Pembantu Rumah Asing yang merupakan sektor *informal*.

94

DARIPADA :Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
[KUALA SELANGOR]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH :14/06/2011

NOSOALAN

SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] mint a **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan sebenar apakah yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri dengan penggunaan istilah subsidi sebagai 'candu-opium' yang rakyat telah 'ketagihan' yang seolah-olah ianya 'haram' dan berlawanan dengan konsep kebolehgunaannya ketika perlu dalam intervensi Polisi Fiskal-cukai dan subsidi (*Fiscal Policy*) sesebuah Kerajaan sebagai langkah pengimbangan atau '*stabilising measures*' bagi menentukan pendapatan dan perbelanjaan.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.7 bilion atau 14.6% daripada perbelanjaan mengurus bagi jumlah keseluruhan subsidi untuk tahun 2011. Pecahan terperinci perbelanjaan tahunan subsidi mulai tahun 1999 hingga 2011 adalah seperti berikut (s/'a *lihat Lampiran 1*).

Kenaikan harga komoditi utama dunia termasuk minyak mentah dan minyak sawit mempunyai kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berikutan ia merupakan antara komponen terbesar dalam perbelanjaan subsidi. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengapungkan secara

terkawal harga runcit petrol RON97 supaya ia selaras dengan harga minyak mentah di pasaran dunia. Selain itu, untuk mengekalkan harga runcit RON95, Kerajaan juga terpaksa menambah peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG sebanyak RM5.6 bilion daripada RM10.3 bilion kepada RM15.9 bilion bagi tahun 2011. Peruntukan bagi subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak juga ditambah sebanyak RM700 juta daripada RM928 juta kepada RM1.6 bilion bagi tahun 2011.

Pada bulan Mei 2011, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen yang dijangka memberi penjimatan sebanyak RM117 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta. Selain itu, pemansuhan diesel super subsidi bagi pengangkutan darat tertentu seperti penggerak utama (*prime mover*), kargo am dan teksi limosin serta nelayan laut dalam (zon C2) mulai 1 Jun 2011 dijangka menghasilkan penjimatan sebanyak RM712 juta.

Langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu dalam usaha untuk memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan serta meringankan beban fiskal Kerajaan. Subsidi ke atas barang dan perkhidmatan mendorong penggunaan secara berlebihan. Malahan, industri tidak mempunyai dorongan untuk menambah baik dan mempertingkatkan produktiviti memandangkan kos input diberi subsidi. Kesan subsidi yang tidak diingini telah menjurus kepada peruntukan sumber yang tidak optimal, memberi kesan ke atas kecekapan pasaran dan persaingan serta membataskan potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, apabila subsidi tidak menepati kumpulan sasaran, sejumlah besar dana awam tidak dapat disalurkan kepada program yang memberi faedah kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi.

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu golongan yang mudah terjejas bagi mengurangkan beban kenaikan harga barang. Antara langkah yang diambil termasuk:

Meneruskan pemberian subsidi bagi petrol RON 95, diesel dan LPG serta barang makanan seperti beras ST15%, gula dan

tepung gandum;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM200 juta telah diluluskan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga barang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barang yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barang atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barang keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

- Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230 juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barang, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara; Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015; Siling kelayakan untuk golongan kurang upaya dinaikkan daripada pendapatan RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan dan siling pendapatan untuk isi rumah miskin menerima bantuan dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjejaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

Lampiran I

Jumlah Perbelanjaan Sebenar Subsidi (RM juta)
1999-2011

Komponen	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 ⁸
Gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol	458	3,170	2,881	1,651	1,006	3,343	10,984	7,558	7,473	17,556	6,190	9,605	10,256
Bantuan pendidikan ¹	396	455	635	477	709	921	982	1,018	1,176	8,974	6,698	5,987	6,756
Bantuan kebajikan lain ²			7	9	11	12	14	12	15	37	1,605	2,376	1,879
Subsidi perbezaan kadar faedah dan elektrik		353	38	795		519	628	522	741	815	1,085	1,367	1,581
Padi, beras, gula dan tepung	519	546	566	531	580	635	626	841	709	1,266	2,138	1,927	1,572
Skim penstabilan harga minyak masak										438		828	928
Insentif ³										155	1,943	1,091	524
Lain-lain ⁴	29	300	426	214	374	366	153	161	212	4,137	1,538	493	331
Jumlah	1,402	4,824	4,553	3,677	2,680	5,796	13,387	10,112	10,481	35,16	20,345	23,107	23,704

¹ Daripada tahun 2008, biasiswa dan bantuan pelajaran diklasifikasikan di bawah subsidi.

² Termasuk bantuan kepada golongan miskin, warga emas, Orang Asli, orang kelainan upaya dan golongan mudah terjejas. ³ Insentif untuk membantu petani, nelayan dan penternak bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

⁴ Termasuk rebat tunai dan lain-lain.

⁸ Bajet 2011

No. Soalan: PR-
1242-L43437

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB	LISAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT	JAWAB LISAN
DARIPADA		YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING]
TARIKH		14 Jun 2011
SOALAN		Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengatasi masalah nelayan Malaysia yang ditarik oleh pihak berkuasa negara jiran hingga ke perairan negara mereka dan seterusnya ditahan atas dakwaan menceroboh perairan negara asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan Yang Berhormat Sri Gading secara serentak bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Setiu bertarikh 15 Jun 2011 kerana Pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya ueapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas persoalan yang dikemukakan.

3. Kes-kes tangkapan nelayan bukanlah merupakan perkara unik antara Malaysia dengan negara-negara jiran di sekelilingnya. Perkara ini juga sering terjadi di negara-negara berjiran dekat yang lain. Bagi memelihara hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha yang berterusan bagi memastikan kes-kes tangkapan nelayan ini dapat ditangani bersama secara lebih berkesan.

4. Demi mencari jalan penyelesaian yang harmonis dengan mengambil kira semangat kerjasama dan setiaikawan, pendekatan secara diplomasi], perundangan dan proses rundingan antara Malaysia dengan negara-negara jiran termasuk Indonesia, akan terus diambil.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan yang muiia ini, seramai 56 orang nelayan Malaysia telah ditahan di Indonesia dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan ini. Kebanyakan mereka ini telah disabitkan kesalahan menangkap ikan secara haram, dengan izin, *illegal fishing* di perairan Indonesia.
6. Kes-kes penangkapan dan penahanan nelayan Malaysia dan Indonesia telah dibincangkan di peringkat tertinggi kedua-dua negara. YAB Perdana Menteri dan Presiden Republik Indonesia telah bersetuju agar sekiranya terdapat nelayan yang berada di kawasan sempadan perairan bertindih kedua negara, langkah yang diambil hanyalah mengusir atau menahan sementara waktu nelayan berkenaan dan tiada tindakan undang-undang akan diambil. Perkara tersebut juga telah dipersetujui bersama antara Menteri Luar Negeri kedua-dua negara semasa Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala atau dengan izin, *Joint Commission for Bilateral Cooperation (JCBC) Malaysia- Indonesia* ke-9 dari ke-10.
7. Malaysia dan Indonesia masih meneruskan rundingan berhubung persempadanan maritim. Setakat ini, Mesyuarat Teknikal Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia telah diadakan sebanyak 19 kali, terakhir pada 26-27 April 2011 di Bali. Kes-kes tangkapan nelayan juga berlaku ekoran daripada tuntutan bertindih di persempadanan maritim antara kedua-dua negara.
8. Di samping itu, Malaysia dan Indonesia terus membincangkan mengenai penggubalan Tatacara Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure - SOP*) dan dengan izin, *Rules of Engagement (ROE)* yang boleh diguna pakai oleh agensi-agensi penguatkuasaan maritim kedua-dua negara. Perkara ini telah

dibincangkan di peringkat Menteri Luar Negeri semasa Mesyuarat JCBC Malaysia-Indonesia ke-9 dan ke-10. Perkara ini akan turut dibincangkan dengan lebih lanjut pada Mesyuarat JCBC ke-11 yang akan diadakan di Malaysia dalam masa terdekat.

9. Perwakilan-Perwakilan Malaysia di Indonesia terus memupuk hubungan dan kerjasama yang baik dengan Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut, Polisi Air Indonesia dan Kementerian Kelautan dan Perikanan Indonesia serta pihak berkuasa tempatan. Ini bagi memastikan kes-kes penangkapan yang melibatkan nelayan Malaysia di Indonesia dapat diselesaikan melalui cara yang baik.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA :Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

UELUTONG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :14/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG] mint a MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah tujuan sebenar di sebalik cadangan penggabungan antara Bank Muamalat dan Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB). Bagaimanakah dapat Kerajaan menangkis tanggapan umum bahawa ianya merupakan satu lagi tindakan menyelamatkan agensi Kerajaan dengan menggunakan dana awam.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN :!

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Untuk makluman Yang Berhormat, landskap kewangan Islam domestik dan global terus berkembang lantas mewujudkan cabaran dan peluang baru bagi sistem kewangan Islam dan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya. Keadaan ekonomi semasa telah mewujudkan persekitaran daya saing yang tinggi di mana peserta yang mempunyai kekuatan struktur dalaman dan mempunyai strategi dan fokus yang tinggi akan berjaya mengharungi cabaran ini.

2. Buat masa ini, pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk menjalankan penstrukturkan semula atau penggabungan bank-bank Islam di Malaysia. Pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia tidak mempengaruhi bank-bank Islam dalam membuat keputusan untuk penstrukturkan semula atau penggabungan. bank-bank Islam adalah tertakluk kepada keputusan ahli lembaga pengarah dan pemegang saham bank-bank Islam yang berkaitan bagi menghadapi persaingan

yang semakin mencabar dan merebut peluang yang ada.

3. Keputusan penstrukturkan semula atau penggabungan bertujuan untuk memberikan implikasi yang positif terhadap masa depan sektor perbankan Islam di Malaysia. Entiti hasil dari penggabungan bank-bank Islam ini akan mempunyai modal dan kedudukan kewangan yang lebih kukuh serta dapat melebarkan perniagaan di peringkat serantau dan global.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. TUAN TAN KOK WAI
	[CHERAS]
TARIKH	SELASA, 14 JUN 2011
RUJUKAN	03 [PR-1242-L44115]
SOALAN	

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bilangan kontraktor pembersihan yang gagal menunaikan tugas dengan sempurna, baik dalam kawasan perumahan awam dan di luar perumahan awam termasuk dikenakan NTC, denda, digantung atau dipecat dan apakah rancangan supaya pelantikan kontraktor adalah bebas dari pengaruh politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan kontraktor pembersihan adalah di bawah bidang kuasa Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak terlibat dalam pelantikan tersebut. Begitu juga dengan hal-hal berkaitan seperti denda, penggantungan mahupun pemecatan kontraktor.

SOALAN NO: 97

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar (BKPB), DBKL sememangnya mengeluarkan 'Notice To Correct' (notis pembetulan) kepada Alam Flora Sdn. Bhd. sebagai kaedah mengawal selia perkhidmatan syarikat konsesi tersebut. Setiap 'Notice To Correct' yang dikeluarkan akan dikenakan pemotongan kewangan sebanyak 15% daripada nilai notis yang dikenakan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 10,403 'Notice To Correct' telah dikeluarkan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. Jumlah ini meningkat kepada 28,578 'Notice To Correct' pada tahun 2010.

Dalam masa yang sama, sebanyak RM1,096,943.69 pemotongan dikenakan pada tahun 2009 dan jumlah ini meningkat kepada RM1,715,030.31 pada tahun berikutnya (2010).

Pelantikan kontraktor di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah sentiasa memberi keutamaan dalam mencapai matlamat untuk mendapatkan '*Nilai Faedah Yang Terbaik*' (*Best Value For Money*) dengan mengambil kira tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan dan spesifikasi serta selaras dengan peraturan kewangan dan perolehan Kerajaan semasa.

NO. AUM : 94
NO. AUP : 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]
TARIKH 14 JUN 2011
RUJUKAN 3666

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan negara kita sering dimasuki oleh warga asing dari pelbagai negara di Asia oleh yang demikian, mohon dimaklumkan jumlah kemasukan warga China ke negara kita dari tahun 2009 hingga 2011 dan apakah pekerjaan mereka di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengalu-alukan kedatangan warganegara asing berkunjung ke negara ini, asalkan mereka tidak tergolong sebagai imigran larangan (*prohibited immigrant*) atau PAT I. Ini adalah selaras dengan dasar pelancongan negara dan dasar menjadikan negara hub pendidikan serantau. Berdasarkan kepada dasar Perjanjian Visa antara Malaysia dengan negara China, warganegara China dibenarkan masuk ke Malaysia untuk tujuan pelancongan, bekerja dan belajar di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 hingga 7 Jun 2011, Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan kemasukan warganegara China seramai 2.63 juta orang. Negara China bukan merupakan negara sumber bagi pengambilan pekerja asing, dengan demikian kebanyakan warganegara berkenaan lebih tertumpu kepada pekerjaan sebagai Pegawai Dagang. Sehingga April 2011, terdapat seramai 3,627 warganegara China memegang Pas Pengajian untuk bekerja sebagai Pegawai Dagang, dengan seramai 1,313 orang bekerja dalam sektor perkhidmatan.

NO SOALAN 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI [SILAM]

: LISAN

PERTANYAAN : 14/06/2011

TARIKH

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah strategi yang bakal digunakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam perancangan pelaburan di dalam sektor hartanah di Australia dan Singapura.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP telah mendapat mandat sebanyak USD3 bilion dari Kerajaan untuk melabur dalam sektor pelaburan hartanah di luar negara. Secara amnya tujuan pelaburan ini adalah untuk mempelbagaikan pelaburan hartanah KWSP. Pada masa yang sama KWSP juga telah mendapat mandat daripada Kerajaan untuk meningkatkan alokasi aset pelaburan di luar negara dari 10% ke 20% daripada jumlah keseluruhan aset KWSP. Oleh kerana peluang pelaburan hartanah dalam Malaysia adalah terhad dan KWSP terpaksa bersaing dengan pelabur-pelabur hartanah lain di dalam pasaran domestik, KWSP telah mengambil langkah utama untuk memulakan pelaburan hartanah di luar negara.

2. Pulangan dan pergerakan nilai modal bagi hartanah adalah berbeza di pasaran tempatan. Dengan itu, pelaburan hartanah di luar negara dapat mengurangkan risiko pelaburan hartanah KWSP yang kini 100% bergantung

kepada pasaran Malaysia.

3. Strategi yang akan digunakan oleh KWSP dalam pelaburan ke luar negara adalah melalui pelaburan secara terus, pelaburan secara usahasama serta pelaburan melalui dana. KWSP bercadang untuk melabur melalui pelaburan dana dan juga pelaburan secara usahasama dalam pelaburan hartanah di Australia dan juga Singapura. Pelaburan hartanah ini adalah disasarkan ke dalam segmen komersial termasuk ruang pejabat, industri, kompleks beli-belah dan gudang. Buat masa ini, pelaburan hartanah KWSP di luar negara adalah tertumpu kepada pelaburan di dalam segmen ruang pejabat

4. KWSP menjangkakan Pelaburan Hartanah di luar negara dapat memberi pulangan yang setimpal dengan lain-lain kelas aset pelaburan. KWSP menjalankan kajian yang terperinci bersama-sama penasihat-penasihat pelaburan ke atas pulangan pelaburan hartanah di luar negara dan menjangkakan pelaburan tersebut dapat memberikan pulangan konsisten minimum sebanyak 5% selepas cukai dan pulangan keseluruhan pelaburan boleh menjana IRR sekitar 10%.

SOALAN NO.: **10C**

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO ¹ KAMARUDIN BIN JAFFAR
KAWASAN	TUMPAT
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan setakat manakah Projek jambatan Sultan Yahya Kedua yang menyambungkan Tumpat - Kota Bharu akan siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan pada 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Walau bagaimanapun, berikutan dari masalah-masalah di luar kawalan pihak kontraktor, projek ini terpaksa diberikan 3 kali kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2011.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 31 Mei 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 75.1% berbanding 85.5% mengikut jadual, atau bersamaan kelewatan selama 54 hari. Sehubungan itu, pada masa kini JKR sedang dalam proses untuk menimbangkan permohonan EOT kali ke-4 dan Perjanjian Kontrak Tambahan dari pihak kontraktor untuk tempoh selama 12 bulan lagi. Ini berikutan dari cadangan penjadualan semula kerja disebabkan oleh faktor-faktor teknikal projek. Oleh itu berdasarkan kepada kemajuan semasa di tapak, Projek Membina Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu ini dijangka akan mengalami kelewatan untuk disiapkan, iaitu pada 9 Ogos 2012 berbanding jadual asal yang telah dipinda (9 Ogos 2011).

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 99

NO. AUP : 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATUK DR
TARIKH	TEKHEE [MAS
RUJUKAN	GADING]
	14 JUN 2011 3667

SOALAN :

DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (Mas Gading) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah/tindakan Kementerian untuk memperbaiki pengurusan, “*facility*” dan sumber kewangan untuk pasukan RELA amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah dalam memperbaiki pengurusan, “*facility*” dan sumber kewangan untuk pasukan RELA. Usaha-usaha ke arah tersebut antara lain ialah memperkemaskan pengurusan pasukan RELA adalah melalui kombinasi pegawai-pegawai terdiri daripada bekas-bekas tentera dengan pegawai-pegawai lantikan tetap di Pejabat RELA Negeri dan Pejabat RELA Daerah. Selain itu, pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan RELA sedang berusaha untuk menjadikan RELA sebagai sebuah Jabatan Persekutuan bagi memantapkan lagi aspek-aspek pengurusan RELA sesuai dengan tanggungjawab semasa.

Dari segi “*facility*”, RELA mempunyai pejabat di seluruh negeri dan daerah untuk memastikan perjalanan pentadbiran dan operasi berjalan lancar. Selain itu, RELA juga mempunyai empat (4) Pusat Latihan RELA Wilayah iaitu Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan, Pusat Latihan RELA Wilayah Timur, Pusat Latihan RELA Wilayah Utara dan Pusat Latihan RELA Wilayah Sabah untuk memastikan anggota RELA yang terlatih, berdisiplin dan berkualiti. Keperluan logistik seperti kenderaan, pakaian seragam dan

keperluan peralatan sememangnya menjadi aspek yang diberi keutamaan oleh Kementerian dan Kerajaan.

Dari segi sumber kewangan pula, peruntukan kewangan sememangnya menjadi satu perkara yang amat di titikberat oleh Kerajaan bagi memastikan segala aktiviti RELA menjadi lebih baik dan berkesan. Peningkatan peruntukan kewangan dari tahun ke tahun amatlah ketara, misalnya pada tahun 2006 hanya RM8.9 juta berbanding RM47.1 juta pada tahun 2007. Peruntukan tersebut terus meningkat pada tahun 2008 iaitu RM67.7 juta. Ia menurun kepada RM59.1 juta pada tahun 2009 tetapi meningkat pula pada tahun 2010 kepada RM67.0 juta.

NO. SOALAN : 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH 14.06.2011 (SELASA)
TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan berapa jumlah penerbitan berunsurkan kepenggunaan seperti
majalah dan jurnal diterbitkan oleh Kementerian dan apakah Kementerian
mempunyai dana khas dalam membantu usaha penerbitan seperti majalah
yang berteraskan konsumen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dalam menyalurkan maklumat terkini kepada masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan kepenggunaan. Kementerian mengambil inisiatif untuk menyediakan dan menerbitkan bahan-bahan pendidikan pengguna dalam memastikan semua lapisan masyarakat sedar akan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Pada tahun 2010, sebanyak 526, 500 bahan pendidikan kepenggunaan telah diterbitkan yang menggunakan peruntukan sebanyak RM 269, 500.00. Jenis penerbitan adalah termasuk poster, majalah, buku aktiviti kanak-kanak dan sebagainya yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Bagi tujuan ini, Kementerian tidak mempunyai dana khas tetapi menggunakan peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus setiap tahun.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARIT]

TARIKH 14 JUN 2011(SELASA)

SOALAN :

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah pemahaman rakyat terhadap Perkara 3 di bawah Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan apakah langkah Kerajaan bagi mematahkan dakyah jahat yang cuba memutarbelitkan isu agama tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa agama Islam sememangnya telah diberikan kedudukan yang tertinggi berbanding agama-agama lain berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Pandangan tersebut adalah berasaskan kepada tafsiran yang dibuat oleh para hakim dalam Mahkamah Persekutuan yang merupakan mahkamah tertinggi negara. Sebagai contoh, dalam kes Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585, Y.A.A. Ketua Hakim Negara ketika itu telah memetik kata-kata Y.A. Abdul Hamid bin Mohamad (Hakim Mahkamah Rayuan pada masa tersebut) dalam kes Kamariah bte Ali dan lain-lain v. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi [2002] 3 MLJ 657, antara lain, seperti yang berikut:

“...Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan aaama-aaama lain. Pertama, hanva Islam, sebagai satu agama yang disebut dengan namanva dalam Perlembagaan Persekutuan. iaitu sebagai 'agama bagi Persekutuan' ('the religion of the Federation¹) - Perkara 3(1).”.

Justeru, apabila agama Islam telah ditafsirkan dengan cara yang sedemikian, menjadi tanggungjawab rakyat negara ini untuk memahami keistimewaan-keistimewaan yang telah diberikan kepada agama Islam dan bersama-sama dalam mempertahankan kedudukannya dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan bahawa sekiranya rakyat memberikan sokongan padu terhadap usaha mentransformasikan sistem perundangan Islam di negara ini, ia

mencerminkan bahawa rakyat telah semakin memahami bahawa agama Islam adalah satu-satunya agama yang diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan dan sewajarnya diberikan kelebihan-kelebihan tertentu. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani dakyah yang mengeksplotasi isu-isu agama adalah seperti berikut:

- i. Mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang isu-isu semasa agama dengan kerjasama jabatan-jabatan agama negeri serta badan-badan pertubuhan bukan kerajaan.
- ii. Melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur eksplotasi agama
- iii. Menjalankan kajian terhadap isu-isu baru yang boleh menimbulkan kekeliruan masyarakat terhadap Islam.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA :Y.B. PUAN TEO NIE CHING

[SERDANG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :14/06/2011

SOALAN

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan punca kebocoran paip Perhentian Bas Puduraya walaupun baru sahaja Puduraya kembali dibuka tidak sampai sebulan dengan kos pengubahsuaian sebanyak RM52 juta, kos untuk kerja pembaikpulihan dan pihak yang menanggung kos pembaikpulihan.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, UDA telah menjalankan ujian terhadap 176 paip *sprinkler* bomba di Perhentian Bas Puduraya untuk memastikan sama ada paip-paip berkenaan berfungsi dengan baik atau sebaliknya. Semasa ujian dijalankan, satu (1) kepala *sprinkler* telah tercabut mengakibatkan air melimpah keluar, namun masalah ini dapat diatasi dalam masa 10 minit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak kontraktor akan bertanggungjawab ke atas segala kerosakan yang berlaku dalam tempoh *defect liability* dan pihak UDA akan terus melaksanakan ujian-ujian dari semasa ke semasa bagi memastikan segala peralatan berfungsi dengan baik.

NO.AUM : 103

NO. AUP : I OS

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 14 JUN 2011

RUJUKAN 3668

NO SOALAN :Ip2>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah Kerajaan hanya memberi surat amaran kepada Utusan Malaysia yang menyiarkan laporan palsu tentang penubuhan negara Kristian, manakala tindakan yang jauh lebih berat terhadap akhbar Bahasa Cina yang membuat kesilapan kecil yang tidak sengaja. Kenapakah Kementerian tidak menyiasat mengambil tindakan undang-undang terhadap Perkasa yang mengumumkan Jihad terhadap penganut Kristian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan soalan.

Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar Utusan Malaysia pada 12 Mei 2011 kerana menyiaran berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011.

Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.
Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa menjalankan tugas secara adil tanpa memihak kepada sesiapa. Surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada China Press adalah disebabkan akhbar tersebut telah menyiaran berita yang tidak benar mengenai perletakan jawatan Ketua Polis Negara dan

N0:106

tindakan yang diambil adalah berasaskan kepada Akta Mesin Cetak dan
Penerbitan 1984.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]

TARIKH 14 Jun 2011 (Selasa)

SOALAN 106

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan

- (a) jumlah penerbangan MAS yang tergendala akibat masalah teknikal serta kekerapan setiap hari; dan
- (b) berapakah bilangan pesawat MAS yang berumur lebih daripada 20 tahun serta bilakah ianya akan dihentikan perkhidmatannya dan berapakah bilangan pesawat MAS yang baru serta kosnya.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Putatan, berdasarkan rekod yang diperolehi, pada tahun 2010, jumlah pelepasan MAS bagi tahun 2010 adalah sebanyak 78,503. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,532 (4.5%) penerbangan MAS yang tergendala akibat masalah teknikal. Manakala kekerapan kelewatan akibat daripada masalah teknikal MAS setiap hari secara puratanya adalah sebanyak 9 penerbangan.

Mengenai bilangan pesawat MAS yang berumur lebih daripada 20 tahun, adalah dimaklumkan bahawa MAS hanya mempunyai sebuah pesawat (B737-400) yang berusia lebih daripada 20 tahun. Pesawat tersebut akan ditamatkan perkhidmatannya pada bulan Mac 2012. Namun demikian, umur sesebuah pesawat bukanlah merupakan faktor yang menentukan keselamatan penerbangan. Apa yang penting adalah penyelenggaraan dan penjagaan yang menentukan sama ada sesebuah pesawat tersebut adalah *airworthy* dan selamat.

Berhubung dengan bilangan pesawat yang baru serta kos keseluruhan, adalah dimaklumkan bahawa jumlah pesawat yang dibeli oleh MAS adalah sebanyak 56 buah pesawat dengan kos keseluruhan berjumlah USD 8.12 billion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA]
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah pembiayaan atau pampasan yang bakal dikenakan ke atas mana-mana pengambilalihan atau penamatan konsesi projek seperti lebuh raya atau sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek lebuh raya yang dilaksanakan secara penswastaan dibiayai oleh syarikat konsesi dan Kerajaan hanya membernarkan syarikat konsesi mengutip tol untuk tempoh konsesi tertentu. Setelah

tamat tempoh konsesi, lebuh raya tersebut akan dipindahkan kepada Kerajaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pihak syarikat.

NO. AUM : 106 NO.

AUP : 108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH 14 JUN 2011

RUJUKAN 3923

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang telah dan sedang diambil Kerajaan bagi membanteras sindiket melibatkan komplot antara bengkel membaiki kereta serta syarikat lori tunda yang merancang berlakunya kemalangan jalanraya untuk keuntungan operasi perniagaan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rembau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sehingga kini pihak Polis Diraja Malaysaia (PDRM) tiada menerima aduan atau laporan rasmi berhubung sindiket yang melibatkan komplot antara bengkel membaiki kereta dan syarikat lori tunda yang dikatakan merancang berlakunya kemalangan jalanraya untuk keuntungan operasi perniagaan mereka.

Oleh yang demikian, Kerajaan kini sedang berusaha untuk membuat penambahbaikan dalam kelengkapan logistik di Cawangan Trafik PDRM di kesemua seratus lima puluh satu (151) buah Ibupejabat Polis Daerah (IPD) yang sedia ada sekarang melalui permohonan belanjawan Rancangan Malaysia ke - 10 (RMK-10).

Tuan Yang di-Pertua,

Pembelian sebanyak dua puluh empat (24) buah trak tunda pada tahun 2010 telah pun selesai diagihkan bagi menggantikan atau sebagai tambahan kepada tiga puluh lapan (38) buah trak tunda yang telah sedia ada sekarang. Kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalanraya adalah merupakan barang kes atau eksibit yang perlu ditunda

atau dibawa ke IPD untuk siasatan dan mendapatkan laporan pemeriksaan Jabatan / Agensi Kerajaan. Dengan mengambil kira purata pertambahan lebih kurang sejuta kenderaan baru setiap tahun kepada lebih dua puluh (20) juta yang ada sekarang ini, adalah dipercayai jumlah kemalangan akan meningkat dan keperluan tambahan trak tunda ini sememangnya diperlukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	YB. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)
TARIKH	14.06.2011 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sebab peningkatan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang besar dalam bajet 2011 berbanding dengan 2010, dan senaraikan jenis projek dan peruntukan yang akan dilancarkan pada 2011.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Belanja Pembangunan yang diluluskan kepada Kementerian Pertahanan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM3.29 bilion berbanding peruntukan tahun 2010 sebanyak RM 2.04 bilion. Perbezaan yang ketara ini adalah disebabkan tahun 2010 merupakan tahun terakhir dalam RMKe-9. Oleh yang demikian, peruntukan yang disediakan adalah lebih rendah kerana ia bergantung kepada baki siling RMKe-9.

Peruntukan tahun 2011 adalah lebih tinggi kerana tahun 2011 merupakan tahun

NO SOALAN : 109

pertama dalam RMKe-10. Memandangkan RMKe-10 bermula pada tahun 2011, sudah pasti peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk membiayai projek-projek sambungan sedia ada disamping projek-projek baru yang akan dilancarkan dan dilaksanakan dalam RMKe-10.

Projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2011 adalah terdiri daripada projek-projek pembinaan dan projek kelengkapan untuk meningkatkan keupayaan prasarana kem-kem tentera dan penggantian serta permodenan aset- aset ketenteraan bagi menjamin kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Belanja Mengurus yang diluluskan kepada Kementerian Pertahanan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM10.5 bilion berbanding peruntukan tahun 2010 sebanyak RM9.1 bilion.

Secara prinsipnya, peruntukan Kementerian yang diterima pada tahun 2011 sebanyak RM10.5 bilion tidak sesuai dibuat perbandingan dengan peruntukan yang diterima pada tahun 2010. Sepertimana semua sedia maklum, lanjutan daripada krisis ekonomi global yang melanda pada tahun 2009, Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 2010 kepada RM191.5 bilion, iaitu pengurangan sebanyak 11.2% berbanding peruntukan disemak sebanyak RM215.7 bilion bagi tahun 2009.

Oleh yang demikian, adalah tidak realistik sekiranya peruntukan tahun 2011 yang diterima oleh mana-mana Kementerian sekalipun dibuat perbandingan dengan peruntukan tahun 2010 kerana polisi Kerajaan pada masa itu adalah untuk

mengurangkan jumlah perbelanjaan negara.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa pengurangan peruntukan pada tahun 2010 tidak menjaskankan operasi/aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan atau kedaulatan negara. Ini adalah kerana Kementerian telah mengeluarkan arahan untuk mengamalkan pengurusan kewangan secara berdisiplin dan berhemah serta membuat penyusunan semula Rancangan Perbelanjaan (RP) berdasarkan keutamaan dan keperluan sebenar. Perbelanjaan hendaklah dibuat secara berhemah, teliti, cekap, berkesan dan memberi pulangan *value for money* kepada Kementerian

Di samping itu, keperluan bagi menghadiri latihan/kursus juga telah dikaji semula dan diberi keutamaan hanya bagi kursus untuk meningkatkan tahap professionalism atau kepakaran (*skill*) anggota ATM.

Namun, peningkatan peruntukan Belanja Mengurus yang diterima Kementerian pada tahun 2011 adalah amat diperlukan. Ini kerana di samping melaksanakan perbelanjaan bagi pengurusan Kementerian, Kementerian juga perlu melaksanakan senggaran berjadual dan perkhidmatan dokongan bagi pelbagai aset strategik ketenteraan baru yang diterima antara tahun 2009 dan tahun 2010.

SOALAN NO: 110

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Datuk Sapawi bin Haji Ahmd [Sipitang]
TARIKH	14 Jun 2011 (Selasa)
SOALAN	Datuk Sapawi bin Haji Ahmd [Sipitang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapa banyak depot (Pusat Edaran) FAMA yang dibina di seluruh negara dan berapa jumlah pendapatan FAMA melalui program tersebut.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mei 2011, FAMA mempunyai sebanyak 45 buah pusat pengedaran di seluruh negara. Jumlah jualan hasil pertanian yang telah dibuat melalui pusat pengedaran FAMA ini untuk tempoh 2009 hingga 2011 adalah sebanyak RM197 juta.

Pusat pengedaran ini merupakan kemudahan infrastruktur pemasaran dan kebanyakannya terletak di kawasan bandar yang mempunyai jaringan pengangkutan yang baik untuk memudahkan proses pengangkutan produk

SOALAN NO: 110

pertanian dari pusat pengumpulan (*collection centre*) untuk diedarkan. Ia berperanan sebagai pusat penerimaan dan pengedaran bekalan kepada pelanggan-pelanggan institusi seperti *hypermarket*, pemborong dan sebagainya.

NO. AUM : 110

NO. AUP : Hi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH 14 JUN 2011
RUJUKAN 3669

SOALAN:

Dato' Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Mengapakah tiada sebarang rujukan atau konsultansi dibuat dengan NGO-NGO Islam dan Melayu sebelum 10 "Formula Idris Jala" berkaitan Bible versi Bahasa Indonesia diputus dan dilaksanakan; dan
- (b) Apakah langkah sedang/akan diambil untuk memperbetulkan kesilapan segelintir pihak yang menyalahgunakan nama Allah sebagai ganti nama Tuhan dalam bentuk triniti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan soalan.

Kerajaan berpandangan bahawa isu yang ditimbulkan adalah melibatkan kepentingan penganut agama Kristian dan Bible yang digunakan sebagai panduan penganut agama berkenaan. Dalam konteks ini, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap rakyat, Kerajaan telah mewujudkan *10 Point Solution* untuk memudahkan penganut Kristian mendapatkan kitab tersebut bagi membolehkan mereka mengamalkan ajaran agama tanpa disekat sepetimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Langkah ini dapat mengurangkan keresahan penganut Kristian yang majoritinya berada di Sabah dan Sarawak.

NO. SOALAN : 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
	[SUNGAI SIPUT]
TARIKH	14 JUN 2011
SOALAN	

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pekerja (tukang kebun) yang menjaga halaman hospital di setiap hospital Kerajaan di Negeri Perak dengan memberi pecahan gaji dan sama ada caruman KWSP dibayar untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhomat, penjagaan kebersihan di 15 buah hospital di seluruh negeri Perak diswastakan kepada Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. Sehubungan dengan itu, gaji dan bayaran KWSP pekerja diurus terus dan dibayar oleh pihak syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan kebersihan yang diberikan oleh syarikat tersebut adalah meliputi penjagaan seluruh kawasan hospital seperti wad, ruang pejabat, tandas dan kawasan persekitaran hospital.

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ONG KA CHUAN
	[TANJONG MALIM]

Soalan No. 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH 14 JUN2011 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan Netbook 1 Malaysia yang telah diagihkan setakat ini mengikut negeri. Adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan usaha ini sebagai satu langkah bagi merapat jurang digital di kalangan rakyat Malaysia.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengagihan Komputer 1 Malaysia dilaksanakan secara berperingkat dalam tiga (3) Fasa. Bagi Fasa 1 dan 2, sebanyak 472,900 unit komputer diperuntukkan dan setakat 31 Mei 2011 sebanyak 253,056 unit komputer telah diagihkan kepada pelajar dan penduduk pinggir dan luar bandar. Sebanyak 527,100 unit Komputer 1 Malaysia lagi diperuntukkan di bawah Fasa 3 yang sedang dalam proses penilaian tender.

Pelaksanaan projek Komputer 1 Malaysia telah membantu dalam peningkatan kadar penembusan isi rumah jalur lebar negara yang telah meningkat melebihi 58% serta meningkatkan pemilikan dan penggunaan komputer bagi penduduk pinggir dan luar bandar.

Selain itu, pemberian Komputer 1 Malaysia yang lengkap dengan program pengisian dan penganjuran latihan penggunaan di PJK turut

Soalan No. 113

JAWAPAN:

membantu meningkatkan literasi ICT dan memudahkan penerima menggunakan komputer dengan berkesan sekaligus merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar.

Pengagihan Komputer 1 Malaysia dilaksanakan secara berperingkat dalam tiga (3) Fasa. Bagi Fasa 1 dan 2, setakat 31 Mei 2011 sebanyak 253,056 unit komputer telah diagihkan. Program ini akan diteruskan sehingga Fasa 3 dengan peruntukan sebanyak 527,100 unit Komputer 1 Malaysia.

Soalan No. 113

Peruntukan dan pengagihan mengikut negeri bagi ketiga-tiga Fasa adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Peruntukan dan pengagihan Komputer 1 Malaysia mengikut negeri. **No. SOALAN: 115**

No.	Negeri	Peruntukan			Jumlah Peruntukan	Pengagihan			Jumlah Pengagihan
		Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3		Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	
1	Sarawak	14,500	60,268	107,400	182,168	14,500	9,348	0	23,848
2	Sabah	10,000	49,832	112,800	172,632	10,000	18,395	0	28,395
3	Johor	22,500	49,585	61,100	133,185	20,500	24,466	0	44,966
4	Melaka	6,500	9,077	18,200	33,777	6,500	2,644	0	9,144
5	Negeri Sembilan	8,000	16,494	13,800	38,294	8,000	1,084	0	9,084
6	Perak	7,500	51,534	43,300	102,334	7,000	22,338	0	29,338
7	Perlis	1,500	9,781	4,000	15,281	1,500	9,471	0	10,971
8	Terengganu	8,500	16,282	29,000	53,782	8,500	7,740	0	16,240
9	Kelantan	10,000	19,102	12,000	41,102	10,000	13,159	0	23,159
10	Pahang	18,500	7,627	52,500	78,627	18,500	0	0	18,500
11	Pulau Pinang	0	10,700	11,200	21,900	0	8,127	0	8,127
12	Kedah	10,000	37,920	17,300	65,220	10,000	15,284	0	25,284
13	Selangor	6,000	11,198	34,500	51,698	6,000	0	0	6,000
14	Wilayah Persekutuan	0	0	10,000	10,000	0	0	0	0
15	JUMLAH	123,500	349,400	527,100	1,000,000	121,000	132,056	0	253,056

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALLIB (MARAN)
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)
SOALAN	Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALLIB minta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa matlamat 1 MALAYSIA adalah untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan di dalam kepelbagaian bangsa di Malaysia. Di dalam situasi semasa, adakah pihak Kementerian melihat usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk menggagalkan matlamat ini bagi tujuan peribadi atau tujuan politik sempit mereka . Apakah usaha pihak Kementerian agar 1 Malaysia ini terus relevan dan tindakan Kementerian dalam menangani usaha pihak tertentu yang cuba menggagalkan usaha murni pihak Kerajaan ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Sejak awal 2009, apabila YAB Dato' Sri Najib Tun Razak dilantik sebagai Perdana Menteri, pelbagai pendektan dan usaha telah dan sedang dilakukan untuk memajukan Gagasan 1 Malaysia dengan komitmen "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Nilai-nilai penerimaan (*acceptance*) dan keterangkuman (*inclusiveness*) merupakan nilai-nilai yang perlu dihayati dan diserapkan dalam pemikiran dan kehidupan seharian di kalangan masyarakat. Penyebaran konsep dan semangat gagasan 1 Malaysia telah dilaksanakan melalui media massa oleh kerajaan dan sektor swasta sebagai satu bentuk pendidikan bukan formal secara besar-besaran yang telah mendapat sambutan yang semakin meningkat.

Harus ditegaskan bahawa konsep keterangkuman dan kesederhanaan bukanlah dasar baru, ia telah lama ditekankan melalui nilai-nilai yang terkandung dalam prinsip pertama dan kelima Rukun Negara, iaitu "Kepercayaan Kepada Tuhan" dan "Kesopanan dan Kesusahaaman". Selain daripada dilafazkan semasa perhimpunan sekolah dan majlis-majlis lain, prinsip-prinsip Rukun Negara telah dan sedang dididik, dibincang dan dihayati melalui 3653 buah Kelab-kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta Sekretariat Rukun Negara (SRN) di 17 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 27 buah Institut Pengajian Guru (IPG), 15 buah kolej matrikulasi, 27 buah politeknik dan 40 buah kolej komuniti yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Di samping KRN dan SRN, JPNIN telah menjalankan beberapa program dan aktiviti ke arah memelihara, mengekal dan memperkuatkkan perpaduan negara melalui institusi atau mekanisme sosial yang sedia ada, seperti Jawarankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Jawatankuasa Mempromosikan

Persefahaman Antara Agama (JKMPA). Mulai tahun 2009, JPNIN telah memberi latihan kepada pemimpin KRT untuk menjadi mediator komuniti supaya mengurus dan menyelaraskan sengketa yang berlaku. JPNIN juga sering bekerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memupuk persefahaman dan mencapai matlamat Gagasan 1 Malaysia.

Selain dari itu, pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain turut memainkan peranan masing-masing bagi mencapai matlamat 1 Malaysia, antaranya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementeriana Kesejahteraan Bandar dan Wilayah, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) di bawah Kementerian Pertahanan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, dalam mana-mana masyarakat yang demokratik, terdapat segelintir pemimpin dan individu yang mempunyai pandangan yang berbeza dan mempertikaikan pandangan dan pendirian yang berasas. Begitu juga di Malaysia, di mana memang wujudnya mereka yang menentang dan cuba menggagalkan gagasan 1 Malaysia, kerana agenda politik mereka. Akan tetapi, wujudnya pandangan di antaranya yang bersifat melampau, tidak menafikan kesahihan gagasan 1 Malaysia dan konsep kesederhanaan ini, bahkan mendesak betapa perlunya ianya dipromosikan dengan lebih gigih lagi. Cara yang sesuai ialah untuk meyakinkan majoriti yang benar menerima kesederhanaan dan menolak ekstrimisme. Akan tetapi, jika masih terdapat tindakan mana-mana pihak yang dijangka akan mengancam keamanan dan ketenteraman, maka tindakan undang-undang tetap akan diambil ke atas mereka.

Kerajaan yakin dan percaya, sekiranya semua pihak bekerjasama dan turut mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan dan melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara perpaduan, maka keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai. Di sini, semua pemimpin politik dan masyarakat harus turut memainkan peranan mereka.

NO. AUP : U&

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH 14 JUN 2011

NO. AUM : 115

RUJUKAN 3670

SOALAN:

Dr. Hlew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa orang Semenanjung yang telah tinggal dan bekerja di Sabah selama lebih dari 30 tahun masih tidak dapat memperbaharui pas pekerja mereka, tetapi masih memperbaharui setiap tahun.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Imigresen 1959/63 mempunyai peruntukan-peruntukan khas iaitu Bahagian VII bagi Negeri Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Antara peruntukan-peruntukan khas tersebut adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan mengenai kuasa-kuasa am Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi arahan kepada Pengarah Imigresen Negeri berkenaan bagi mengawal pergerakan seseorang individu untuk masuk dan berada di sesebuah Negeri Malaysia Timur;
- ii. Seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan mengenai sekatan ke atas[^] hak seseorang- warganegara Malaysia untuk masuk ke sebuah Negeri Malaysia Timur;
- iii. Seksyen 67 Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan mengenai hak untuk masuk ke Negeri Malaysia Timur bagi menjalankan hak-hak politik; dan
- iv. Seksyen 68 Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan mengenai hak untuk masuk ke Negeri Malaysia Timur bagi maksud-maksud Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 dan tertakluk kepada Seksyen 67 serta 68, seseorang warganegara Malaysia tidak berhak memasuki Negeri Malaysia Timur tanpa mendapatkan suatu Permit atau Pas melainkan:

- a) Beliau berasal dari negeri Malaysia Timur berkenaan;
- b) Beliau anggota Kerajaan Persekutuan, atau Majlis Mesyuarat Negeri atau Dewan Undangan bagi negeri Malaysia Timur;
- c) Beliau seorang Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi di Borneo atau seorang yang ditetapkan atau dilantik untuk bertindak sedemikian, atau ia adalah anggota mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau oleh Perlembagaan Negeri Malaysia Timur; atau
- d) Beliau adalah anggota mana-mana perkhidmatan awam Persekutuan atau perkhidmatan awam Negeri Malaysia Barat, atau perkhidmatan awam bersama yang memberi khidmat kepada Negeri Malaysia Timur, atau dipinjamkan kepada perkhidmatan tersebut.

Dengan demikian adalah lebih sesuai Ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan ini kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan.

NO. AUP : 111-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO* NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 14 JUN 2011

RUJUKAN : 3671

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada benar Kementerian hanya membeli anjing-anjing pasukan keselamatan melalui Amnaco Sdn Bhd dan tidak terbuka kepada pembekal-pembekal yang lain. Berikan harga anjing-anjing yang dibeli.

JAWAPAN.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah tidak benar Kementerian hanya membeli anjing-anjing untuk pasukan keselamatan melalui syarikat Amnaco Sdn Bhd sahaja. Kementerian juga ada membeli anjing untuk PDRM daripada pembekal lain melalui proses tender terhad. Anjing-anjing berkenaan berharga di antara RM 32,000.00 hingga RM 34,000.00 seekor bergantung kepada jenis anjing yang dibeli.

SOALAN 118

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN

**DEWAN PERYAT LISA
DARIPADA TAN N
YA AN**

Y.B. TUAN JOHN A/L

TARIKH FERNANDEZ [SEREMBAN]

14 JUN 2010

SOALAN

Meminta MENTERI PEI ANCONGAN

menyatakan:

Apakah usaha yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mempromosikan Negeri Sembilan sebagai salah satu tempat

JAWAPAN

pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Seremban, Kementerian Pelancongan, melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti promosi bagi meningkatkan kedatangan pelancong ke destinasi-destinasi dalam negara, termasuk Negeri Sembilan.

Diantara langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing ke Negeri Sembilan adalah seperti yang berikut:

1. Penyertaan dalam pameran tempatan seperti Misi Jualan Domestik (MJD) seperti Cuti Cuti 1 Malaysia Travel Fair, MATTA Travel Fair dan pameran di luar negara seperti International Tourismo Bourse (ITB), Berlin, World Travel Mart, London dan National Association of Travel Agents Singapore (NATAS) di Singapura;

2. Menganjurkan program Media *Familiarization Trip* dengan menjemput pengusaha pelancongan tempatan dan media asing dalam mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang menarik serta mendedahkan kepada keunikan adat resam Minangkabau;
3. Menggalakkan penduduk tempatan menyertai program ‘Homestay’. Setakat ini peserta-peserta Homestay Homestay Pachitan, Pelegong dan Lonek juga telah menyertai Misi Jualan Domestik, MATTA Travel Fair, Brunei Travel Fair dan NATAS di Singapura;
4. Antara aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kembara yang diadakan adalah seperti berikut:
 - i) Citra Budaya Negeri Sembilan;
 - ii) Raptor Watch;
 - iii) Port Dickson International Triathlon;
 - iv) Kenaboi International River Challenge; dan
 - v) Pesta Air Nasional, Port Dickson.

Beberapa produk baru di Negeri Sembilan juga telah

diperkenal dan dipromosikan yang kini telah menjadi daya penarik kepada pelancong iaitu:

1. Medan Ikan Bakar Port Dickson;
2. The Wellness Walk Zone Teluk Kemang;
3. Taman Alam Liar Lembah Jemaloi Jelebu; dan
4. Taman Eko Edu-Tourism Sungai Menyala, Port Dickson.

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 14JUN2011(SELASA)

DARIPADA Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan Pusat untuk melancarkan rekabentuk bandar selamat di Negeri Pulau Pinang dan apakah peruntukan sedia untuk Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian Dalam Negeri (P62) sebanyak

RM7,650,000.00 (RM Tujuh Juta Enam Ratus Lima Puluh Ribu) di bawah inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah untuk melaksanakan Program Bandar Selamat di kawasan sering berlaku jenayah jalanan telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 dan 2011 mengikut pecahan seperti dibawah :

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN	
	2010 (RM)	2011 (RM)
1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	2,450,000	1,500,000
2. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	2,200,000	1,500,000
	4,650,000	3,000,000
JUMLAH BESAR	7,650,000	

sumber: JPBDSM

Selain itu, peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian Dalam Negeri (P62) sebanyak **RM5,324,000 (RM Lima Juta Tiga Ratus Dua Puluh Empat Ribu)** telah disalurkan kepada Kementerian Perumahan

SOALAN (119)
dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2010 untuk membangunkan
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
Sistem Pemantauan ~~Dewan Bandaraya Kuala Lumpur~~ Pemetaan CIS Jenayah
yang merangkumi 42 balai polis **hotspot** dan 12 Pihak Berkuasa
Tempatan (PBT) **hotspot** termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang
(MPPP) dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP).

12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **hotspot** tersebut adalah : -

- i. Wilayah Persekutuan : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);

- ii. Selangor : Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Klang (MP Klang), Majlis Perbandaran Selayang (MP Selayang);
- iii. Johor : Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG); dan
- iv. Pulau Pinang : Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

Kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan juga telah memperuntukkan sebanyak **RM 2,872,800.00 (RM Dua Juta Lapan Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Lapan Ratus)** untuk Projek Pemantauan CCTV di bawah Program Bandar Selamat bagi Negeri Pulau Pinang.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2011

!%

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. DATO' SERI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :14/06/2011

SOALAN

Y.B. DATO¹ SERI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil alih sistem penyemakan dan kawal selia kredit yang kini dilakukan oleh syarikat swasta memandangkan terdapat kes di mana data peribadi peminjam telah diberi kepada pihak ketiga yang tiada kaitan dengan peminjam terbabit.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di Malaysia perkhidmatan rujukan kredit disediakan oleh kedua-dua entiti swasta dan awam sejak lebih 10 tahun yang lalu dan masing-masing mempunyai peranan mereka yang tersendiri. Sistem rujukan kredit awam, iaitu Sistem Rujukan Maklumat Kredit Pusat (CCRIS), adalah pengkalan data yang mengumpul dan menyalur maklumat kredit seseorang peminjam daripada dan kepada institusi-institusi kewangan di bawah kawalan Bank Negara Malaysia. Manakala, agensi pelaporan kredit swasta pula bertujuan membekalkan liputan dan kandungan yang lebih luas dengan maklumat yang diperoleh daripada sumber bukan bank yang lain, seperti maklumat litigasi, syarikat-syarikat telekomunikasi dan utiliti serta pembekal-

pembekal perdagangan. Secara kolektifnya, perkhidmatan yang disediakan oleh entiti-entiti awam dan swasta membantu pengembangan kredit

yang berhemat di dalam negara, seterusnya menyumbang kepada keselamatah dan kekuahan institusi kewangan serta kestabilan keseluruhan sistem kewangan.

2. Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (APK 2010) yang telah diluluskan di Parlimen tahun lalu merupakan Akta penting yang berperanan mengawal selia aktiviti-aktiviti semua entiti yang terlibat dalam perniagaan perkhidmatan pelaporan kredit di Malaysia. APK 2010 akan diimplementasikan setelah Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit dilantik oleh Menteri Kewangan untuk mengawal dan menyelia agensi pelaporan kredit. APK 2010 juga meliputi pemeliharaan privasi individu di mana agensi pelaporan kredit dikehendaki memaklum kepada peminjam bahawa maklumat mereka sedang dikumpulkan dan mendapat keizinan peminjam terlebih dahulu sebelum membuat penzahiran maklumat tersebut kepada pihak ketiga. Dengan penggubalan dan perlaksanaan APK 2010, isu pendedahan data peribadi peminjam kepada pihak ketiga tanpa keizinan peminjam akan dapat diselesaikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
 [SELAYANG]

TARIKH 14 Jun 2011

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menetapkan syarat untuk lesen teksi supaya hanya kereta Proton Waja digunakan dan apakah program

SOALAN NO.122

Kerajaan untuk membantu kewangan pemandu-pemandu teksi.

SOALAN NO.121

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut dasar semasa, teksi bajet yang dibenarkan adalah dari jenis kenderaan nasional iaitu Proton Iswara, Wira, Waja dan Saga BLM. Walaubagaimanapun, SPAD sedang menyemak semula dasar tersebut kerana Proton telah menghentikan pengeluaran model Iswara, Wira dan Waja. SPAD sedang mengenalpasti model-model kenderaan yang sesuai untuk dijadikan teksi dengan mengambilkira spesifikasi kenderaan (enjin, dimensi, dll) dan keselamatan yang ditetapkan, bersesuaian dengan dasar automatif negara.

Kerajaan telah memperkenalkan program Skim Persaraan 1 Malaysia melalui KWSP yang membolehkan pemandu teksi membuat caruman. Skim ini terbuka kepada individu yang berumur sehingga 55 tahun, diperkenalkan khusus oleh Kerajaan bagi memberikan perlindungan kewangan kepada individu yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap bulanan.

SOALAN NO. 121

Selain menerima dividen tahunan daripada KWSP, pencarum skim ini juga akan menikmati sumbangan tambahan sebanyak 5 peratus daripada Kerajaan dan tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun untuk tempoh lima tahun bermula dari 2010 hingga 2014.

Kerajaan juga telah memberi pengecualian cukai jualan ke atas pembelian kenderaan yang ingin dijadikan teksi.

Sebarang program tambahan untuk membantu kewangan pemandu-pemandu teksi akan diambilkira dalam penyediaan Pelan Induk Transformasi yang sedang dibangunkan oleh SPAD.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (122)

PERTANYAAN	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA LISAN
TARIKH	14 JUN 2011 (SELASA)
DARIPADA	PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

SOALAN

PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 29 Jun 2010, apakah status terkini 4 projek perumahan terbengkalai di Ampang, iaitu Taman Sri Angsana Hilir, Taman Kencana (Fasa 3) dan Taman Estana Court dan Ukay Bistari.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

<i) Taman Sri Angsana Hilir

Sehingga kini Sinesinga Sdn. Bhd masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak pemaju penyelamat bagi mendapatkan persetujuan nilai penebusan. Satu perbincangan dengan pihak pembeli asal projek ini akan diadakan pada bulan Julai 2011.

(ii) Taman Kencana Fasa ill

Sehingga kini pemaju penyelamat, Carden Meridien telah membayar 10% (RM330,000) kepada Sinesinga Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2010. Baki

SOALAN (123)

sebanyak RM2.9 juta akan dijelaskan sebelum akhir Jun 2011.

PERTANYAAN

(iii) Taman Estana court

Buat masa ini, pihak pemaju penyelamat iaitu Kisma Jaya Sdn. Bhd. sedang berurusan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan jalan masuk ke tapak projek.

(iv) Proiek perumahan Ukav Bistari

- (a) Servis apartment dan kedai (1027 unit)
 - . Pihak pemaju (Damai Bistari Sdn. Bhd.) telah melantik Syarikat Jati Pemborong Am sebagai ***Turn-key Contractor*** bagi menyiapkan keseluruhan projek.
 - . Blok A,D dan E dijangka siap secara fizikal pada Julai 2011. Sementara blok B,C dan F dijangka siap secara fizikal pada Disember 2011.
- (b) Apartment kos rendah (256 unit)
 - . Progres pembinaan pada peringkat kerja-kerja akhir. Pembangunan fizikal dijangka siap pada bulan Julai 2011.
- (c) Apartment kos sederhana (60 unit)
 - Di dalam proses ***refund*** kepada pembeli.
- (d) Apartment kos sederhana rendah (120 unit)
 - Di dalam proses ***refund*** kepada pembeli.

Kerajaan Tempatan Jun
2011

p-1 NO
SOALAN 1

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]
: LISAN**
PERTANYAAN : 14/06/2011
TARIKH

SOALAN

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan supaya bank-bank yang beroperasi di luar bandar negeri Sarawak seperti Agro Bank, Bank Simpanan Nasional supaya menjadi ejen ASB untuk memberi khidmat kepada pelabur luar bandar.

JAWAPAN DI LULUS KAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, para pelabur di Sarawak boleh melakukan urusniaga pembelian dan penjualan unit skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) di 186 cawangan ejen-ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang terdiri dari Malayan Banking Berhad, CIMB Bank Berhad, RHB Bank Berhad dan Pos Malaysia Berhad. Bilangan cawangan mengikut ejen-ejen ASNB di Sarawak adalah seperti berikut:

Ejen	Jumlah Cawangan di Sarawak
Malayan Banking Berhad	48
CIMB Berhad	36
RHB Berhad	39
POS Malaysia Berhad*	63
Jumlah	186

- 3 Selain dari cawangan-cawangan ejen ASNB yang disebutkan tadi,

terdapat empat pejabat ASNB di Sarawak, di mana tiga daripadanya menyediakan perkhidmatan jual-beli unit saham A5B dan satu pejabat menyediakan perkhidmatan urusniaga bukan tunai seperti skim potongan gaji, gantian atau ~~PEMBERITAHUAN~~^{PERINTAH} pelaburan, penukaran bentuk pelaburan dan lain-lain. Sebagaimana keputusan pelantikan ejen-ejen baru adalah tertakluk kepada otonomi bicara ASNB berdasarkan kemampuan dan keperluan ASNB.

NO. AUM : 123
NO. AUP : tlty

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAHALAM]

DARIPADA : 14 JUN 2011

3672
TARIKH

RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri berhubung kes orang yang disyaki penjenayah ditembak oleh pihak keselamatan yang semakin menjadi-jadi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sentiasa komited dalam menjaga keselamatan negara dan berusaha dalam mengurangkan kadar jenayah sejajar dengan aspirasi negara. Selain daripada itu, anggota polis juga sering terdedah dengan keadaan yang boleh mengancam nyawa yang memerlukan mereka untuk membuat keputusan dengan pantas dan mempertahankan diri. Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa menjalankan tugas sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan tidak sewenang-wenangnya menyalahgunakan kuasa yang telah diberi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan telah mengambil tindakan proaktif dalam membendung perkara ini dari berleluasa. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) pindaan ke atas Arahan Tetap Ketua Polis Negara mengenai tatacara penggunaan senjata api;

- (ii) menekankan mengenai peraturan penggunaan senjata api kepada anggota dan pegawai PDRM semasa latihan di samping menjalani sesi kaunseling ; dan
- (iii) menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib sekiranya didapati bersalah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

NO. AUP : *MT*
NO. AUM : 125

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [PENGKALAN
CHEPA]

PERTANYAAN 14 JUN 2011

DARIPADA 3868

TARIKH SOALAN:

RUJUKAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan nama kumpulan-kumpulan yang diklasifikasikan sebagai pengganas atau *terrorist* yang ada dalam senarai Kerajaan Malaysia. Nyatakan faktor-faktor mengapa pertubuhan tersebut dikelaskan sebagai pengganas atau *terrosist* dan nyatakan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pertubuhan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Resolusi 1267 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), semua negara anggota termasuklah Malaysia telah sepakat untuk memerangi keganasan. Mengikut *Consolidated List* yang dibentuk mengikut resolusi tersebut, 56 kumpulan telah dikenalpasti sebagai kumpulan pengganas. Daripada jumlah tersebut, hanya terdapat dua kumpulan sahaja yang menjalankan operasi di Malaysia iaitu Jemaah Islamiyah (JI) dan Darul Islam (DI).

Tuan Yang Dipertua,

Dua kumpulan yang beroperasi di Malaysia yang saya maksudkan itu mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas antarabangsa iaitu rangkaian al-Qaeda yang terlibat dalam melakukan beberapa serangan dan pengeboman di beberapa tempat di rantau ini.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, pendirian Kerajaan

terhadap dua kumpulan berkenaan yang saya maksudkan itu adalah jelas berdasarkan resolusi tersebut.

SOALAN NO.: 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI
MAHMUD
KAWASAN KOTA RAJA
TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sejauh mana perkembangan dan kemajuan penggubalan Akta **juru Ukur** Bangunan dan Senggaraan yang pernah dijanjikan Menteri di dalam Dewan Negara pada Disember 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil maklum dan mengakui tentang kepentingan dan peranan juru Ukur Bangunan di negara ini. Ini kerana bidang profesion tersebut berperanan penting membantu Kerajaan untuk mengurus dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bidang profesional lain yang terlibat dalam industri pembinaan dan penyelenggaraan bangunan di negara ini seperti arkitek dan jurutera. Oleh itu cadangan bagi mewujudkan Akta jura Ukur Bangunan perlu diteliti dari pelbagai sudut, khususnya aspek yang melibatkan pertindihan dengan bidang profesion dan undang-undang yang sedia ada, seperti Akta Arkitek 1966 dan Akta Pendaftaran jurutera 1967.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Kerja Raya masih lagi sedang meneliti dan mendapatkan pandangan serta maklum balas dari pihak-pihak yang berkepentingan atau stakeholders yang terlibat sebelum memutuskan sebarang cadangan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Ini bagi memastikan kepentingan semua pihak yang terlibat telah diambil kira, khususnya kepada orang awam sebagai pengguna akhir sesebuah bangunan itu.

PERTANYAAN

Sekian. Terima kasih.
JAWABLISAN

SOALAN NO: 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

DARIPADA TUANAMRAN BINAB GHANI (TANAH
 MERAH)

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN 127

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan penerima dan jumlah peruntukan khas yang terlibat dalam pemulangan duti hiburan kepada penggiat filem.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula dari tahun 2005 sehingga Disember 2010, sejumlah RM38 juta telah dikembalikan kepada penerbit filem melalui Skim Pemulangan Duti Hiburan. Skim ini telah dihentikan pada tahun 2011 disebabkan kekangan dana.

Namun begitu, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian Insentif Tayangan Filem Tempatan bagi membantu penerbit filem tempatan. Insentif ini telah diluluskan Jemaah Menteri pada 23 Februari 2011 dan akan dikuatkuasa mulai 1 Julai 2011 dengan peruntukan

SOALAN NO: 127

tahunan berjumlah RM13.1 juta setahun bagi menampung jangkaan penerbitan 35 filem tempatan. Kaedah ini juga membolehkan para pengusaha atau penerbit filem tempatan menikmati insentif ini berdasarkan jumlah kutipan yang berjaya diperoleh di pawagam.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan dan projek-projek dalam Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMKe-10) untuk Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM3,078,034,168 bagi melaksanakan sebanyak 252 **program/projek** bagi *rolling plan* pertama (2011-2012) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) bagi Negeri Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ONG TEE KEAT [PANDAN]
SOALAN NO. 128
TARIKH 14 JUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN

Dato' Sri Ong Tee Keat (Pandan) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menaiktaraf landasan berkembar yang masih belum siap dibina agar ia dapat menampung keperluan stok kereta (*rolling stock*) berkelajuan tinggi yang selaju 250km/jam ke atas. Jika ya, bila dan berapa anggaran kosnya. Kenapa unsur ini tidak diambil kira lebih awal dalam perancangannya. Jika tidak, mengapa.

SOAI AN NO 129

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Rangkaian landasan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Semenanjung Malaysia adalah sepanjang 1,700 km dan

SOALAN NO.129

mempunyai tolok landasan 1.0 meter (*meter gauge*) yang terdiri daripada landasan tunggal dan landasan berkembar.

Kelajuan maksimum landasan keretapi *metre gauge* bagi landasan tunggal adalah 90km sejam manakala landasan berkembar adalah 140km sejam. Oleh yang demikian, rekabentuk landasan sedia ada sememangnya tidak dapat menampung stok kereta yang berkelajuan 250km sejam dan ke atas.

Pada masa ini Kerajaan tiada hasrat untuk menaiktaraf infrastruktur landasan landasan berkembar yang sedang dalam pembinaan iaitu Projek Landasan Berkembar Ipoh - Padang Besar (329 km) dan Seremban - Gemas (94 km) kepada kelajuan tinggi 250km sejam kerana projek ini sedang dalam pembinaan dan ianya memerlukan kos yang besar bagi menukar keseluruhan sistem infrastruktur

SOALAN NO.129

landasan keretapi dan memerlukan perolehan stok kereta baru yang berkelajuan tinggi bagi menggantikan stokereta sedia ada.

Penukaran ini juga melibatkan penaiktarafan infrastruktur rel sektor lain yang telah siap seperti Seremban - Ipoh dan Batu Caves - Pelabuhan Kelang bagi menyediakan *seamless travel* kepada penumpang termasuk perolehan baru stokereta yang memerlukan kos yang amat besar untuk dilaksanakan.

Penggunaan keretapi berkelajuan tinggi tidak diambil kira pada awal perancangan bagi menaiktaraf kepada landasan berkembar kerana sistem *metre gauge* sedia ada yang digunakan adalah selari dengan sistem keretapi yang digunakan di negara-negara ASEAN seperti Thailand, Singapura, Kemboja, Vietnam, Laos dan Myanmar di bawah projek *Singapore - Kunming Rail Link* (SKRL) bagi

SOALAN NO.129

mengintegrasikan sistem landasan keretapi di negara-negara ASEAN. Pada masa ini sistem keretapi KTMB adalah bersambung dengan sistem keretapi *State Railway of Thailand* di Padang Besar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: **13C**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
KAWASAN	TELOK KEMANG 14 JUN 2011 (SELASA)
TARIKH	

SOALAN:

Y.B. DATO¹ KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan

- (a) Tindakan mengatasi keretakan di bahagian pier head yang menyokong jambatan sepanjang 1.7KM. Projek jalan Lingkaran Tengah 2, Paket 11 (MRR2) yang telah diperbaiki pada tahun 2006 dan sekali lagi pada 2008; dan
- (b) Adakah kegagalan 3 tendon CFRP berpunca dari kelemahan dalam kerja kejuruteraan reka bentuk dan kerja binaan.

Tuan Yang Di-Pertua;
JAWAPAN:

- (a) Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Kerja Raya (JKR) pada bulan Ogos 2008 telah mengesan kerosakan yang berlaku di rasuk silang jejambat di pier 28, Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Kepong. Kerosakan itu berpunca dari tindak balas kimia disebabkan oleh pemilihan tendon pra tegasan yang tidak bersesuaian dengan iklim persekitaran, iaitu dari jenis Carbon Fibre Reinforced Polymer (CFRP).

Sehubungan itu, JKR telah memutuskan untuk menggantikan tendon dari jenis CFRP tersebut kepada tendon pra tegasan dari jenis keluli. Kerja-kerja pembaikan di pier 28 itu telah dimulakan pada 5 November 2009 dan siap pada 12 Disember 2010. Kos kerja-kerja pembaikan tersebut termasuk pemasangan rangka pengikat dan jaring keselamatan di tiang-tiang jejambat lain ialah sebanyak RM3 juta dan ia dilaksanakan oleh syarikat Bridgex Sdn. Bhd.. Manakala tender untuk menggantikan tendon bagi baki 25 tiang jejambat yang lain telah ditawarkan kepada syarikat yang berkelayakan dan kini sedang dalam peringkat penilaian harga oleh JKR. Anggaran kos pembaikan ini ialah sebanyak RM45 juta dan dijangka siap dalam tempoh 30 bulan. Pelaksanaan projek pembaikan ini akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan September 2011.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah memfailkan kes tuntutan ganti rugi membaiki keseluruhan kerosakan jejambat MRR2 ini terhadap kontraktor utama di

Mahkamah Tinggi. Sehubungan itu, punca keretakan sebenar jejambat MRR2 di Kepong ini tidak dapat diberikan kerana ia dianggap sebagai subjudice. Walau bagaimanapun, kementerian ini telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jejambat berkenaan terlebih dahulu tanpa perlu menunggu keputusan kes dari mahkamah. Ini bagi memastikan tahap keselamatan pengguna sentiasa diberikan keutamaan berbanding tuntutan kerugian kos yang masih lagi dalam status pengurusan kes oleh pihak mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS 2011

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 14 JUN 2011

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah permohonan murtad bagi penganut Islam dan berapakah permohonan yang diluluskan mengikut negeri dari tahun 2000-2010 serta tindakan Jabatan Agama Islam untuk menangani gejala murtad.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

NO. SOALAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan menukar status agama oleh orang Islam di Mahkamah Syariah dari tahun 2000 hingga 2010 adalah berjumlah 863 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 168 kes telah diluluskan. Statistik lengkap mengikut negeri ialah :

Bil	Negeri	Permohonan	Lulus
1	Terengganu	1	-
2	Wilayah Persekutuan	56	10
3	Kedah	5	1
4	Kelantan	-	-
5	Melaka	12	3
6	Negeri Sembilan	172	33
7	Pahang	8	7
8	Pulau Pinang	36	1
9	Perak	47	12
10	Perlis	3	1
11	Selangor	99	-
12	Sabah	238	67
13	Johor	8	-
14	Sarawak	1	-
	<i>Jumlah</i>	864	168

Dalam menangani gejala murtad, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa melaksanakan program dan aktiviti bagi mengelakkan berlakunya gejala ini terutamanya dikalangan saudara-saudara baru. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti khidmat nasihat; ziarah dan lawatan ke rumah; aktiviti-aktiviti pengukuhan agama; kelas pengajian agama; dan sokongan bantuan Baitulmal

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 132

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
TARIKH	[TELOK INTAN] 14.06.2011 (SELASA)

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan

- (a) apakah sebabnya harga barang asas kadang-kadang berbeza dari satu tempat (atau pusat pembelian) ke tempat lain kadang-kadang perbezaannya 1 hingga 2 ringgit; dan
- (b) apakah kawalan oleh Kementerian untuk memastikan harga barang keperluan asas itu konsisten di semua kedai di sesuatu lokasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerajaan hanya mengawal harga beberapa barang asas yang diberikan subsidi iaitu gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak sawit dan gas petroleum cecair. Kerajaan juga tidak mengawal mekanisme

penetapan harga jualan barang asas yang lain oleh peruncit. Harga barang asas berbeza-beza di suatu kawasan adalah disebabkan faktor kos belian, kos pengurusan dan operasi serta kos-kos lain yang terlibat seperti kadar sewa premis, jumlah pembelian dan kadar upah pekerja. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara oleh Pegawai Pemantau Harga dan Pegawai-pegawai Bahagian Pengawalselia sama ada secara berkala, secara mengejut dan berdasarkan aduan pengguna. Justeru itu, sebarang perubahan harga barang keperluan dapat dikesan dan tindakan segera diambil untuk menstabilkan harga barang terlibat.

Pelbagai langkah mahupun kawalan telah diambil oleh pihak kementerian dalam memastikan harga barang keperluan asas adalah konsisten di semua kedai di sesuatu lokasi. Misalannya mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan bagi semua jualan runcit. Justeru itu, pengguna disarankan membuat perbandingan harga sebelum melakukan sebarang pembelian ke atas sesuatu barang itu. Hal ini sejajar dengan kempen kementerian iaitu pengguna bijak dan pengguna berkuasa dalam pasaran bagi membuat keputusan pembelian.

Kementerian juga sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang berkaitan bagi memantau harga barang keperluan asas adalah konsisten. Antara langkah-langkah kawalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. menetapkan harga runcit secara pentadbiran ke atas barang kawalan tertentu seperti yang termaktub di dalam Akta Kawalan Bekalan 1961;
- ii. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKMPH) pada musim-musim perayaan tertentu; dan

- iii. menetapkan harga maksimum borong dan runcit terutamanya bagi gula pasir putih bertapis halus dan kasar serta topeng muka (pembedahan/perubatan) secara undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga 1946.

Segala usaha Kementerian dalam memastikan harga barang keperluan asas telah terbukti berkesan dan keberkesanannya sentiasa dinilai dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

NEGARA PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAI SIPUT]

TARIKH 14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan perniagaan di Negara mengikut sektor (pertanian, pembuatan, pembinaan, kewangan, pengangkutan, perdagangan borong dan runcit, dan lain-lain lagi) dan saiz perniagaan mengikut bilangan kakitangan (1-10, 11-50, 51-100, 101- 500, 501-1000, dan lebih daripada 1000 pekerja).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat dari Band Pertubuhan dan Enterpris 2005 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat **563,382** pertubuhan perniagaan yang meliputi sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan; Pembuatan; Pembinaan; Perlombongan & Pengkuarian dan Perkhidmatan.

Bagi sektor **Pertanian, Perhutanan dan Perikanan** terdapat **34,486** pertubuhan perniagaan. Sebanyak 94 peratus pertubuhan perniagaan mempunyai pekerja dalam kategori 1-10; 5 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 11-50 dan satu peratus dalam saiz kumpulan pekerja 51 ke atas.

Manakala bagi sektor **Pembuatan** pula, terdapat **40,793** bilangan pertubuhan perniagaan di mana 62 peratus berada dalam saiz kumpulan pekerja 1-10; 24 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 11-50; enam peratus dalam saiz kumpulan pekerja 51-100; enam peratus dalam saiz kumpulan pekerja 101-500; satu peratus dalam saiz kumpulan pekerja 501-1000 dan satu peratus bagi saiz kumpulan pekerja lebih daripada 1000.

Terdapat **10,347** bilangan pertubuhan dalam sektor **Pembinaan** di mana 42 peratus berada dalam saiz kumpulan pekerja 1-10; 37 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 11-50; sembilan peratus dalam saiz kumpulan pekerja 51-100; 10 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 101-500; satu peratus bagi saiz kumpulan pekerja 501-1000 dan satu peratus bagi saiz kumpulan pekerja lebih daripada 1000.

Sementara itu, bagi sektor **Perlombongan & Pengkuarian**, terdapat **231** pertubuhan perniagaan. Sebanyak 10 peratus berada dalam saiz kumpulan pekerja 1-10; 55 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 11-50; 23 peratus dalam saiz

kumpulan pekerja 51-100; 10 peratus dalam saiz kumpulan pekerja 101-500 dan dua peratus dalam saiz kumpulan pekerja 501 ke atas.

Untuk sektor **Perkhidmatan**, terdapat **477,525** bilangan pertubuhan perniagaan. Didapati sebanyak 90 peratus pertubuhan berada dalam saiz kumpulan pekerja 1- 10; lapan peratus dalam saiz kumpulan pekerja 11-50; satu peratus dalam saiz kumpulan pekerja 51-100 dan satu peratus bagi saiz kumpulan pekerja 101 ke atas.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Band Ekonomi 2011 bagi mengemaskini maklumat berkaitan pertubuhan perniagaan dan menyediakan maklumat yang lengkap serta komprehensif berkaitan struktur ekonomi.

SOALAN NO.:134

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

TARIKH 14 JUN 2011

SOALAN

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah bagi memantau zoo-zoo dalam Malaysia agar spesis-spesis haiwan di dalamnya dijaga sebaiknya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memantau zoo-zoo di Malaysia agar spesis-spesis haiwan di dalamnya dijaga sebaiknya. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil termasuk:

- i. Memperkuatkan perundangan terhadap pengendalian aktiviti taman zoologi melalui pengubahan dan penguatkuasaan Akta baru iaitu, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Akta ini memperuntukkan setiap zoo mesti mendapatkan permit mengendali zoo. Ketidakpatuhan kepada peruntukan Akta ini boleh menyebabkan pemilik zoo diambil tindakan undang-undang dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tujuh puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;
- ii. Mewujudkan sistem pemberian permit secara tahunan kepada zoo yang diluluskan untuk beroperasi . Melalui sistem permit ini pengurusan dan

aktiviti zoo dapat dipantau dan dikawalselia supaya memenuhi kehendak Peraturan Pengendalian Zoo. Permit akan diperbaharui secara tahunan setelah zoo melepas tapisan dan diperakui oleh Jawatankuasa Zoo Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

- iii. Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) 2011 menggariskan supaya pemilik zoo menitikberatkan kebajikan hidupan liar zoo, di antaranya menyediakan saiz kurungan yang bersesuaian, menyediakan kawasan kuarantin, pemberian makanan dan minuman yang diperlukan, pembersihan kurungan dan menyediakan khidmat seorang Doktor Veterinar sepenuh masa atau Doktor Veterinar kosultan.
- iv. Mewujudkan pasukan petugas (*task force*) untuk mengaudit semua zoo di Semenanjung Malaysia secara berkala bagi memastikan peraturan pengendalian zoo dipatuhi. Tindakan sewajarnya akan diambil dari semasa ke semasa berdasarkan hasil pengauditan yang dilakukan .
- v. Mengadakan program untuk mempertingkatkan kesedaran pengusaha Taman Zoo dan lain-lain premis yang berkaitan agar lebih bertanggungjawab terhadap hidupan liar yang dipamerkan. Taklimat mengenai Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dan Peraturan Pengendalian Zoo telah diberi kepada semua pengusaha zoo.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengkaji langkah-langkah yang telah diambil dari semasa ke semasa untuk membuat penambahbaikan bagi memastikan pengurusan zoo di Semenanjung Malaysia mencapai tahap yang setaraf dengan zoo lain di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO:135

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN Y.B DATIN LINDA TSEN THAU LIN (BATU
SAPI)**

TARIKH

14.6.2011

SOALAN

135

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah rancangan untuk membantu 12 kampung di pulau dalam kawasan parlimen Batu Sapi yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan air. Nama-nama kampung tersebut ialah Kg. Asam-asam Manis, Kg. Baru, Kg. Trusan Baru, Kg. S Magon, Kg. Upak, Kg. Simurah, Kg. Sirabut, Kg. Magkalai, Kg. Tronglit, Kg. Tronglitman, Kg. Api-api dan Kg. pulau Shanghai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dntuk makluman, cadangan penyambungan bekalan elektrik dan bekalan air ke 12 buah kampung yang disenaraikan oleh YB Batu Sapi tidak dimasukkan di dalam senarai projek NKRA Kementerian. Memandangkan peruntukan yang diluluskan di bawah '*1st rolling plan*' tahun 2011-2012 telah komited dengan projek-projek yang diluluskan terdahulu, Kementerian telah menyenaraikan cadangan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALE) ke 12 buah kampung terlibat pada tahun 2013 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kelak.

NO. AUM :>87

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

TARIKH 14 JUN 2011

RUJUKAN 3673

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan penjelasan dan pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap artikel akhbar Utusan Malaysia tentang plot yang didakwa dirancang oleh paderi-paderi Kristian untuk menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi negara dan melantik seorang Perdana Menteri yang beragama Kristian.
Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan soalan.

Kementerian mendapati artikel yang disiarkan oleh akhbar Utusan Malaysia bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011 telah menggemparkan fikiran orang ramai dan didapati menyalahi peruntukan seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Oleh itu, Kementerian telah mengeluarkan mengeluarkan surat teguran kepada akhbar tersebut pada 12 Mei 2011.

NO. SOALAN : 137
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH JAWAPAN 14 JUN 2011 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah nilai pampasan ganti rugi kepada pembekal/kontraktor dari negara China yang menandatangani perjanjian penjana elektrik menggunakan arang batu di Sinakut, Lahad Datu pada tahun 2008 yang telah diumumkan pembatalannya oleh Kerajaan. Bagaimana tindakan Kerajaan untuk membekalkan tenaga elektrik di pantai Timur Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembatalan projek loji jana kuasa berasaskan arang batu berkapasiti 300MW di Lahad Datu telah menyebabkan pemilik projek terpaksa membayar pampasan ganti rugi kepada pihak kontraktor. Jumlah yang terlibat adalah sebanyak USD22.5 juta iaitu sebagai pembayaran muktamad terhadap kontrak yang telah ditandatangani.

Berdasarkan *power system study*, dengan izin, yang telah dilaksanakan, Pantai

Timur Sabah memerlukan kapasiti penjanaan yang berdaya harap bagi memenuhi keperluan *baseload*. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju dengan pembinaan projek loji jana kuasa berdasarkan *Liquefied Natural Gas* (LNG) berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah. Loji jana kuasa ini dijangka akan dapat mula beroperasi pada penghujung tahun 2015.

Di samping itu, projek-projek penjanaan dari sumber tenaga boleh baharu yang berpotensi juga turut akan dibangunkan bagi menampung permintaan elektrik di Pantai Timur Sabah. Secara tidak langsung, penambahan kapasiti penjanaan sedemikian dijangka akan dapat membantu mengatasi masalah ketidakcukupan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah yang sebahagian besarnya pada masa kini dibekalkan melalui loji jana kuasa diesel yang telah lama dan tidak berdaya harap.

Soalan No :

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN
PERTANYAAN **RAKYAT** LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
(LIMBANG)

TARIKH 14.06.2011

Soalan No :

SOALAN: PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan dan cadangan Kerajaan dalam 'redevelopment' (gantian) untuk SMK Limbang, SK Meritam, SK Tanjong dan SK Tedungan / SK Lubok Tekurok / SK Kuala Awang dan cadangan pembinaan sekolah-sekolah baru untuk SMK Bukit Mas dan SK Sinar Cahaya di Parlimen Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan pasukan audit fizikal untuk melakukan lawatan dan membuat penilaian terhadap keperluan-keperluan pembinaan sekolah-sekolah di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dari lawatan tersebut diakui kedaifan bangunan sekolah, asrama dan rumah guru di Sarawak termasuklah di kawasan Limbang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek pembangunan sekolah telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke 10 melalui 'Second Rolling Plan' untuk pertimbangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk projek-projek yang dikemukakan adalah bergantung kepada keperluan yang mendesak serta kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

NO. SOALAN : 139

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN TAN AH ENG [GELANG PAT AH]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	14 JUN 2011 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) jumlah bilangan kes pengusikan meter TNB di seluruh negara; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan tuduhan yang tidak tepat mengenai pengusikan meter TNB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu pengusikan meter merupakan satu isu yang dihadapi oleh mana-mana syarikat utiliti di dunia. Bagi membolehkan perkara ini diatasi di negara ini, Seksyen 37 (3), dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 telah menetapkan bahawa pengusikan meter merupakan satu kesalahan. Usikan meter dikenalpasti sebagai kaedah utama mencuri bekalan elektrik dan menyebabkan kehilangan hasil kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang secara tidak langsung menyebabkan Kerajaan juga kehilangan hasil dari pungutan cukai.

Bilangan kes berkaitan pengusikan meter adalah berjumlah 7,362 kes bagi tahun kewangan TNB 2008, sebanyak 8,871 kes bagi tahun kewangan TNB 2009 dan 9,350 kes bagi tahun kewangan TNB 2010. Bagi tahun kewangan

TNB 2011 iaitu bagi 9 bulan pertama, sebanyak 22,205 kes telah dicatatkan, di mana tahun kewangan TNB adalah dari September hingga Ogos setiap tahun. Peningkatan mendadak bagi tahun 2011 adalah disebabkan oleh pemasangan peralatan yang lebih baik untuk mengesan pengusikan meter serta penguatkuasaan yang lebih berkesan oleh Suruhanjaya Tenaga dan TNB.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
Bagi memastikan bahawa kes usikan meter adalah benar dan tidak menganiayai mana-mana pengguna, pihak TNB perlu melaporkan perkara tersebut kepada pihak Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia bekalan elektrik negara untuk tujuan pengesahan, sebelum pengguna boleh didakwa. Ini adalah bagi memastikan pengguna dilindungi terlebih dahulu dan hanya tuduhan yang benar- benar sahih sahaja yang akan diambil tindakan.

Kementerian saya dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga kini dalam proses mengkaji semula Akta Bekalan Elektrik 1990 terutamanya bagi Seksyen 37 dan Seksyen 38 bagi memastikan pengguna tidak teraniaya disebabkan oleh pengusikan meter yang tidak dilakukan oleh pengguna. Selain daripada Akta Bekalan Elektrik 1990, Kementerian ini dan Suruhanjaya Tenaga sedang dalam tindakan untuk mengetatkan lagi Peraturan-Peraturan Pemegang Lesen 1990 dan Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1994 bagi memastikan pengguna sentiasa dilindungi dan pada masa yang sama tidak menjelaskan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan oleh TNB.

NO. SOALAN : 141
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

